


**Jilid IV
Bil. 7**



**Hari Rabu
7hb Mac, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1197]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh) [Ruangan 1295]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) [Ruangan 1384]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, D.S.S.A.,
P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.R., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIENG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 7hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DIESEL DARI MINYAK
KELAPA SAWIT

1. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan semenjak pengumuman dibuat bahawa Malaysia berjaya dalam menghasilkan minyak diesel dari kelapa sawit, apakah kedudukan sebenar dalam usaha untuk menjualkan minyak diesel ini kepada orang ramai. Apakah baik buruknya minyak diesel daripada kelapa sawit dengan minyak diesel biasa. Jika kita dapat mengeluarkan minyak diesel ini secara komersial, adakah cadangan untuk mengeksportkan diesel ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, penghasilan diesel dari minyak kelapa sawit masih lagi di peringkat penyelidikan. Sebuah loji rintis telah ditubuhkan untuk mengkaji tentang viabiliti penggunaannya dari segi teknikal untuk menentukan sama ada diesel dari minyak kelapa sawit ini dapat berfungsi sebagai bahan tenaga setanding dengan diesel petroleum. Buat masa ini, kajian tersebut telah sampai ke peringkat ujian lasak fasa kedua yang melibatkan beberapa buah lagi ejin. Pengujian ini

penting dalam langkah mencari penyelesaian kepada masalah-masalah teknikal yang boleh membawa kerumitan dalam pemasaran diesel minyak kelapa sawit kepada pengguna-pengguna. Masalah-masalah seperti 'fuel dilution', dengan izin, kesan reaksi diesel minyak kelapa sawit yang boleh melarutkan cat kereta-kereta dan menghakiskan hos bahanapi plastik, lantai simen serta paip tembaga perlu diatasi terlebih dahulu sebelum diadakan kajian kemungkinan untuk menentukan viabiliti ekonomi dan komersialnya dan seterusnya pemasaran bahan ini kelak.

Melalui ujian-ujian yang dijalankan setakat ini jelas memperlihatkan bahawa diesel minyak kelapa sawit mempunyai beberapa keistimewaan. Selain daripada mempunyai nilai setana yang tinggi asap dari ekzos yang menggunakan diesel minyak kelapa sawit menunjukkan kandungan nitrogen oksid, karbon monoksid dan sulfur dioksid yang rendah, tiada pengumpulan karbon, tiada 'knocking' dan enjin mudah dihidupkan. Faedah-faedah sampingan lain yang boleh juga diperolehi dari pengeluaran diesel minyak kelapa sawit adalah seperti berikut:-

- (i) industri kelapa sawit negara dapat dilindungi semasa kelebihan pengeluaran dan kejatuhan harga;
- (ii) bahan-bahan sampingan dapat dikeluarkan seperti Gliserol, Vitamin E, Karotina, Squalene dan Sterol; dan

- (iii) Metil Ester atau diesel minyak kelapa sawit ini juga merupakan bahan yang utama untuk industri oleokimia.

Mengenai soal mengeksport diesel minyak kelapa sawit, cadangan ini akan dipertimbangkan kelak setelah viabiliti ekonominya ditentukan dan usaha komersial dijalankan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah patut kita publisiti-kan hakikat bahawa minyak kelapa sawit ini boleh dijadikan minyak diesel memandangkan bahawa hakikat ini mungkin mempunyai implikasi-implikasi negatif terhadap pengguna yang mana minyak yang boleh dimakan dijadikan sebagai minyak pembakar.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kajian-kajian untuk menjadikan diesel dari minyak kelapa sawit ini betul-betul menunjukkan bahawa ada economic viability pada satu hari nanti, adakah jumlah pengeluaran minyak kelapa sawit kita seluruh negara akan dapat menentukan bahawa pengeluaran diesel daripadanya ataupun pengeluaran diesel 1/10 daripada pengeluaran minyak kelapa sawit ini dapat menggantikan pembekalan minyak diesel pada masa sekarang memandangkan bahawa bekalan minyak diesel dari sumber minyak tanah masih lagi merupakan bekalan yang ekonomik ataupun yang murah?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar mengenai kemungkinan timbulnya implikasi negatif daripada penghasilan diesel dari minyak kelapa sawit ini terhadap strategi pemasaran minyak kelapa sawit untuk makanan manusia. Perkara ini adalah di antara perkara-perkara yang akan dimasukkan ke dalam kajian kemungkinan apabila kita hendak menimbangkan soal sama ada patut diusahakan secara komersial atau tidak pada masa yang akan datang.

Mengenai soalan yang kedua, soalan ini adalah berbentuk kekalauan dan pihak Kementerian belum mempunyai jawapan-jawapan yang tertentu sehingga kajian-kajian terperinci dijalankan.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, memang kejayaan kita dalam menghasilkan minyak diesel daripada kelapa sawit adalah satu teknologi yang indigenous kepada negara kita dan saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian supaya teknologi yang indigenous kepada kita ini dapat diperlindungi daripada ditiru ataupun didapati oleh negara pengeluar lain seperti Indonesia dan Thailand oleh kerana di masa-masa hadapan kita dapat tahu bahawa negara-negara pengeluar ini pun meminta bantuan daripada kita untuk menjalankan skim kelapa sawit mereka di negara mereka, tetapi mereka lebih pandai dan oleh kerana itu kita berharap supaya sekarang ini teknologi yang kita perolehi daripada kajian kita, kita dapat perlindungi supaya negara lain tidak mendapat teknologi itu?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buat masa ini projek minyak diesel daripada kelapa sawit ini baru sahaja pada peringkat experiment, dengan izin, maka tidak timbul soal pembocoran teknologi ini kepada pihak-pihak lain. Sekiranya pihak Kerajaan berpendapat kelak kita perlu memajukan minyak diesel daripada kelapa sawit ini maka langkah-langkah sewajarnya akan diambil untuk melindungi teknologi ini dan kemungkinan ianya akan dipatenkan.

PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA— KEUNTUNGAN

2. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah

keuntungan yang diperolehi oleh Malaysian International Shipping Corporation (MISC) sejak 3 tahun yang lalu dan apakah prospek MISC pada masa akan datang dan bagaimana ia dapat memperbaiki ekonomi negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 1986 hingga tahun 1988, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia atau, dengan ringkasnya, MISC, telah memperolehi keuntungan bersih sebanyak \$923 juta. Pecahan keuntungan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Keuntungan</i> \$ Juta
1986	243.1
1987	288.3
1988 (meningkat kepada)	391.6

Akaun MISC bagi tahun 1989 sedang disediakan. Keuntungan syarikat dijangka akan terus meningkat.

Sebagai sebuah syarikat perkapalan antarabangsa, prospek MISC adalah bergantung kepada peningkatan dalam perdagangan antarabangsa dan tempatan, khususnya di rantau ASEAN ini, yang melibatkan pengangkutan laut. Sehubungan dengan ini, pengangkutan laut di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang baik untuk beberapa tahun kebelakangan ini. Misalnya, dalam tahun 1987, pengangkutan kargo laut di Malaysia telah meningkat sebanyak 10.7% kepada 70.5 juta FWT atau, dengan izin, Freight Weight Tonne dan pada tahun 1988 ianya telah meningkat sebanyak 7.6% kepada 75.9 juta FWT (Freight Weight Tonne).

Maka berdasarkan kepada kedudukan ini, pengangkutan kargo laut dijangka akan terus meningkat untuk tahun-tahun yang akan datang. Dalam hal ini, MISC berusaha membuat kontrak-kontrak pengangkutan laut

jangka panjang untuk menjamin pendapatan yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, MISC dapat menyumbang kepada ekonomi negara melalui penawaran perkhidmatan laut tempatan dan antarabangsa yang cekap dan berdaya saing dengan pemilikan angkatan kapal sebanyak 45 buah, serta 6 buah kapal baru yang moden yang sedang dalam pembinaan, iaitu 4 buah kapal tangki kimia, setiap satu beratnya 30,000 tan metrik dan 2 buah kapal kargo pukal cair, setiap satu beratnya 16,500 tan metrik yang akan digunakan bagi pengangkutan minyak sawit dan susu getah negara. Ini akan membantu dalam urusan dagangan Malaysia di samping menghasilkan pendapatan daripada pertukaran matawang asing, dan dengan ini sedikit sebanyak membantu dalam mengurangkan bayaran tak ketara negara.

MISC juga menyediakan peluang-peluang latihan dan pekerjaan kepada pelaut-pelaut Malaysia, kakitangan darat dan ahli-ahli perkapalan profesional serta mewujudkan rangkaian perniagaan sampingan di laut dan di darat yang dalam jangka panjang akan meningkat ke mutu perkhidmatan pengangkutan laut Malaysia di pasaran antarabangsa.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan tentang peningkatan pengangkutan laut di dalam rantau ini. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang bagaimana kedudukan persaingan ataupun competition antara MISC dengan syarikat-syarikat perkapalan yang lain. Dan apakah langkah-langkah spesifik yang telah diambil untuk menjadikan MISC lebih kompetitif dalam jenis bidang pengangkutan laut?

Yang keduanya, saya nampak bahawa sudah lama laporan tahunan MISC tidak dibentangkan di dalam

Parlimen. Saya ingin mendapat tahu apakah sebabnya dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan bahawa laporan tahunan MISC ini dapat dibentangi di dalam Parlimen mengikut jadual?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, untuk menjawab bahagian soalan yang kedua iaitu tentang laporan tahunan, kalau tidak ada, saya akan siasat mengapa ada kelambatan, kalau ada kelambatan, iaitu tidak mengikut jadual seperti yang dikehendaki. Sepertimana kita sedia maklum bahawa syarikat-syarikat seperti ini memerlukan laporan tahunannya dibentangkan kepada pihak Kerajaan terlebih dahulu sebelum ianya dikemukakan kepada Parlimen.

Mengenai syarikat-syarikat lain, daripada segi MISC sebagai sebuah syarikat yang besar, tentu sekalilah MISC sentiasa berusaha untuk meningkatkan persaingan atau competitiveness dengan syarikat-syarikat lain. Dalam soal ini, MISC sentiasa meningkatkan kecekapan, kapasiti dan juga di samping itu mengurangkan perbelanjaan seberapa yang boleh. Itulah cara MISC dan sebab itulah kalau kita lihat keuntungan MISC sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Kalau dahulunya MISC sentiasa mengalami kerugian, tetapi pada masa sekarang sehingga syernya pun telah meningkat harganya begitu tinggi sekali—kalau tidak salah saya, pada hari ini harganya ialah lebih kurang \$9.90.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu berapakah ekuiti Kerajaan dalam MISC dan siapakah ahli-ahli syer yang lain?

Yang kedua, berapa buah kapal-kapal yang ada dan sila beritahu destinasi-destinasinya?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti berapa sebenarnya kuantum ataupun syer Kerajaan dalam MISC. Tetapi sepertimana kita sedia maklum, MISC merupakan satu public listed company dan adalah sukar bagi kita menentukan siapakah shareholdersnya.

Mengenai bilangan kapal, pada masa ini MISC ada mempunyai 45 buah kapal dan adalah diharapkan bilangan itu akan meningkat kepada lebih kurang 50 pada hujung tahun ini. Inilah merupakan harapan dan rancangan pihak MISC.

Mengenai destinasi MISC ini, kalau kita lihat ianya macam shape "Y", Tuan Yang di-Pertua—sebelah kanan di atas itu dia pergi ke Jepun, Korea, Taiwan dan seterusnya, ke bawah pergi ke Australia, sebelah kiri sampai ke Eropah, Hamburg dan lain-lain negara lagi.

PETRONAS—PERJANJIAN DASAR

3. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perjanjian-perjanjian dasar yang ditandatangani di antara PETRONAS dan syarikat-syarikat asing seperti SHELL, MOBIL, EXXON dan BP dalam perindustrian gas dan petroleum sejak PETRONAS ditubuhkan. Adakah PETRONAS bercadang untuk mengambilalih daripada syarikat-syarikat tersebut segala aktiviti pengeluaran gas dan petroleum di masa yang akan datang.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian dasar yang telah ditandatangani oleh PETRONAS dengan syarikat-syarikat asing sejak ia ditubuhkan dapat dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu perjanjian berbentuk Kontrak Perkongsian Pengeluaran ataupun,

dengan izin, Production Sharing Contract untuk kerja-kerja mencari gali dan mengeluarkan petroleum di Malaysia. Perjanjian Usahasama iaitu Joint-Venture agreement, dengan izin, untuk mengeluarkan barangan berasaskan petroleum dan ketiga, Perjanjian Pembelian Gas daripada kontraktor-kontraktor PETRONAS.

Mengenai Kontrak Perkongsian Pengeluaran, sehingga kini sejumlah 26 kontrak pengeluaran telah ditandatangani oleh PETRONAS dengan syarikat-syarikat asing bagi mencari gali petroleum di Malaysia. Di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran, kontraktor-kontraktor diberi tempoh selama 5 tahun untuk menjalankan kegiatan eksplorasi. Sekiranya minyak ataupun gas ditemui dalam kuantiti yang komersial, kontraktor akan diberi tempoh 15 tahun lagi bagi menjalankan operasi pengeluaran minyak dan 20 tahun bagi pengeluaran gas.

Mengenai Perjanjian Usahasama, PETRONAS telah menandatangani 5 Perjanjian Usahasama dengan syarikat-syarikat asing bagi mengeluarkan bahan-bahan yang berasaskan petroleum.

Perjanjian-perjanjian tersebut adalah Perjanjian Usahasama dengan Shell dan Mitsubishi bagi projek LNG (Liquid Natural Gas), dengan izin, di Bintulu, Perjanjian Usahasama dengan negara-negara ASEAN bagi projek Baja Urea/Ammonia di Bintulu dan Perjanjian Usahasama dengan negara-negara ASEAN bagi projek Urea (AAF) di Aceh, Indonesia dan Perjanjian Usahasama dengan Neste Oy (Finland) dan Idemitsu bagi projek MTBE dan Polypropylene di Kuantan dan Perjanjian Usahasama dengan BP dan Idemitsu bagi projek Ethylene/Polyethelene di Kerteh.

Perjanjian pembelian dan penjualan gas—PETRONAS bersama Syarikat Shell telah menandatangani perjanjian

menjual gas asli kepada loji-loji MLNG, ABF serta projek-projek lain di Sarawak. PETRONAS juga di dalam peringkat akhir untuk menandatangani perjanjian membeli gas asli daripada Esso bagi projek Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II dan perjanjian menjual gas asli ke Singapura.

Bagi aktiviti-aktiviti carigali dan pengeluaran minyak dan gas, PETRONAS memang akan mengambilalih operasi pengeluaran minyak dan gas daripada syarikat-syarikat minyak asing selepas tempoh Kontrak Perkongsian Pengeluaran tamat. Sebuah medan minyak di perairan berhadapan dengan Sabah iaitu Edan Tembungo telahpun diambilalih oleh PETRONAS. Begitu juga dengan medan-medan minyak dan gas di Delta Baram berdekatan dengan Miri yang telah habis tempoh kontraknya telah diambilalih oleh PETRONAS. Sekarang ini medan-medan tersebut dikendalikan secara usahasama dengan Shell.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, nampaknya PETRONAS sungguh bergiat cergas di dalam bidang petroleum. Yang Berhormat Menteri tentu sedar bahawa sejak PETRONAS ditubuhkan oleh Statut Parlimen untuk menjalankan kegiatan-kegiatan petroleum tidak pernah Parlimen diberitahu tentang kegiatannya. Itu satu.

Kedua, walaupun dalam tahun 1974 undang-undang diwujudkan untuk mewujudkan PETRONAS, itu menghadkan kegiatannya kepada kegiatan yang melibatkan petroleum, tetapi di dalam setahun dua yang lalu, pindaan dibuat kepada Akta itu supaya ia bukan sahaja melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan petroleum, malah apa sahaja perniagaan selain daripada petroleum dan itu telah mengakibatkan PETRONAS menyelamatkan Bank Bumiputra. Saya ingin mendapat tahu oleh kerana kegiatan PETRONAS

begitu luas, kenapa Parlimen tidak diberitahu kegiatannya dalam bentuk laporan kepada Parlimen. Lain-lain Badan yang diwujudkan oleh Statut Parlimen seperti RISDA, FELDA dan lain-lain lagi, kesemuanya dikehendaki membentangkan laporannya di Parlimen kerana Parlimen yang mewujudkannya. Kenapa PETRONAS tidak, dan kalau sekiranya pihak Kerajaan kini bercadang untuk membuat sebarang pindaan kepada undang-undang tertentu PETRONAS supaya laporan tahunan aktiviti PETRONAS itu dibentangkan di dalam Parlimen, nyatakan.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, sungguhpun PETRONAS tidak membentangkan Laporan Tahunannya ke Parlimen tetapi umum mengetahui tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PETRONAS. Bukan bermakna kalau laporan itu tidak dikemukakan kepada Parlimen, maka rakyat jelata tidak tahu. Selalu kita mendengar atau membaca di dalam suratkhbar, berita dan lain-lain lagi bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh mengemukakan soalan-soalan untuk kita jawabkan di dalam Parlimen ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan aktiviti ataupun usaha PETRONAS yang saya rasa telah berjaya dengan petroleum dan juga usaha untuk menyelamatkan Bank Bumiputra yang mana kami semua menyokong. Jadi, saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan kepada PETRONAS supaya mempelbagaikan aktiviti untuk mengambilalih mana-mana lagi bank yang kita anggap mungkin bermasalah (*Ketawa*).

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya bolehlah menyampaikan hasrat Yang

Berhormat kepada pihak PETRONAS tetapi terserahlah kepada pihak Lembaga PETRONAS sendiri untuk menentukan satu-satu keputusannya.

ASRAMA SMK MENUMBOK

4. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Asrama SMK Menumbok dalam daerah Kuala Penyu dalam keadaan usang dan perlu diperbaiki segera untuk mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku. Adakah Kerajaan bercadang untuk membesar dan menambah lagi asrama yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar mengenai keadaan asrama Sekolah Menengah Kerajaan Menumbok dalam daerah Kuala Penyu yang perlu diperbaiki segera. Dengan demikian, Kementerian Pendidikan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak \$50,000 pada bulan Februari 1990 untuk membina asrama tambahan di sekolah tersebut. Asrama ini dijangka siap pada 15 Mac 1990 dan kemajuan projek setakat ini ialah 80%.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan ini kerana berkaitan dengan asrama. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperbaiki juga asrama-asrama terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya oleh kerana Naib Canselornya sibuk dengan perkara yang lain. Jadi, adakah asrama-asrama di Universiti Malaya hendak diperbaiki? (*Ketawa*).

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang bersedia di mana diperlukan untuk

membaiki asrama-asrama. Tentang soalan kedua, saya tidak payah sebut.

MAHKAMAH PERUSAHAAN— TUNGGAKAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan bilangan kes tunggakan dalam Mahkamah Perusahaan sehingga akhir Januari 1990. Nyatakan sama ada kekosongan dalam Mahkamah-mahkamah Perusahaan kita telah diisi dan sama ada lebih ramai kakitangan akan diambil untuk menampung bilangan kes yang ada. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membuka lebih banyak mahkamah seluruh negara. Bagaimanakah kelak tunggakan ini boleh dibereskan.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes pertikaian perusahaan termasuk kes pembuangan kerja yang belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan pada akhir Januari 1990, ialah sebanyak 642 kes.

Kekosongan jawatan seorang Yang di-Pertua dan tiga orang Pengerusi di Mahkamah Perusahaan telah diisi pada 1 Februari yang baru lalu. Dengan pengisian jawatan ini, buat masa ini Mahkamah Perusahaan mempunyai tenaga kerja yang lebih. Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh dari masa ke semasa akan mengkaji kedudukan keperluan kakitangan di Mahkamah Perusahaan.

Untuk melicinkan urusan mahkamah dan menyenangkan mereka yang terpaksa ke mahkamah, Kementerian Buruh sedang mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang. Mahkamah ini dijangka siap dalam pertengahan tahun ini. Beberapa tindakan pentadbiran sedang juga diambil bagi mempercepatkan urusan Mahkamah Perusahaan. Kajian juga

sedang dibuat untuk meminda peraturan-peraturan bagi tujuan memudahkan serta memendekkan prosedur perbicaraan di Mahkamah Perusahaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sehingga akhir Januari tahun 1990, terdapat lebih kurang 642 kes di Mahkamah Perusahaan yang belum dapat diselesaikan. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian yang berkenaan dapat menetapkan satu tarikh di mana kita dapat mendugai bahawa sehingga satu waktu semua kes ini dapat diselesaikan.

Yang kedua, saya juga suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian berkenaan ada menerima aduan-aduan di mana keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan tidak dipatuhi oleh pihak majikan. Sekiranya ada menerima aduan, saya ingin mendapat tahu jumlah bilangan kes-kes itu.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas (1989), kita hanya mempunyai seorang Yang di-Pertua Mahkamah dan dua Pengerusi dan kita telah menyelesaikan sebanyak 349 kes. Oleh kerana pertambahan seorang lagi Yang di-Pertua dan tiga orang Pengerusi, bermakna kita mempunyai tenaga yang lebih dan diharapkan kita dapat menyelesaikan kes-kes yang lain itu.

Walaupun bagaimanapun, dari masa ke semasa tentu sahaja ada aduan-aduan atau kes-kes yang baru timbul. Oleh sebab itu, kita tidak dapat memastikan tarikh bagi menyelesaikan semua kes. Walau macam manapun, kita berharap dengan lebih tenaga yang ada sekarang ini kita dapat menyelesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Mengenai soalan kedua itu, setakat ini kita belum mendapat aduan-aduan.

PENCEMARAN UDARA— PUNCA UTAMA

6. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar udara di bandar Kuala Lumpur kita mempunyai gas-gas seperti sulphur dioxide, nitrogen dioxide dan ozone dengan kadar yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk di Ibu Kota kita. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerianya untuk mengurangkan kadar racun tersebut di dalam udara kita; dan
- (b) adakah Menteri sedar kenderaan-kenderaan yang lalu-lalang di ibukota kita sedang menjadi satu punca yang utama bagi pencemaran udara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian di atas kilang-kilang yang sedang membuat kenderaan-kenderaan tersebut. Apakah sebabnya negara kita tidak boleh mengikuti beberapa negara-negara lain berhubung dengan pencegahan racun-racun dari kenderaan kita.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Saya memang sedar bahawa udara di bandar Kuala Lumpur mempunyai gas-gas seperti dioksida sulfur, dioksida nitrogen dan sebagainya. Pengawasan oleh Jabatan Alam Sekitar menunjukkan parasnya adalah terkawal dan selamat.

Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kawalan pencemaran terutamanya dari segi pencegahan. Kerja ini termasuklah inventori punca-punca mencemar, inventori beban pencemar, penguatkuasaan undang-undang kawalan, pengawasan paras bahan pencemar, pelaksanaan program mengurangkan bahan-bahan yang boleh mencemar, misalnya plumbum dan benzine dalam petrol, nasihat dan panduan kepada agensi lain supaya dalam segala projek pembangunan, pertimbangan alam sekitar dan konsep pembangunan berterusan dapat digabungkan. Jabatan Alam Sekitar juga bekerja rapat dengan Dewan Bandaraya dalam melaksanakan pelbagai program memelihara kualiti alam sekeliling bandaraya.

- (b) Memang benar bahawa kenderaan-kenderaan di Ibukota sudah menjadi suatu punca utama pencemar udara yang disebabkan oleh pertambahan bilangan kenderaan dan juga penyelenggaraan yang tidak lengkap. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar termasuklah pemeriksaan ke atas kilang-kilang yang membuat kenderaan bagi menentukan kenderaan-kenderaan yang dikeluarkan mematuhi standard pelepasan asap dan kehendak undang-undang sebelum kenderaan dipasarkan. Jabatan Alam Sekitar juga sedang menyediakan rancangan kawalan bagi menentukan segala pemasangan injin baru mematuhi standard pelepasan baru, selaras dengan kemajuan teknologi. Di dalam hal ini, undang-undang dan standard

kawalan Malaysia adalah setanding dengan banyak negara lain, dan dalam keadaan tertentu, lebih baik dari negara-negara lain.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa paras pencemaran udara di Kuala Lumpur adalah terkawal. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apakah paras yang diperlukan oleh EOE sebagai paras yang selamat dan apakah mekanisme yang sudah ada sekarang untuk memonitorkan paras pencemaran udara bukan di Kuala Lumpur sahaja, tetapi di seluruh Kelang Valley, khususnya untuk mengkaji sama ada hujan asid dan parasnya hari demi hari untuk memastikan bahawa masalah ini betul-betul terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya datang dari Bandar Kuching, seperti ramai Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya di luar dari Kuala Lumpur merasa bahawa udara di Kuala Lumpur ini membahayakan, kotor dan Menteri yang bekerja di sini, saya takut mereka akan terkena racun dan untuk berjuta-juta penduduk di Kelang Valley juga (*Boo*). Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelamatkan mereka termasuk mereka yang mengboo sekarang. Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai paras pencemaran ini adalah di dalam peraturan-peraturan yang dibuat mengikut standard sedunia dan saya tiada maklumat di sini, saya minta maaf.

Mengenai hujan asid, ini sudah terkeluar daripada soalan asal iaitu mengenai udara.

Ahli Yang Berhormat dari Kuching berkata Kuala Lumpur sudah menjadi satu bandar yang begitu kotor dan

tercemar. Saya tidak bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya boleh beri satu bukti, mengikut satu laporan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) dan United Nations Environment Programme (UNEP), paras dioksida sulfur di Kuala Lumpur adalah rendah iaitu bertaraf 43 dalam 54 bandaraya yang dipilih dan dinilai. Ini membuktikan bahawa paras pencemaran utama seperti dioksida sulfur di bandaraya kita adalah baik.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, adalah satu hakikat bahawa di tempat-tempat membuang sampah yang terdapat dalam bandaraya Kuala Lumpur adalah satu faktor pencemaran yang besar. Sungguhpun sering kali kami dengar janji diberikan oleh Jabatan Alam Sekitar bahawa usahasama akan diambil dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk menempatkan semula tapak-tapak membuang sampah ini. Tetapi sehingga sekarang mereka masih berada di tempat-tempat yang berkenaan, khususnya tempat membuang sampah di bandar baru Seri Petaling di mana luasnya lebih kurang 10 ekar dan ianya amat mencemarkan kawasan-kawasan di sekitar dan di seluruh Kuala Lumpur. Saya ingin tahu sama ada rancangan untuk menempatkan semula dan bagaimana rancangannya?

Yang kedua, apa teknik-teknik baru seperti incinerator yang akan diperkenalkan bagi mengelakkan tempat-tempat membuang sampah dan bilakah teknik-teknik baru ini dilaksanakan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan di sini bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak membuat perjanjian seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai tempat-tempat bagi membuang sampah-sarap. Seperti Ahli Yang

Berhormat sedia maklum, tanggungjawab atau bidang tugas sampah-sarap ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan. Jabatan Alam Sekitar hanya menyediakan kod-kod amalan mengenai pengendalian tentang tapak pelupusan sampah-sarap di mana panduan dan nasihat Jabatan Alam Sekitar telah diberi untuk mengelakkan berlakunya pencemaran. Kod-kod amalan ini telah diberi kepada Pihak berkuasa Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab ke atas segala urusan mengenai sampah-sarap. Jika amalan ini dipatuhi, masalah pencemaran akan dapat diatasi.

Mengenai rancangan menempatkan semula tapak-tapak yang ada sekarang ini, terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan dan Majlis-majlis yang bertanggungjawab.

Mengenai insinerator, saya diberitahu ianya adalah di dalam pertimbangan oleh pihak yang berkuasa.

TANAMAN GETAH— KELUASAN

7. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah ekar tanah yang ditanam dengan getah di negara, jumlah ekar yang tidak ditoreh dan sebab-sebab ianya tidak ditoreh.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, keluasan tanaman getah di Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 1.8 juta hektar. Dari keluasan ini, sebanyak 77 peratus adalah di bawah sektor pekebun kecil dan 23% adalah di bawah sektor perladangan.

Secara kasar adalah dianggarkan sebanyak 20% dari keluasan tanaman getah ini yang tidak ditoreh. Antara kemungkinan sebabnya ialah kekurangan tenaga pekerja, peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih menarik di sektor lain dan keadaan cuaca.

Dr Chen Man Hin: Saya hendak bertanya, apakah dasar Kementerian berkenaan berhubung dengan perusahaan getah, kerana perusahaan getah telah masuk ke satu simpang yang critical. Kalau tidak dijaga dengan baik, saya ingat perusahaan ini akan mengalami kematian dan ini adalah satu pukulan hebat ke atas penoreh-penoreh getah khususnya smallholders. Adakah dasar untuk mengelakkan ini dilakukan?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang dasar untuk mematikan perusahaan ini. Perusahaan getah merupakan salah satu perusahaan terpenting di negara kita dan komoditi getah merupakan satu komoditi yang penting antara komoditi yang terpenting di negara kita selain dari minyak kelapa sawit dan kayu dan dasar Kerajaan ialah untuk memastikan bahawa kita akan terus menjadi pengeluar utama getah di dunia dan kerana itu telah menjalankan banyak kajian-kajian Research and Development (R&D), dengan izin, untuk memastikan bahawa Malaysia akan terus menjadi pemimpin di dalam bidang industri getah. Dasar Kerajaan ialah untuk menjadikan bahan getah sebagai asas perindustrian negara dan kerana itu sedang menggalakkan program-program ke arah perusahaan hiliran yang berasaskan komoditi getah.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

8. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang dianggotai oleh pelbagai pihak untuk meminda Akta Pelajaran 1961. Jika ya, bilakah ianya ditubuhkan dan siapakah yang menganggotainya. Jika tidak, mengapa. Tidakkah beliau bersetuju bahawa penubuhan Suruhanjaya

tersebut adalah sejajar dengan semangat musyawarah.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa yang mengkaji Akta Pelajaran 1961 telah menerima usul dan memorandum secara terbuka dari pertubuhan-pertubuhan, parti-parti politik termasuk parti-parti politik pembangkang dan menimbangkan semua pandangan yang dikemukakan. Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang menyentuh berbagai dasar dan pelaksanaan program pendidikan yang mereka kemukakan telah dikaji dan diberi perhatian yang sewajarnya. Pada peringkat ini, adalah tidak difikirkan munasabah atau penting untuk ditubuhkan satu Suruhanjaya untuk maksud tersebut.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sejauh manakah pandangan-pandangan yang terkandung dalam memorandum-memorandum yang dibentangkan itu dapat diambil kira dalam proses pindaan Akta Pelajaran 1961.

Yang keduanya, sama ada benar atau tidak bahawa dalam pindaan Akta Pelajaran tersebut, Kementerian bercadang ingin memendekkan tempoh persekolahan peringkat rendah dari 6 tahun kepada 5 tahun. Jika benar, apakah sebabnya?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang pandangan pelbagai pihak diambil kira, kerana kita tidak boleh mengaku bahawa kita punyai kepakaran dalam semua bidang. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk kita mengambil satu sikap yang terbuka untuk menerima pandangan dari kalangan yang merasakan boleh mengemukakan cadangan.

Ada satu perkara yang agak specific yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat iaitu mengenai cadangan untuk memendekkan waktu persekolahan sekolah rendah dari 6 tahun ke 5 tahun. Pandangan ini memang diberikan perhatian khusus tetapi andaian yang kita buat dalam cadangan ini ialah bahawa kemudahan persekolahan diberikan kepada semua pelajar di negara kita. Kalau ini dibuat, maknanya sebelum masuk darjah satu, semua pelajar dan anak-anak telah mendapat peluang untuk belajar sama ada satu atau dua tahun. Kalau ini dapat dilakukan maka munasabahlah untuk kita pertimbangkan kemungkinan memendekkan tahun persekolahan di peringkat rendah dari 6 tahun kepada 5 tahun.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, berkenaan reformasi-reformasi untuk Akta Pelajaran 1961, saya ingin tahu draf itu sudah siap atau belum? Kalau sudah siap, adakah benar draf ini diedarkan hanya kepada komponen-komponen Barisan Nasional dan saya hendak bertanya, apa sebab tidak diedarkan kepada orang yang ada berkaitan rapat khususnya ibu bapa dan juga ahli-ahli pembangkang?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya draf ini memang telah siap tetapi tidak merupakan satu draf yang kita edarkan secara terbuka buat sementara ini. Saya rasa wakil-wakil pembangkang tidak payah bimbanglah. Kita memang dalam dasar Kerajaan yang ada, tidak tahulah kalau dasar Kerajaan yang difikirkan oleh parti Pembangkang, saya fikir tidak diedarkanlah. Dalam satu Rang Undang-undang yang penting seperti ini, saya jelaskan bahawa pertimbangan dibuat setelah mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak.

Keduanya, kita tetap dengan pendirian untuk mengedarkan cadangan ini secara terbuka dan meluas. Pada peringkat sekarang inipun memo,

usul dan perbincangan diadakan di kalangan guru, PIBG, parti-parti politik tanpa draf yang rasmi yang diedarkan.

Sebab mengapa kita menengguhkan pengedaran ini ialah kerana dalam sistem yang kita amalkan, kita mahu satu consensus sekurang-kurangnya dari pihak parti memerintah dahulu. Kalau kita terima consensus dari pihak parti memerintah, jadi pembangkang tidak payah kacau banyak sangat.

Beberapa Ahli DAP: (*Oooh!*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Itulah saya kata, saya tidak hendak edar awal, sebab kita dengar perangai macam itulah (*Ketawa*). Tetapi yang saya hendak tekankan ialah bahawa prinsip utama dari segi bahasa, mutu pendidikan, hak pelajar memilih aliran persekolahan dalam negara kita, prinsip itu tidak digugat sama sekali. Sebab itu pada pandangan saya, saya tidak fikir Akta ini yang akan kita bentangkan sebaik sahaja kita dapat siapkan drafnya secara muktamad, saya tidak fikir akan menimbulkan satu ketegangan politik walaupun saya menjangka parti Pembangkang akan cuba memaikkannya juga.

IMPORT AYAM— MENGHARAMKAN

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengharamkan import ayam ke dalam negeri Sarawak, daripada luar negeri mahupun daripada Semenanjung Malaysia, supaya membantu petani-petani negeri Sarawak yang menternak ayam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pengimportan daging termasuk ayam ke negeri Sarawak adalah

di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian Malaysia tidak dapat menjawab soalan ini bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

TELEFON—KEMUDAHAN BIL TERPERINCI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa zonkah yang mendapat kemudahan laporan penggunaan telefon yang diedarkan secara lengkap kepada pelanggan-pelanggan dan pengguna-pengguna telefon. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan di dalam ZON-ZON yang telah menikmati kemudahan itu, dan bilakah kemudahan seperti itu akan dapat dinikmati sama oleh para pelanggan di dalam Zon Timur (Kelantan, Trengganu dan Pahang).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 258 dari 545 kawasan ibusawat di seluruh negara telah disediakan dengan kemudahan Bil Terperinci, dengan izin, Itemised Billing System. Seramai 316,258 pelanggan di seluruh negara telah melanggan kemudahan itu.

Kemudahan Bil Terperinci boleh diperolehi oleh pelanggan-pelanggan yang disambung ke Ibusawat Telefon jenis berkomputer.

Semua pelanggan kediaman adalah dikenakan syarat bayaran langganan sebanyak \$1.00 setiap bulan manakala semua pelanggan perniagaan dikenakan syarat bayaran langganan \$4.00 sebulan. Semua langganan adalah bagi tempoh minima 6 bulan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan Bil Terperinci bagi kawasan-kawasan di negeri Kelantan

akan dapat disediakan dalam bulan Mei 1990 ini.

Bagi Negeri Terengganu, setakat ini sebanyak 14 kawasan Ibusawat telah disediakan dengan kemudahan ini. Tiga kawasan akan mendapat kemudahan ini dalam bulan Mei 1990 dan tiga lagi dalam bulan September, 1990.

Bagi negeri Pahang pula, kemudahan ini akan disediakan dalam empat peringkat iaitu pada bulan September 1990, bulan November 1990, bulan Oktober 1991 dan bulan Februari 1992.

JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN—PELAKSANAAN

11. Tuan Jawah Anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa disebabkan jentera Kerajaan adalah terlalu dipusatkan (too centralize) di Kuala Lumpur, kelicinan dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan pada keseluruhannya telah banyak terganggu, dan telah mengakibatkan birokrasi berleluasa dan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang termaklum, jentera pentadbiran Kerajaan di Malaysia terbahagi kepada beberapa peringkat pentadbiran iaitu di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Terdapat juga jentera pentadbiran di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan di samping Persekutuan, Negeri dan Daerah. Peringkat-peringkat pentadbiran ini diadakan bagi memudahkan pentadbiran di negara ini dan ianya mempunyai had kuasa sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Sungguhpun begitu, pada hakikatnya, pelaksanaan dasar yang berkesan

adalah berasaskan kepada semangat kerjasama di kalangan semua pihak. Perkara ini memangnya telah menjadi amalan di Malaysia, di mana keputusan mengenai sesuatu perkara itu dibuat melalui sistem jawatankuasa dan perundingan di semua peringkat pentadbiran sebelum ianya diluluskan. Ini adalah kerana semua dasar, program dan projek Kerajaan diadakan untuk kepentingan bersama. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menentukan bahawa dasar, program dan projek ini dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar dan projek Kerajaan berjalan dengan lancar, tindakan telah dan akan terus diambil untuk melaksanakan konsep desentralisasi di dalam sistem pentadbiran awam di negara ini. Sebagai contoh, mulai tahun-tahun lapan puluhan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan telah memberi penurunan kuasa di dalam urusan-urusan tertentu yang berkaitan dengan pengurusan personel dan kewangan.

Penurunan kuasa ini dilakukan dengan tujuan untuk memudahkan Ketua-ketua Eksekutif di agensi-agensi Kerajaan mengurus dan mentadbir organisasi masing-masing dan menjadikan mereka lebih dinamik dalam melaksanakan dasar, program dan projek Kerajaan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, di masa lepas untuk menentukan supaya proses menyebarkan kuasa di negeri-negeri itu dilakukan dengan lancar dan licin diadakan dua jawatan penting di negeri Sarawak dan Sabah, iaitu Federal Secretary dua orang, seorang di Sabah dan seorang di Sarawak. Jadi dengan dihapuskan jawatan itu sekarang, adakah pihak Kerajaan mendapati bahawa proses decentralisation, dengan izin dalam pentadbiran negeri dan

pengurusan urusan Kerajaan lebih berkesan daripada dahulu ataupun tidak? Kalau sekiranya tidak, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan supaya pengurusan pentadbiran Kerajaan ini akan dapat berjalan dengan lancar dan licin supaya pelaksanaan projek-projek di kawasan luar bandar dapat dijalankan dengan berkesan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan kenyataan saya tadi bahawa proses desentralisasi ini berjalan dengan baiknya pada masa ini, maka Kerajaan tidaklah statik dalam sesuatu keputusan kerana itu mengenai dengan jawatan pegawai Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Walaupun baru-baru ini Kerajaan menghapuskan jawatan itu, tetapi demi memajukan perkhidmatan dan mengesankan pentadbiran kepada rakyat, maka Kerajaan telahpun bersetuju mewujudkan semula jawatan Pegawai Persekutuan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Madatang bin Morejal: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal centralise dan decentralise ini sangat perlu kita pertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, adakah mewujudkan cawangan di setiap daerah, di seluruh negeri bagi sesuatu Jabatan dan Kementerian itu merupakan satu usaha decentralisation, dengan izin, oleh pihak Kerajaan Persekutuan, ataupun adakah pihak Kerajaan Persekutuan memerlukan menggunakan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain untuk membahagikan kuasa kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang sedia wujud di peringkat daerah, untuk menjalankan tugas yang mungkin hampir sama? Misal kata dalam Jabatan Kerjaraya kita mungkin perlu supaya Jabatan Kerjaraya Persekutuan tidak mewujudkan bahagian mereka di negeri-negeri berkenaan, tetapi menggunakan Jabatan Kerjaraya di peringkat negeri untuk menjalankan

tugas yang diberikan oleh pihak Jabatan Kerjaraya Persekutuan, begitu juga dengan Jabatan-jabatan yang lain di peringkat Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini proses desentralisasi ini adalah bermaksud untuk memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian berkenaan atau di Jabatan-jabatan yang berkenaan atau di mana-mana agensi Kerajaan yang sesuai bukan desentralisasi ini dimaksudkan dengan menubuhkan Jabatan-jabatan baru dan memberikan kuasa-kuasa tertentu yang selama ini dipegang oleh agensi Pusat kepada Jabatan itu. Proses ini adalah proses yang difikirkan sesuai kerana kita mempunyai keyakinan bahawa commitment daripada pegawai-pegawai dan kakitangan setelah diberi kuasa oleh Pusat dapat mengatasi dan kita tidak berfikir bahawa perkara ini boleh diatasi dengan menubuhkan Jabatan-jabatan. Pemberian kuasa kepada orang adalah penting, ini sedang berjalan dan kuasa ini akan dikaji daripada semasa ke semasa untuk diperluaskan.

SEKOLAH RENDAH/MENENGAH CINA— BANTUAN

12. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Sekolah-sekolah Menengah Cina baru, mahupun dibantu penuh oleh Kerajaan atau dibantu separuh atau dimiliki oleh pihak swasta, yang terdiri dalam negara ini dalam tempoh tiga tahun lalu, iaitu dari tahun 1987 hingga bulan Februari 1990.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 1987 sehingga tahun ini bilangan SRJK(C)

Bantuan Penuh Kerajaan yang telah dibina ialah 22 dan sekolah-sekolah ini termasuklah SRJK(C), Labis, Paloh, Yop Poon Johor. Chun Kwang, Berapit Pulau Pinang. Damansara Baru, Serdang Baru II Selangor, Batu 14 Kuang Selangor, Jelapang Perak, Taman Connought Wilayah Persekutuan, Sin Hwa Negeri Sembilan.

Yang masih di peringkat pembinaan, Lawan Kuda Gopeng, Salak South Wilayah Persekutuan, Bukit Kepong, New Kota Johor. Pia Chee Kelantan dan Chung Hwa Gerik, Pokok Assam Taiping. Chiam Bee, Pee Hwa Johor. Leek Hoong Selangor.

Sekolah-sekolah Menengah Cina yang baru sepertimana yang kita sedia maklum tidak dibina kerana aliran menengah kebangsaan memang menyediakan pelajar-pelajar dari aliran Cina untuk masuk. Begitu juga dengan kesediaan pelajaran Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan. Jumlah bantuan modal untuk sekolah-sekolah swasta banyak melibatkan ratusan nama sekolah dan kalau dirasakan perlu, saya boleh edarkan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah unsur-unsur yang biasanya diambil kira dalam pertimbangan sesuatu permohonan untuk membina sebuah SRJK(C) dan bersabit dengan itu setakat manakah Peruntukan 21 (1) dalam Akta Pelajaran Tahun 1961 dapat dikuatkuasakan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang pertama, sekolah-sekolah yang saya maksudkan ini ialah sekolah bantuan penuh Kerajaan, sekolah yang didirikan atas belanja Kerajaan sepenuhnya. Itu yang telah saya bacakan tadi dan ini kita wujudkan apabila nyata

keperluan-keperluan yang mendesak bagi kawasan-kawasan sama ada melibatkan perpindahan ataupun kompleks perumahan baru ataupun membina semula satu sekolah yang dianggap kecil atau dhaif.

Mengenai soalan yang kedua ini, Tuan Yang di-Pertua, 21 (1) yang mana ini?

Tuan Ong Tee Keat: 21 (1) dalam Akta Pelajaran Tahun 1961 iaitu yang bersabit dengan pembinaan sekolah-sekolah SRJK(C) yang baru.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya, yang ini di bawah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang baru saya jawabkan tadi itu. Ini di bawah peruntukan pembinaan SRJK(C) baru mengikut soalan Yang Berhormat awal-awal tadi dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Saudara Menteri Pendidikan (*Ketawa*) berkaitan dengan sekolah-sekolah ataupun SRJK (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina), apakah dengan pembukaan rasminya ada berkaitan dengan soal politik, sebab baru-baru ini pada bulan Februari tahun ini, Yang Berhormat Saudara Menteri Pendidikan datang ke Seremban membuka bukan sekolah baru, bilik-bilik baru sahaja dan menggunakan peluang itu menyerang DAP. Apakah maksud beliau? Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Saudara Menteri Pendidikan boleh jawab kali ini, jangan pusing-pusing (*Ketawa*), tetapi jawab dengan terus, jangan jadi twister (*Tepuk*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, malangnya Ahli Yang Berhormat itu Ahli Parlimen yang berkenaan tidak menjalankan tugas. Jadi, sekolah bila kita pergi rasmi pun dia tidak hadir, bantuan pun tidak diberikan, permohonan pun tidak

dibuat. Jadi yang saya lakukan itu untuk menjelaskan kepada rakyat apa yang berlaku sahaja. Sebagai Menteri Pendidikan saya mesti terang kepada ibu-bapa dan guru-guru apa yang sebenarnya berlaku ialah Ahli Parlimen yang berkenaan tidak mengemukakan permohonan. Itu sahaja, janganlah marah! (*Ketawa*).

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, sekolah itu terletak dalam kawasan Parlimen Seremban, bukan Rasah, jangan silap! (*Ketawa*).

Tuan Anwar bin Ibrhaim: Ia sebenarnya bersempadan. Jadi, sepatutnya Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan itu patut ambil berat tentang perkembangan pelajaran. Saya hendak jelaskan sebenarnya sekolah yang dirasmikan itu sekolah baru sama sekali. Saya agak hairan juga kalau Yang Berhormat dari Rasah tidak tahu perkembangan sekolah baru di kawasan yang berdekatan beliau.

Sekolah itu sekolah baru, kalau perlu boleh buat lawatan satu dua hari ini . . .

Tuan Hu Sepang: Pada hari itu ada dua tempat ataupun dua buah sekolah Menteri Pendidikan pergi melawat.

Tuan Anwar bin Ibrhim: Ya, satu baru.

Tuan Hu Sepang: Ya, satu baru, satu setengah baru! (*Ketawa*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Setengah baru?

Tuan Hu Sepang: Bilik baru, bukan sekolah baru, jadi saya tahu apa berlaku pada hari itu. Jangan twist, jangan pusing!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Itu yang saya hendak jawab. Yang pertama,

sekolah baru, yang kedua, sekolah lama yang sebahagiannya hendak dibarukan. Kita takkanlah sebagai Menteri hendak melawat sekolah baru sahaja, sekolah lama pun kita hendak tengok juga apa yang mereka perlu, bilik yang mana hendak dibaiki. Itulah yang saya buat. Itu pun salah juga? (*Ketawa*).

Tuan Hu Sepang: Belum jawab lagi mengapa hendak menyerang DAP, jawablah, jangan pusing, jangan lari! (*Ketawa*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kalau hendak dengar alasan penuh mengapa saya serang, panjanglah, tetapi memadai kalau saya katakan pada hari perasmian SRJK(C) yang berkenaan, saya jelaskan pertamanya, kita menghormati pandangan ibu-bapa yang memohon supaya sekolah itu didirikan dan Kerajaan Barisan Nasional telah menunaikan janji-janji sebelum pilihanraya yang lalu untuk membina sekolah telah siap, tetapi setelah kita lakukan ini, parti Pembangkang seperti DAP terus menyerang kita walaupun ia tidak banyak buat kerja. Jadi saya hendak jelaskan kepada ibu-bapa, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja (*Ketawa*). Memang betul, itu yang kita lakukan. Kalau hendak kata kita tidak bertanggungjawab, kita janji hendak tubuh sekolah, kita tubuh sekolah dan sekolah itu sudah siap. Kalau hendak kata dekat pilihanraya baru siap, tidak betul, sekolah itu sudah siap. Kalau tidak, bagaimana hendak rasmi sekolah yang belum siap? (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 60 adalah diberi dibawah ini).

PROJEK HIDRO-ELEKTRIK BAKUN—PELAKSANAAN

13. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan tertanggungnya projek hidro-elektrik Bakun yang membawa kepada peningkatan harga dari \$7 billion kepada \$12 billion. Adakah dengan adanya projek ini segala kehendak tenaga negara akan dapat dipenuhi di dalam jangka masa 100 tahun dari sekarang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tarikh pelaksanaan projek hidro-elektrik Bakun telah ditangguhkan pada masa yang lepas oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara pada masa itu. Penangguhan itu juga dibuat setelah mengambil kita syor daripada Bank Dunia pada 1986 yang telah dibuat berdasarkan kepada jangkaan permintaan elektrik, harga bahan bakar dan kadar pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, Bank Dunia dan Kerajaan sendiri berpendapat bahawa pertimbangan-pertimbangan seperti di atas perlu dikaji semula dari masa ke semasa dan pengubahsuaian dibuat kepada rancangan-rancangan pembangunan dimana perlu. Kini kerajaan sedang menunggu beberapa laporan kajian ke atas projek ini dan setelah mengambil kira keadaan ekonomi yang telah pulih serta lain-lain faktor berkaitan, satu keputusan akan dibuat samada untuk menuruskan pelaksanaan projek ini dan tarikh pelaksanaan yang paling sesuai.

Adalah sukar untuk membuat ramalan tepat mengenai keperluan tenaga dalam tempoh satu abad yang akan datang. Apa yang dibuat telah unjuran keperluan tenaga berasaskan tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Dua Puluh Tahun Kerajaan kerana apa yang dirancang akan

mempengaruhi permintaan tenaga. Berasaskan unjuran ini dalam merancang keperluan tenaga dimana hadapan kesemua opsyen, termasuk kuasa hidro, arang batu dan lain-lain sumber tenaga baru dan boleh diperbaharui (new and renewable source of energy-NRSE) diberi perhatian. Oleh kerana projek Bakun mempunyai potensi yang begitu besar dari segi penghasilan tenaga ia adalah satu opsyen yang sedang dikaji secara aktif.

KONTRAK BEKALAN DENGAN KERAJAAN

14. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan berpuashati dengan sistem baru dalam mengendalikan kontrak dan membekalkan barang-barang makanan ke ejensi-ejensi Kerajaan Persekutuan (termasuk sekolah) di Sarawak.
- (b) bagi tahun 1990-1991, berapakah jumlah syarikat-syarikat yang diberi kontrak tersebut, dengan memberi nama-nama syarikat itu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Kerajaan berpuashati dengan sistem di dalam mengendalikan kontrak dan membekalkan barang-barang makanan ke agensi-agensi Kerajaan Persekutuan (termasuk sekolah) di Sarawak.
- (b) Terdapat sebanyak 404 buah syarikat yang mempunyai kontrak bekalan dengan kerajaan di mana kontraknya masih berkuatkuasa bagi tahun 1990-1991. Oleh kerana bilangan syarikat-syarikat ini adalah banyak, saya tidak dapat memberikan nama-nama mereka disini (Jika dikehendakki nama-nama ini akan

dikemukakan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat).

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—PENGASINGAN

15. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) faedah jangka panjang dan pendek yang diperolehi akibat pengasingan bursa saham Malaysia dan Singapura; dan
- (b) sama ada pengasingan sedemikian akan menjejaskan bursa saham disebabkan kurang sokongan asing.

6.3.90

45. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah prestasi KLSE Singapura dan bagaimanakah kesan positif atau negatifnya.

7.3.90

39. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat manakah pemisahan antara Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura telah mendatangkan kesan kepada prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur pada khususnya dan ekonomi negara pada amnya; dan
- (b) semenjak Singapura memperkenalkan CLOB yang memperdagangkan saham-saham Malaysia, sejauh manakah ia telah mempengaruhi dagangan saham-saham yang sama di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah serupa dengan pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat dari Larut dan Pontian yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 6hb dan 7hb Mac 1990 maka saya memohon menjawab ketiga-tiga pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Saham Singapura (BSS), jumlah dagangan harian di BSKL telah bertambah berlipat ganda. Sebagai perbandingan, bagi tahun 1990, BSKL pernah mencatat jumlah dagangan terbanyak sehingga 214 juta saham dalam sehari berbanding dengan 86 juta saham sehari dalam bulan Disember lepas.

Sungguhpun begitu, pertambahan dagangan di BSKL semenjak kebelakangan ini adalah juga disebabkan oleh beberapa faktor lain. Antaranya ialah, kedudukan ekonomi negara yang bertambah baik, kekukuhan pasaran modal tempatan dan peningkatan keyakinan para pelabur berikutan minat yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur asing terhadap pasaran saham tempatan.

Di samping itu, dengan pemisahan ini juga, pasaran kita tidak perlu lagi mengekori apa yang dilakukan oleh pasaran Singapura dan ini membolehkan kita menentukan destini pasaran kita tanpa diganggu gugat oleh perkembangan negatif di Singapura.

Semenjak pemisahan BSKL dan BSS, pengurus-pengurus tabung asing sudah mula melihat BSKL sebagai pasaran resmi yang tunggal untuk saham-saham Malaysia dan ini akan seterusnya menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan yang terulung di rantau ini.

Sokongan asing telah bertambah kerana sekarang BSKL sahajalah yang menjadi pasaran resmi untuk saham Malaysia. Pelabur-pelabur asing biasanya membuat urusan dengan pasaran yang resmi sahaja.

HASIL KERAJAAN MELALUI LESEN TELEVISYEN

16. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh Kementerian ini melalui:

- (i) a. Lesen T.V.
- b. Iklan
- c. Lain-lain
- (ii) Berapakah bilangan pekerja sambilan yang berkhidmat di RTM. Kenapakah Kerajaan tidak bercadang untuk menyenapkan mereka dengan Kerajaan.

12.3.90

10. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan membenarkan satu lagi stesyen televisyen komersial beroperasi. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya;
- (b) apakah jumlah hasil pungutan dari pengiklanan di rangkaian-rangkaian TV1 dan TV2 semenjak tahun 1980 hingga hari ini; dan
- (c) walaupun siaran-siaran TV1 dan TV2 pada masa ini adalah memuaskan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki mutu terjemahan siaran serta masa (timing) untuk memulakan siaran iklan yang kini sungguh mengecewakan.

13.3.90

39. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah kesan dari pelaksanaan Dasar Komunikasi Negara sehingga kini;

(b) bilakah RTM akan diperbadankan;

(c) berapakah jumlah pendapatan tahunan RTM dari siaran untuk tahun 1985, 86, 87, 88 dan 89; dan

(d) kenapakah terlalu banyak iklan disiarkan sehingga mengganggu sesuatu program berita dan sebagainya.

16.3.90

19. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Penerangan menyatakan tidakkah ada rancangan bagi mengelakkan rungutan-rungutan dari orang ramai berhubung dengan siaran-siaran sama ada RTM ataupun TV3 yang begitu banyak menyiarkan iklan-iklan di dalam rancangan-rancangan yang kadangkala amat membosankan penonton-penonton. Boleh dikatakan masa yang diuntukkan untuk tiap-tiap rancangan ini dipenuhi dengan iklan-iklan dan begitu juga iklan melalui Warta Berita sama ada RTM ataupun TV3 yang mana sering mengganggu berita-berita yang hendak didengar oleh rakyat diganggu oleh iklan-iklan kadangkala belum lagi habis ayat yang hendak dibaca oleh pembaca berita iklan telah disiarkan dengan lebih awal.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Dalam menjawab soalan Yang Berhormat dari Tapah saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan seperti berikut kerana berkaitan dengan perkara yang sama.

<i>Dari</i>	<i>Hari Dijawab</i>
Y.B. dari Pontian	12.3.90
Y.B. dari Marang	13.3.90
Y.B. dari Lembah Pantai	16.3.90

Jumlah hasil yang diperolehi melalui lesen televisyen bagi dua tahun yang lepas adalah seperti berikut:-

Tahun 1989	\$41,850,642.00
Tahun 1988	\$41,296,464.00

Iklan ialah sumber hasil yang utama bagi RTM. Hasil daripada iklan-iklan tersebut dapat menampung sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan khususnya bersabit dengan perkhidmatan penyiaran dan dapat mencapai matlamatnya menjadi "Self Sufficiency" dari segi kewangan.

Dalam menyiarkan iklan-iklan, RTM menggunakan garis-garis panduan seperti berikut bagi mengelakkan selingan iklan-iklan yang berlebihan:

- (i) Bagi rancangan-ancangan yang mengambil masa lebih dari 1 jam, selingan iklan tidak melebihi 3 kali (iaitu awal, pertengahan dan akhir rancangan) dengan jumlah masa tidak melebihi 10 minit.
- (ii) Bagi rancangan-ancangan yang memakan masa 30 minit, selingan iklan tidak melebihi 2 kali (awal dan akhir rancangan) dengan memakan jumlah masa tidak melebihi 5 minit.

Tetapi, bagi rancangan Berita Nasional (TV1/TV2) dan Berita Perdana (TV3) pada pukul 8.00 malam, satu panduan khusus sudahpun dikeluarkan iaitu masa iklan dihadkan setakat 4 minit sahaja, dan itu pun terbatas kepada 2 kali "commercial break". "Commercial break" pertama ialah selepas 15 minit pertama siaran dan "commercial break" yang kedua adalah sebelum, sudut sukan dalam Berita.

Garis panduan tersebut tidak menetapkan jumlah iklan dalam sesuatu selingan; tetapi mengawasinya dari segi jumlah masa yang digunakan bagi menyiarkan iklan-iklan melalui satu rancangan.

Dengan pengurangan 1 minit masa iklan dalam Berita Nasional; Kementerian ini akan rugi sebanyak lebih kurang \$5 juta dalam setahun.

Jumlah Hasil iklan TV dan Radio dari 1985 hingga 1989 adalah:

Tahun	TV	Radio
1985	\$75.1 juta	\$8.2 juta
1986	\$65.8 juta	\$7.5 juta
1987	\$60.01 juta	\$6.5 juta
1988	\$105.3 juta	\$8.6 juta
1989	\$125.5 juta	\$10.2 juta

Lain-lain hasil yang diterima untuk perkhidmatan, perkhidmatan oleh Filem Negara Malaysia dari 1985 hingga 1989 adalah:

1985	\$770,513.00
1986	\$571,248.00
1987	\$752,236.00
1988	\$565,164.00
1989	\$777,588.00

Mengenai Pekerja Sambilan yang berkhidmat dengan RTM seramai 92 orang bertugas sebagai pekerja sambilan sepenuh masa dan seramai 178 orang kerja sebagai pekerja sambilan (Piecemeal).

Kementerian ini sedang memproses permohonan daripada pemohon dalam kategori ini, dan kajian sedang diuruskan bersama JPA bagi menyerapkan mereka sebagai Pegawai Kontrak di RTM.

EMPAT NOMBOR EKOR— KEGIATAN PERJUDIAN

17. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau benar-benar sedar bahawa penjualan 4 nombor ekor (4 digits) mengadakan cabutan setiap hari di Sabah tidak sebagaimana biasanya dua atau tiga cabutan seminggu. Jika benar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghalang merebaknya kegiatan perjudian seperti ini di Sabah dan di Malaysia keseluruhannya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerajaan sedar bahawa setiap hari di Negeri Sabah terdapat cabutan Empat Nombor Ekor atau jenis pertaruhan lain yang berasaskan empat angka seperti Toto dan Lotto. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk mengeluarkan lesen bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti pertaruhan tersebut adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa berkenaan di Negeri Sabah. Oleh itu langkah-langkah untuk mengawal aktiviti-aktiviti pertaruhan tersebut adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa berkenaan di Negeri Sabah. Bagi Semenanjung Kerajaan telah menghadkan cabutan pertaruhan 4D kepada 3 kali seminggu sahaja.

RUMAH KANAK-KANAK TERENCAT AKAL DI SABAH

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah rumah-rumah dan sekolah-sekolah untuk kanak-kanak terencat akal terdapat di seluruh negara dan berapakah jumlah kanak-kanak yang ada di tempat-tempat tersebut; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau sedar bahawa Rumah Kanak-Kanak Terencat Akal "Bukit Harapan" di Putatan, (K. K. Sabah) hanya bergantung kepada sumbangan dan sedang menghadapi masalah kewangan yang terhad. Ini menyebabkan ramai kanak-kanak tidak dapat dimasukkan ke rumah tersebut sebab kesesakan tempat dan kekurangan kakitangan. Dan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan terutamanya rumah Bukit Harapan. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):

- (a) Kini terdapat lima buah institusi bagi kanak-kanak terencat akal di seluruh negara yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Jumlah kanak-kanak yang berada di dalam institusi-institusi ini adalah seramai 865 orang.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rumah Kanak-Kanak Terencat Akal Bukit Harapan di Sabah adalah ditadbirkan oleh sebuah badan sukarela. Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak sedar tentang masalah rumah tersebut oleh kerana badan-badan sukarela di peringkat negeri Sabah adalah dikendalikan oleh Kementerian Perkhidmatan Sosial Negeri Sabah. Adalah dicadangkan pengurusan Rumah Bukit Harapan berhubung dengan Kementerian tersebut jika menghadapi masalah kewangan dan sebagainya. Kementerian Kebajikan Masyarakat akan membantu jika perkara ini dirujuk kepadanya oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— TERMINAL II

19. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Jabatan Penerbangan Awam berhasrat untuk membenarkan penumpang-penumpang dari Sabah dan Sarawak menggunakan semula Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan tidak Bangunan Terminal Lapangan Terbang yang di-khaskan kepada penerbangan dalam negeri, memandangkan bangunan

Terminal II banyak menyulitkan para penumpang disebabkan ketiadaan kemudahan-kemudahan tertentu yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, terutama sekali dari segi pengangkutan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Terminal II Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telah mula digunakan untuk operasi penerbangan dalam negeri mulai 1 Disember 1989. Penggunaan Terminal II untuk operasi penerbangan dalam negeri adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan yang dialami di Terminal I sebelum ini. Kerajaan akan terus mengekalkan corak operasi penerbangan ini di masa-masa akan datang. Bersesuaian dengan penggunaan semula Terminal II, kerja-kerja pembaikan telah dijalankan di sini di mana kemudahan-kemudahan asas yang diadakan di Terminal I juga diadakan di Terminal II. Mengenai masalah pengangkutan, kemudahan perkhidmatan teksi diadakan di Terminal II. Bagi penumpang-penumpang yang hendak pergi ke Terminal I dan sebaliknya, perkhidmatan bas secara percuma diadakan setiap 15 minit.

HOSPITAL LADANG— RAWATAN

20. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah ladang pertanian yang besar yang diusahakan oleh syarikat yang besar yang memberi perkhidmatan kesihatan rawatan pesakit untuk tenaga buruh mereka;
- (b) apakah jenis rawatan yang diberi dan siapakah yang mengendalikan perkhidmatan kesihatan rawatan pesakit itu; dan

- (c) adakah pihak Kerajaan mengawas klinik-klinik yang ada di ladang-ladang pertanian.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):

- (a) Kini terdapat 65 buah hospital ladang di seluruh Semenanjung Malaysia. Hospital-hospital tersebut memberi perkhidmatan rawatan dan perubatan bagi pekerja-pekerja ladang dan tanggungan mereka yang tinggal di dalam 873 buah ladang. Saiz ladang-ladang ini adalah berbeza-beza dari berapa ratus hektar hingga kira-kira 7,000 hektar. Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh hospital-hospital ladang tersebut terdapat juga sebanyak 560 buah klinik di ladang-ladang di Semenanjung Malaysia.
- (b) Hospital-hospital ladang memberi perkhidmatan rawatan pesakit dalam wad dan rawatan pesakit luar. Sementara klinik-klinik ladang hanya memberi rawatan untuk penyakit yang tidak serius. Di tiga buah hospital ladang perkhidmatan rawatan dan perubatan dilaksanakan oleh doktor yang tinggal tetap di situ sementara di lain-lain hospital ladang, perkhidmatan perubatan diberi oleh pembantu-pembantu hospital yang diawasi oleh doktor-doktor yang melawat ke ladang-ladang. Lawatan-lawatan oleh doktor-doktor pelawat itu dilakukan sekurang-kurangnya sekali seminggu.
- (c) Kerajaan memang mengawasi hospital-hospital dan dispensari-dispensari di ladang-ladang. Pengawasan ini dibuat oleh Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah.

**SABAH FOREST INDUSTRIES/
SABAH GAS INDUSTRIES
DISWASTAKAN**

21. Tuan Joe Ojihi Supiring minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebabnya beliau ingin sangat supaya dua (2) buah Syarikat Milik Kerajaan iaitu SGI dan SFI diswastakan dengan kadar yang segera seperti yang terbentang dalam kenyataan-kenyataan beliau akhir-akhir ini.

7.3.90

13. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab permintaan Kerajaan Persekutuan untuk mengswastakan Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries memandangkan keuntungan yang cemerlang yang dicapai oleh kedua-dua syarikat tersebut. Adakah permintaan tersebut bertujuan untuk memotong punca-punca pendapatan Kerajaan Negeri dan apakah hasrat perbuatan tersebut yang sebenarnya.

9.3.90

30. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan Persekutuan mahu Kerajaan Negeri Sabah menswastakan SGI dan SFI; apakah terdapat sebab-sebab kukuh untuk berbuat demikian, dan nyatakan terma-terma dan syarat-syarat bagi penswastakan tersebut.

13.3.90

13. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kewangan menyatakan sejauhmanakah rancangan pengswastakan SFI (Sabah Forest Industries Sdn. Bhd.) dan SGI (Sabah Gas Industries) yang dicadangkan baru-baru ini.

16.3.90

56. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya beliau sedang berusaha

dengan bersungguh-sungguh untuk menswastakan Sabah Gas Industries walaupun Kerajaan Negeri Sabah tidak begitu berminat di atas perkara ini. Apakah kelebihan Kerajaan Negeri dan Pusat kita, boleh memperoleh dari pihak swasta jika SGI ini dapat diswastakan. Bukankah kelebihan tersebut juga dapat diperolehi jika pihak Kerajaan Pusat dan Negeri tidak terlibat dalam pentadbiran SGI dengan begitu mendalam.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandau, Sandakan, Semporna dan Hulu Selangor yang dijadual dijawab masing-masingnya pada 7, 9, 13 dan 16 Mac, 1990, maka saya memohon untuk menjawab kelima-lima pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. (SFI) dan Sabah Gas Industries (SGI), sama seperti projek atau perkhidmatan lain yang telah diswastakan, kerana ianya memenuhi objektif-objektif utama dasar penswastakan negara seperti berikut:

- (i) Untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan.
- (ii) Untuk menggalakkan pertandingan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran.
- (iii) Untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.
- (iv) Untuk mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi.
- (v) Untuk memperbanyakkan peluang-peluang bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping menyediakan jaminan ke atas pinjaman-pinjaman komersial, Kerajaan juga terpaksa memberikan pinjaman secara langsung bagi membantu keperluan kewangan kedua-dua agensi ini. Sehingga 31hb Disember 1989, Kerajaan Persekutuan menjamin pinjaman SGI sebanyak \$715 juta dan memberikan pinjaman sebanyak \$411 juta. Pada tarikh yang sama, Kerajaan Negeri Sabah menjamin pinjaman SFI sebanyak \$776 juta serta memberikan pinjaman sejumlah \$124 juta dan Kerajaan Persekutuan pula memberikan pinjaman sebanyak \$268 juta. Setakat ini, prestasi kewangan kedua-dua agensi ini tidaklah memuaskan. Berdasarkan kepada laporan kewangan tahunan berakhir 31hb Disember 1989 (yang belum diaudit), jumlah kerugian terkumpul SGI dan SFI adalah masing-masingnya sebanyak \$974 juta dan \$332 juta. Fakta-fakta inilah yang merupakan faktor pendorong utama kenapa Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya kedua-dua agensi ini diwastakan.

Buat masa ini cadangan penswastaaan SFI dan SGI ini masih lagi dalam pertimbangan. Oleh itu, Kerajaan belum lagi menetapkan terma-terma dan pihak-pihak swasta yang akan terlibat dalam program penswastaaan kedua-dua projek ini.

RUMAH GURU DI LUAR BANDAR

22. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kurangnya rumah atau quarters guru terutamanya di luar-luar bandar dan adakah dirancangan setiap pembinaan sekolah-sekolah baru diperuntukkan sekali soal rumah/quarters guru.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah kekurangan rumah-rumah guru terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian akan terus melaksanakan pembinaan rumah-rumah guru melalui konsep gotong-royong seperti yang diamalkan sejak awal Rancangan Malaysia Kelima. Melalui konsep ini, peruntukan sebanyak \$50,000 akan diberi kepada sekolah-sekolah khususnya di luar bandar bagi membina sekurang-kurangnya 3 unit rumah guru.

Di samping itu setiap pembinaan sekolah baru terutamanya di kawasan luar bandar di mana tapak sekolah yang diperolehi adalah mencukupi, pembinaan rumah guru sentiasa diambil kira. Dalam tempoh RML sejumlah \$51.59 juta diperuntukkan bagi pembinaan rumah guru. Dalam tempoh 1986-1989, sejumlah 1874 unit rumah guru telah dibina yang melibatkan peruntukan sebanyak \$42.65 juta.

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA DI SEKOLAH

23. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha-usaha Kementerian bagi memperbaiki dan mengemaskinikan program Bahasa Inggeris di peringkat Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan juga Universiti memandangkan pentingnya juga Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan juga bahasa dunia. Adakah pihak Kementerian menyedari bahawa peratus pelajar-pelajar yang dapat menguasai Bahasa Inggeris sepenuhnya apabila tamat persekolahan amat berkurangan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang

menyedari tentang pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penguasaan bahasa ini pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah ialah:

- (a) menggubal kurikulum Bahasa Inggeris yang lebih sesuai bagi KBSR dan KBSM;
- (b) mengadakan bahan-bahan bantuan pengajaran-pembelajaran termasuk pukat pengajaran Bahasa Inggeris, Buku Panduan Guru dan buku teks yang sesuai.
- (c) menambah bilangan pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris KBSM untuk melaksanakan program bacaan buku kesesuaian dalam Bahasa Inggeris;
- (d) menggalakkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat mendorong murid menggunakan Bahasa Inggeris seperti aktiviti-aktiviti drama, syarahan, pidato, bercerita, membaca dan sebagainya.
- (e) melaksanakan program "Class Readers" yang bertujuan untuk menanam minat membaca di kalangan pelajar-pelajar di samping mempertingkatkan pemahaman dan penguasaan dalam Bahasa Inggeris;

Pada peringkat universiti pula langkah-langkah berikut telah dan sedang diambil:

- (a) mewajibkan pelajar-pelajar yang lemah dalam Bahasa Inggeris mengambil mata pelajaran tersebut, di mana penekanan terhadap pembacaan adalah diutamakan dan diikuti dengan lisan dan penulisan.
- (b) menawarkan kursus Bahasa Inggeris di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan.

(c) menambah bilangan pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris.

(d) memilih pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris dengan mementingkan kualiti mereka dari segi pengalaman mengajar Bahasa Inggeris.

PROTON—TAHAP PULANGAN MODAL

24. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilakah tahap "breakeven" bagi pengeluaran kereta Proton Saga akan dicapai berdasarkan jangkaan 120,000 unit setahun; dan memandangkan kelewatan yang panjang dalam mencapai tahap "breakeven" dalam pengeluaran yang dirancangan pada asalnya, nyatakan sehingga sekarang jumlah kerugian yang ditanggung akibat kekurangan dalam pengeluaran.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Anggaran yang PROTON akan mencapai tahap pulang modal (breakeven) berdasarkan pengeluaran 120,000 unit setahun adalah tidak benar. Sebenarnya PROTON telahpun mencapai tahap pulang modal (breakeven) pada tahap pengeluaran sekarang, malah ia mula membuat keuntungan pada pertengahan kedua tahun kewangan 1988/89 dengan penjualan 47,600 unit.

Kerugian yang dialami oleh PROTON bagi tiga tahun pertama adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dan kenaikan nilai matawang Yen. Walau bagaimanapun dalam tahun kewangan 1988/89 PROTON telah mula mencatat keuntungan operasi berjumlah \$32 juta dan kerugian terkumpul dijangka akan dapat diatasi dalam tahun kewangan 1989/90 ini.

PENGHIJRAHAN KELUAR PEKERJA ESTET

25. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) ekoran daripada laporan penghijrahan keluar tenaga kerja yang mahir dan berpengalaman di sektor estet, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian dalam bidang kekuasaan ia untuk mengawal keadaan daripada menjadi lebih tenat;
- (b) jika tidak ada tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian, maka apakah gunanya Kementerian melahirkan kebimbangan tetapi tidak mengambil langkah pencegah bagi menyelesaikan masalah. Apakah faktor-faktor yang menghalang atau akan membatasi keupayaan Kementerian untuk mengatasi masalah ini;
- (c) adakah Kementerian bercadang menjalankan kajian siasatan ke atas semua sektor ekonomi bagi menentukan setakat mana masalah penghijrahan keluar tenaga kerja mahir dan berpengalaman telah merebak. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bilakah kajian akan dimulakan dan berapa meluas serta mendalamnya siasatan yang dicadang dilaksanakan.
- (d) bagaimanakah Kerajaan merangka dasar ia menggalak jurutera tempatan supaya berkecimpung di negara asing pada akhir tahun 1989, sedangkan negara kita sendiri yang menghadapi kekurangan tenaga kerja dalam bidang ini.

Tuan Kalakan Untol:

- (a) Kerajaan tidak dapat menyekat sepenuhnya penghijrahan keluar pekerja-pekerja dari sektor estet ke sektor-sektor ekonomi yang

lain untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus berusaha untuk menarik minat pekerja-pekerja untuk terus bekerja di ladang-ladang dengan menggalak dan membantukan majikan ladang mengadakan kemudahan asas yang lebih sempurna serta menawarkan lain-lain syarat perkhidmatan yang lebih menarik.

- (b) Tanggungjawab yang utama dalam perkara ini haruslah terletak dengan majikan ladang-ladang di mana merekalah yang menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh ini. Walau bagaimanapun untuk mengawal dan membina suasana yang lebih baik dari segi kemudahan asas di ladang-ladang Kementerian Buruh sedang mencajangkan beberapa pindaan kepada undang-undang perumahan pekerja, serta peraturan-peraturan yang baru bagi mengawasi perkhidmatan kesihatan kepada pekerja ladang.
- (c) Agensi-agensi Kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pernah menjalankan kajian-kajian serupa ini dalam tahun 1986 dan 1988. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh berpendapat penghijrahan keluar tenaga kerja khasnya yang mahir dan berpengalaman, adalah merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam sesuatu ekonomi yang dinamik dan mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi. Ini adalah kerana mereka yang memiliki taraf pendidikan yang lebih tinggi dan/atau kemahiran-kemahiran

tertentu akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih lumayan di lain-lain sektor ekonomi bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan mereka.

- (d) Seruan yang dibuat kepada jurutera-jurutera tempatan supaya berkecimpung di dalam kerja-kerja kejuruteraan di peringkat pasaran antarabangsa, seperti di dalam bidang pakar perunding, pembinaan sivil dan lain adalah satu sasaran positif dan sesuai dengan perkembangan ekonomi antarabangsa. Dengan mengambil bahagian aktif dalam perkembangan ini jurutera-jurutera tempatan bukan sahaja dapat memperolehi pengalaman dan kemahiran baru tetapi juga menghasilkan pendapatan. Seruan ini terpulanglah kepada jurutera-jurutera tempatan untuk menimbangkan sejauh mana mereka dapat melaksanakannya.

DOKTOR KERAJAAN— KEKURANGAN

26. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramai doktor yang ada di negara kita sekarang berapa ramai lagi kita kekurangan doktor dan dalam bidang apa; dan
- (b) bilakah dapat dipenuhi kekurangan doktor itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):

- (a) Sebanyak 6,393 doktor sedang berkhidmat di negara kita. Ini bermakna kita mempunyai nisbah 1 doktor bagi setiap 2,749 penduduk. Nisbah yang

telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) adalah 1 doktor untuk setiap 2,000 penduduk. Ini bermakna dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), negara memerlukan sebanyak 2,612 doktor lagi dalam bidang kesihatan, perubatan penyelidikan dan pentadbiran.

- (b) Untuk mengatasi masalah kekurangan doktor ini, tindakan-tindakan di bawah sedang diambil:
- (i) menambahkan pengambilan penuntut-penuntut perubatan ke tiga-tiga fakulti perubatan di Universiti-Universiti Tempatan.
- (ii) menghantarkan lebih banyak lagi penuntut-penuntut Malaysia untuk mengikuti kursus-kursus perubatan di luar negeri melalui biasiswa Kerajaan ataupun perbelanjaan sendiri.

PERKHIDMATAN AWAM— BILANGAN KAKITANGAN

27. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menjelaskan tentang:

- (a) berapakah jumlah pegawai/kakitangan perkhidmatan awam di negara kita;
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk membuat pengambilan kakitangan baru bagi tahun ini dan berapa ramai;
- (c) berapa ramai jumlah siswazah yang diletak di bawah Skim Khidmat Sementara sehingga kini dan berapa ramainya yang telah diserapkan secara tetap; dan

- (d) apakah strategi lain Kerajaan untuk mengurangkan siswazah menganggur.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bilangan kakitangan Perkhidmatan Awam, tidak termasuk Pasukan Polis dan Angkatan Tentera pada 30 Disember 1989 ialah seramai 771,148 orang.

Pengambilan kakitangan baru ke dalam perkhidmatan awam dibuat pada setiap tahun. Keperluan bagi pengambilan baru ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor:

- (i) pewujudan jawatan-jawatan baru bagi memenuhi jangkaan permintaan yang bertambah bagi perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan; dan
- (ii) untuk menggantikan kakitangan yang meninggalkan perkhidmatan awam akibat persaraan, perletakan jawatan, penamatan perkhidmatan dan kematian.

Kerajaan telah pun menetapkan bahawa saiz perkhidmatan awam hanya boleh berkembang pada kadar 0.53 peratus setahun bagi tempoh 1989 hingga 1995. Berdasarkan kajian unjuran yang telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, seramai 15,180 kakitangan dijangka meninggalkan perkhidmatan awam dalam tahun 1990 akibat persaraan, perletakan jawatan dan kematian. Bilangan ini belum mengambilkira bilangan kakitangan awam yang akan terlibat dibawah program-program penswastaan kerajaan. Disamping itu, bagi tahun 1990 juga sebanyak 14,622 pengisian jawatan baru melibatkan semua kumpulan perkhidmatan akan berlaku. Pengambilan baru dan penggantian yang akan dibuat adalah lebih ditumpukan kepada Kementerian/Jabatan yang benar-benar memerlukan kakitangan tambahan dan ini termasuk agensi-agensi yang terlibat dalam tugas-tugas penigkatan hasil negara

dan juga agensi-agensi didalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial.

Bilangan siswazah yang masih berkhidmat dalam Skim Khidmat Sambilan (SKS) pada 31 Januari 1990 ialah seramai 1,633 orang. Semenjak SKS ditubuhkan pada tahun 1986, seramai 4,487 siswazah telah berpeluang mengikuti skim ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,854 siswazah atau 63.6 peratus telah meninggalkan SKS sama ada mendapat pekerjaan disektor awam atau sektor swasta, bekerja sendiri atau mengikut skim latihan yang lain.

Kerajaan sememangnya memandang berat kepada masalah pengangguran dikalangan siswazah. Berbagai langkah telah diatur bagi mengatasi ini dari semasa ke semasa. Diantara program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu siswazah yang belum mendapat pekerjaan tetap ialah:

- (a) Skim Penempatan di Sektor Awam melalui SKS;
- (b) Skim Penempatan di Sektor Swasta;
- (c) Skim latihan Khas (SLK);
- (d) Skim Siswazah Tani;
- (e) Skim Melanjutkan Pelajaran;
- (f) Skim Khas bagi Siswazah yang mempunyai kemahiran khusus; dan
- (g) Skim Khidmat Sokongan.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN—SUKATAN PELAJARAN AGAMA

28. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya sukatan pelajaran Agama Islam Tinggi untuk Sekolah Menengah Kerajaan dihapuskan hingga menyebabkan ada guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Islam tidak tahu membaca Al-Quran dan tidak tahu tulisan jawi hingga

timbul kerumitan semasa hendak mengajar mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah. Adakah Kerajaan bercadang hendak menyemak semula dan mengekalkan sukatan pelajaran yang lama itu supaya mutu pelajaran Agama itu tidak tercacat cela.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar dan dinafikan mengenai anggapan yang mengatakan Sukatan Pelajaran Agama Islam Tinggi Sekolah Menengah Agama Kerajaan telah dihapuskan dan adanya guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Islam tidak tahu membaca Al-Quran dan menulis dalam Tulisan Jawi.

Sebenarnya, Kementerian Pendidikan tidak pernah dan tidak bercadang untuk menghapuskan Sukatan Pelajaran Agama Islam Tinggi di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, malah yang sebenar Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji dan berusaha memperbaiki serta mempertingkatkan semula semua sukatan pelajaran supaya mutu dan prestasi pendidikan Islam dapat dipertingkat dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dalam pelaksanaan KBSM yang bermula pada tahun 1989 Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang ada telah disemak, dikaji dan diperkemas semula menjadikan ia lebih lengkap dan bersepadu sesuai untuk dilaksanakan disemua sekolah termasuklah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Rendah dan Tinggi. Pengajian Al-Quran didalam KBSM lebih mementingkan penghayatan dan amalan ilmu disamping memberikan pengetahuan melalui pembacaan dan hafalan. Dalam pengajaran Tulisan Jawi pula selain dari pengajaran secara formal, ia diperkukuhkan lagi oleh Kementerian Pendidikan dengan memberikan buku pinjaman Buku Teks Pendidikan Islam kepada penuntut-penuntut. Buku Teks

tersebut mengandungi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang sesuai digunakan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Menyentuh mengenai Guru-guru Pelatih Maktab Perguruan Islam yang dikatakan tidak tahu menulis membaca Al-Quran dan menulis Tulisan Jawi, sebenarnya syarat pengambilan Guru Pelatih Maktab Perguruan Islam adalah seperti berikut:

- (i) memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Pengajian Agama Islam Tinggi di peringkat SPM/MCE dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran pada peringkat yang sama.
- (ii) memiliki sekurang-kurangnya lulus Bahasa Arab pada peringkat SPM/MCE atau lulus Empat Thanawi daripada Sekolah Agama yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (iii) Di dalam temuduga calon-calon diuji secara lisan mengenai pembacaan ayat suci Al-Quran dan Tajwid.

Semasa di Maktab Perguruan Islam guru-guru pelatih diajar secara mendalam mengenai Al-Quran, Tulisan Jawi dan lain-lain serta ilmu Perguruan yang disesuaikan pula dengan dasar KBSM. Tujuannya ialah untuk melahirkan pendidik Islam tulen yang berdedikasi dan berwibawa.

HARGA BARANG KEPERLUAN—KENAIKAN

29. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) dalam belanjawan 1990 Menteri Kewangan menyebut bahawa ia adalah belanjawan yang melenakan disebabkan tidak ada cukai baru. Tetapi sedarkah Menteri berkenaan bahawa belum sempat belanjawan itu diluluskan

minyak tanah dinaikkan harga, demikian juga susu tepung dan lain-lain barangan keperluan. Adakah kenaikan itu tidak dengan restu Menteri Kewangan;

- (b) Menteri Kewangan sesungguhnya dalam keadaan yang sangat lemah, tidak terdaya menghalang kenaikan itu walaupun beliau mengumumkan belanjawan yang ada adalah bebas dari cukai baru. Setujukah beliau bahawa golongan peniaga telah mencabar ucapan belanjawannya dengan menaikkan harga barangan hingga sekarang ini; dan
- (c) adakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk mengelakkan dari lebih banyak kenaikan harga barang keperluan sebelum tibanya sidang belanjawan yang akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan (Dato' Dr K. S. Nijhar): Negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas yang bermakna harga pada amnya ditetapkan oleh kuasa penawaran dan permintaan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Ia dipengaruhi juga oleh kos bahan mentah, kos bahan pembungkus, kos pengangkutan, kadar matawang asing, kualiti barangan dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menetapkan harga maksima ke atas barang-barang perlu tertentu khususnya beras, gula bertapis, tepung gandum, simen portland besi keluli bulat, minyak tanah, minyak petrol (premium dan regular), minyak diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Bagi barang-barang ini kenaikan harga perlu mendapat kelulusan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada tahun 1989 terpaksa meluluskan kenaikan harga gula bertapis, tepung gandum, besi

keluli bulat dan barangan petroleum. Ini kerana kos pengeluaran terutamanya kos bahan mentah telah meningkat dan jika harga tidak dinaikkan, pengeluar akan mengurangkan atau menghentikan pengeluaran kerana rugi berbuat demikian dan akibatnya bekalan akan berkurangan. Walaupun dinaikkan, harga di Malaysia adalah berpatutan, malah rendah daripada dikebanyakan negara jiran.

Mengenai susu tepung, harganya tidak dikawal kerana ia tidak diproses dalam negeri. Ia 100% diimport dan bagi beberapa jenama, dibungkus semula/ditinkan dalam negeri. Harga susu tepung meningkat kerana harga dairy products dunia telah meningkat dan jika harga tidak dibenarkan dinaikkan, tiada siapa akan mengimport dan bekalan negara akan berkurangan.

Negara kita mengamalkan dasar perdagangan yang terbuka yang bermakna sekatan ke atas import dan eksport adalah terhad kepada barang-barang tertentu sahaja, bertujuan menggalakkan persaingan antara pengeluaran dalam negeri dengan barangan import supaya bekalan dalam negeri mencukupi dan secara tidak langsung mengawal kenaikan harga.

Selain daripada itu Kerajaan juga mengambil berbagai-bagai langkah lain untuk secara tidak langsung mencegah kenaikan harga yang tidak berpatutan. Antaranya ialah menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan dibawahnya melalui mana 20 barangan kawalan tetap dan 25 barangan kawalan musim perayaan dikawal dari segi pengeluaran, penyimpanan, pengedaran dan penjualan untuk mengelakkan berlakunya penyorokan (hoarding) dan menentukan bekalan mencukupi.

Melalui Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977, 111 barangan diwajibkan diletakkan tanda harga untuk

mbolehkan pengguna membuat bandingan harga sebelum membeli.

Melalui Akta Perihal Dagangan atau Trade Descriptions Act 1972 dan Peraturan-peraturan dibawahnya pula Kementerian mengambil tindakan ke atas keterangan atau tanda harga yang palsu termasuk jualan murah palsu untuk mengelakkan pengguna daripada diseleweng atau ditipu.

Kerajaan telah juga berusaha untuk mengawal kenaikan harga dengan mengurangkan duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais ke atas beberapa barangan termasuk barang-barang makanan, input yang digunakan dalam sektor pertanian dan barang keperluan rumahtangga. Walau bagaimanapun, tindakan melalui cukai dan langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh Kerajaan adalah terhad kerana wujudnya faktor-faktor di luar kuasa Kerajaan. Ini termasuk sekiranya harga bahan atau barangan yang diimport meningkat dipasaran dunia. Peningkatan harga itu pula mungkin akibat kekurangan bekalan berbanding dengan permintaan dan juga sekiranya matawang negara yang mengeluarkan barangan itu meningkat berbanding dengan ringgit Malaysia.

Dengan itu selain daripada Kerajaan mengambil langkah-langkah yang difikirkan wajar untuk mengawal kenaikan harga, pengguna juga harus melaksanakan peranan yang waras dan rasional dalam urusan jualbeli dengan membuat perencanaan yang sewajarnya berasaskan kemampuan dan keperluan masing-masing.

PIBG—KUTIPAN YURAN

30. Tuan Haji Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian akan menyeragamkan bayaran yuran PIBG bagi mengelakkan sebarang kekeliruan daripada kalangan ibubapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah dibuat atas persetujuan ahli-ahlinya dalam bentuk derma secara sukarela. Oleh itu penetapan jumlah yuran tersebut adalah terletak pada keputusan ahli-ahli PIBG di sesebuah sekolah tertentu. Adalah agak sukar untuk menyeragamkan bayaran yuran PIBG kerana ianya adalah bergantung kepada kemampuan ibu bapa yang tinggal di persekitaran sesebuah sekolah. Walau bagaimanapun, kadar yuran yang dikutip adalah mengikut cadangan ahli-ahli PIBG yang mewakili pihak ibu bapa di persekitaran sekolah tersebut.

KWSP—JUMLAH CARUMAN

31. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah caruman KWSP yang sedia ada sekarang; nama syarikat-syarikat dimana pelaburan telah dibuat oleh KWSP; jumlah pelaburan KWSP dalam setiap syarikat tersebut; keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut; kerugian yang dialami dari segi penurunan nilai saham yang dibeli itu dengan memberi nama syarikat-syarikat berkenaan serta juga jumlah pelaburan dalam syarikat-syarikat berkenaan itu.

Dato' Wan Bakar bin Wan Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Jumlah caruman KWSP setakat 31 Januari 1990 ialah sebanyak \$39,522,469,390.

(b) Jumlah pelaburan terkumpul KWSP pada 31 Januari 1990 ialah \$40,747 juta. Daripada jumlah ini, pelaburan dalam ekuiti berjumlah \$603.8 juta atau 1.48%. Oleh kerana bilangan syarikat yang terlibat adalah terlalu banyak, adalah tidak sesuai bagi saya untuk menyenaraikan disini. Walau

bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan KWSP dalam ekuiti adalah meliputi saham-saham syarikat dalam sektor perindustrian, kewangan, perhotelan, hartanah, perladangan dan perlombongan.

Berdasarkan nilai pasaran saham-saham yang tinggi sekarang ini, setakat 31 Januari 1990 keuntungan tidak nyata (dengan izin "unrealized profit") yang diperolehi oleh KWSP dari pelaburan dalam ekuiti berjumlah \$322.7 juta, yang mana merupakan peratusan pulangan sebanyak 53.45%. Keuntungan nyata (dengan izin "realized profit") dari penjualan saham yang telah dinikmati oleh KWSP daripada pelaburan saham ekuiti bagi tempoh 1 Januari 1990 hingga 31 Januari 1990 adalah berjumlah \$2.4 juta.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA—PELANCONG LUAR

32. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah pencapaian yang dicapai didalam menarik pelancong-pelancong luar negeri bagi Tahun Melawat Malaysia yang sedang berjalan sekarang ini. Penjelasan juga diminta daripada pihak Menteri Pelancongan berhubung dengan tindakan-tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah kelewatan yang menimbulkan kesulitan oleh kerana tidak tepatnya jadual penerbangan yang dibuat oleh Sistem Penerbangan Malaysia sehinggakan terdapat cerita-cerita dari luar negeri menyatakan bahawa Sistem Penerbangan Malaysia tidak ada sistem dan sangat lewat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Sambutan negara-negara asing terhadap Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah

menggalakkan. Ini berdasarkan maklumbalas dari pengusaha-pengusaha hotel yang melaporkan bahawa kadar penginapan hotel-hotel telah bertambah. Ada beberapa buah hotel telah penuh ditempah sehingga bulan Mac 1990. Di samping itu pejabat-pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) di luar negeri juga menerima banyak pertanyaan tentang Tahun Melawat Malaysia 1990.

Mengenai masalah kelewatan yang dihadapi oleh pelancong-pelancong asing yang menaiki Penerbangan Malaysia, adalah tidak benar masalah itu seburuk seperti yang digambarkan. Malahan Sistem Penerbangan Malaysia telah pun meningkatkan usaha-usaha bagi mengatasi masalah-masalah seperti ini.

FERI MALAYSIA—JUALAN KAPAL

33. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan meneruskan rancangannya untuk menjual Cruise Muhibah;
- (b) kalau benar, berapakah harga jualannya dan siapakah pembelinya;
- (c) adakah rancangan lain dibuat untuk meneruskan pengangkutan laut seumpama itu demi perpaduan negara.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kapal Feri Malaysia, Cruise Muhibah telah pun dijual kepada sebuah syarikat dari Eropah pada 29 Disember 1989 yang lalu dengan harga US\$17.0 juta atau kira-kira M\$45.0 juta.
- (b) Perkhidmatan Feri Malaysia hanyalah merupakan satu daripada berbagai program

Kerajaan yang telah dijalankan untuk mencapai perpaduan/integrasi nasional di antara penduduk Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan feri yang lain bagi menggantikan Feri Malaysia yang didapati tidak berdaya maju. Dari segi pengangkutan udara yang menghubungkan kedua-dua rantau ini, adalah didapati lebih popular dan boleh ditambahkan jika perlu. Untuk mencapai perpaduan negara dikalangan masyarakat Malaysia, usaha-usaha lain akan diteruskan menerusi program-program lain yang di anggap lebih berkesan. Di antara program yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:

- (1) Program Titian Emas/ Anak Angkat;
- (2) Menganjur Lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya;
- (3) Mengadakan khemah kerja;
- (4) Mengadakan ceramah-ceramah kepada pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia yang akan bertukar/bertugas ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Program ini bertujuan membuka hubungan antara ahli masyarakat mengenali serta memberi kefahaman yang mendalam mengenai semua aspek kebudayaan masyarakat Malaysia. Semoga dengan kesedaran dan kefahaman ini, perpaduan negara akan menjadi lebih erat.

BERNE CONVENTION— MALAYSIA MENGGAGOTAI

34. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bila dan kenapakah Malaysia hendak menyertai "Berne Convention For The Protection of Literary and Artistic Works; dan
- (b) semenjak Akta Hakcipta 1987 dikuatkuasakan, jumlah kes yang ditangkap melanggar Akta tersebut sehingga hari ini serta mengikut pecahan kategori tuduhan.

Dato Dr K.S. Nijhar:

- (a) Pada masa ini sebanyak 82 negara telah menganggotai "Berne Convention". Kerajaan Malaysia juga telah membuat keputusan dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menganggotai konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta ini. Tarikh Malaysia menganggotainya akan ditentukan kemudian. Keputusan untuk menganggotai konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta ini dibuat setelah mengkaji semua aspek mengenainya. Di antara sebab-sebab Kerajaan membuat keputusan untuk menganggotai konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta ini adalah seperti berikut:
 - (i) karya-karya Malaysia akan mendapat perlindungan hakcipta di negara-negara lain yang menganggotai konvensyen yang sama. Ini akan memperluaskan pasaran dan seterusnya menggalakkan pencipta tempatan untuk lebih kreatif;
 - (ii) meletakkan karya-karya tempatan ke tahap yang

lebih bersaing kerana dari aspek perlindungan hakcipta tidak lagi wujud perbezaan di antara karya tempatan dan karya asing. Sebaliknya, jika Malaysia tidak menganggotai mana-mana konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta, karya-karya asing tidak berhakcipta di negara dan boleh digunakan tanpa tertakluk kepada apa-apa syarat sedangkan karya-karya tempatan pula berhakcipta dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran tuan punya hakciptanya. Keadaan ini akan mendorong orang ramai menggunakan karya asing dan menyebabkan kurangnya permintaan terhadap karya tempatan;

- (iii) dengan perlindungan yang diadakan, kegiatan-kegiatan cetak-rompak dapat dibendung dan dengan yang demikian, menggalakkan pertumbuhan industri yang sah dalam bidang berkaitan kerana pelabur-pelabur merasa yakin pelaburannya terjamin dan akan memberikan pulangan yang memadai. Sementara itu, negara pula tidak kehilangan hasil cukai yang biasanya dielakkan oleh pencetak-rompak;
- (iv) dengan wujudnya perlindungan hakcipta, pencipta-pencipta asing tidak teragak-agak untuk membawa masuk karya mereka ke negara ini dan ini bukan sahaja menggalakkan penyebaran maklumat tetapi memper-

tingkatkan pertumbuhan ekonomi negara; dan

- (v) imej negara dalam hal-hal yang berkaitan dengan hakcipta dapat dipertingkatkan dan seterusnya meletakkan Malaysia ke dalam sistem perundangan antarabangsa mengenai hakcipta.

- (b) Dari tarikh pelaksanaan Akta Hakcipta 1987 sehingga 20-2-1990, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima sebanyak 1,921 aduan mengenai pelanggaran hakcipta. Siasatan ke atas aduan-aduan ini menghasilkan sebanyak 1,077 kes dengan barang-barang yang disita bernilai \$4.1 juta. Pecahan kes-kes adalah seperti berikut:

<i>Jenis Karya</i>	<i>Jenis Adunan</i>	<i>Jumlah Kes</i>	<i>Nilai Barang Disita</i>
Filem	1,464	791	\$1,555,381.40
Musik	412	253	1,787,307.30
Sastera	20	11	161,525.35
Seni	17	16	625,058.00
Komputer	8	6	2,498.00
Jumlah	1,921	1,077	\$4,131,770.05

DAFTAR PEMILIH—GERAKAN MENDAFTAR

35. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pengundi-pengundi di setiap negeri masing-masing sebelum gerakan mendaftar pemilih yang lalu;
- (b) jumlah sebenar pemilih-pemilih yang didaftarkan, dipotong dari senarai dan menukar alamat di setiap negeri masing-masing semasa gerakan mendaftar pemilih yang lalu yang dijalankan diantara 21-5-89 hingga 2-7-89 selepas disahkan;
- (c) bilakah senarai daftar pemilih baru akan digunakan;

(d) bilakah gerakan mendaftar pemilih seterusnya akan dijalankan.

Sabah	-	496,300
Sarawak	-	688,291

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

(a) Mengikut daftar pemilih tahun 1989 yang telah disahkan pada 31hb Januari, 1990, pecahan pemilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

Perlis	-	93,549
Kedah	-	637,942
Kelantan	-	520,254
Terengganu	-	307,880
Pulau Pinang	-	552,327
Perak	-	1,008,858
Pahang	-	434,474
Selangor	-	878,478
Wilayah Persekutuan KL	-	516,315
Negeri Sembilan	-	331,607
Melaka	-	258,434
Johor	-	935,970
Wilayah Persekutuan Labuan	-	15,542

(b) Jumlah pemilih baru, pemilih yang namanya dipotong dan pemilih yang memohon bertukar alamat ketika urusan pendaftaran pemilih tahun 1989 dijalankan seperti berikut: (rujuk Lampiran 'A').

(c) Daftar pemilih yang baru yang disahkan pada 31hb Januari, 1990 akan digunakan apabila berlaku pilihanraya umum atau pilihanraya kecil selepas dari tarikh tersebut tetapi sebelum senarai pemilih yang baru berikutan dengan urusan pendaftaran pemilih tahun 1990 disahkan.

(d) Urusan pendaftaran pemilih bagi tahun 1990 telah dilancarkan pada 1hb Mac, 1990.

Lampiran "A"

<i>Negeri</i>	<i>Pemilih Baru</i>	<i>Potongan</i>	<i>Tukar Alamat</i>
Perlis	7,299	1,369	3,403
Kedah	44,906	13,281	24,400
Kelantan	36,969	6,692	19,939
Terengganu	23,618	2,422	12,162
Pulau Pinang	46,023	4,502	24,896
Perak	54,953	9,755	39,942
Pahang	39,245	5,273	19,643
Selangor	109,478	17,363	49,781
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	40,932	8,191	34,475
Negeri Sembilan	24,772	3,315	13,179
Melaka	17,211	4,612	10,536
Johor	67,448	12,492	39,676
Wilayah Persekutuan Labuan	1,017	356	639
Sabah	34,523	13,478	13,109
Sarawak	33,663	14,485	11,783
	<u>582,057</u>	<u>117,586</u>	<u>317,563</u>

RASUAH DI SABAH— SIASATAN

36. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar dalam menjalankan siasatan-siasatan ke dalam rasuah di Sabah, Badan Pencegah Rasuah telah menerima laporan-laporan bahawa pemimpin-pemimpin atasan Kerajaan Persekutuan dan Barisan Nasional, termasuk ahli-ahli Jemaah Menteri terlibat dalam amalan menerima rasuah, dan menyatakan sama ada BPR telah memulakan apa-apa siasatan ke dalam laporan-laporan tersebut dan hasil sisatan tersebut.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Badan Pencegah Rasuah tidak menerima apa-apa Laporan atau aduan rasmi yang mengatakan pemimpin-pemimpin atasan Kerajaan Persekutuan dan Barisan Nasional termasuk ahli-ahli Jemaah Menteri terlibat dalam amalan menerima rasuah semasa BPR menjalankan siasatan kes-kes rasuah di Sabah. Oleh yang demikian, soalan berikutnya tidak berbangkit.

CUKAI PENDAPATAN MENTERI-MENTERI SABAH— PENYIASATAN

37. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada selain daripada Jaffrey Kitingan, lain-lain personaliti di Sabah juga tertakluk kepada pengauditan kewangan termasuk bekas-bekas Ketua Menteri dan Menteri-Menteri.

Perdana Menteri: Penyiasatan cukai yang termasuk pengauditan rekod-rekod kewangan dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ke atas seseorang yang diketahui atau dipercayai melarikan cukai. Kes Dr Jaffrey Kitingan adalah merupakan salah satu daripada kes yang dijalankan di Sabah. Undang-undang cukai pendapatan tidak membenarkan

sebarang maklumat mengenai pembayar cukai dihebohkan tanpa kebenarannya dan ini termasuklah menghebohkan sama ada seseorang itu disiasat atau tidak. Juga bukanlah polisi kerajaan untuk menghebohkan nama-nama pembayar cukai yang disiasat. Dengan itu saya tidak bercadang untuk memberitahu nama-nama pembayar cukai di Sabah yang disiasat.

SERANGAN HISTERIA KEPADA PELAJAR SEKOLAH RENDAH SEMBULAN

38. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seramai 28 orang murid darjah enam telah diserang Histeria di sebuah sekolah rendah di Sembulan, Kota Kinabalu. Kejadian ini mula berlaku keatas seorang murid yang berkelakuan ganjil selepas ia balik dari tandas lama sekolah tersebut. Murid-murid sekolah yang kesemuanya perempuan mula menjerit, menanggis dan berlari tak tentu arah, ada yang pengan dalam kejadian ini. Saya difahamkan bahawa murid-murid sekolah ini telah diserang histeria hampir setahun sejak ia didirikan pada tahun 1985. Sama ada Kementerian beliau menubuhkan satu badan penyiasat untuk mengetahui apakah punca-punca berlakunya serangan histeria ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan kejadian histeria berlaku di kalangan pelajar-pelajar di sekolah rendah Sembulan, Kota Kinabalu.

Pelajar-pelajar sekolah tersebut telah dilarang menggunakan tandas lama yang didakwa menjadi punca peristiwa tersebut. Langkah-langkah akan diambil untuk merobohkan tandas yang berkenaan jika didapati

perlu. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa tidak perlu ditubuhkan satu badan penyiasat untuk mengetahui punca kejadian ini.

PENDAFTARAN PARTI POLITIK

39. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kenapakah selalunya Pendaftar Pertubuhan mengambil masa yang lama untuk meluluskan permohonan sesebuah parti politik. Adakah kemungkinan Kerajaan akan mengadakan suatu perlembagaan yang standard memandangkan pindaan yang telah dibuatkan oleh Kerajaan terhadap Akta Pertubuhan baru-baru ini; dan
- (b) berapakah jumlah bilangan dan nama parti politik yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan berapakah yang masih menunggu kelulusan dari Pendaftar Pertubuhan.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Sebelum meluluskan sesuatu permohonan untuk mendaftarkan sesebuah pertubuhan atau persatuan, termasuk parti politik, perlembagaan atau undang-undang tubuh pertubuhan tersebut perlu dikaji dan diteliti secara mendalam untuk memastikan ianya selaras dengan Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984. Oleh itu proses tersebut terpaksa mengambil sedikit masa. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu perlembagaan yang standard memandangkan dasar perjuangan serta maksud dan tujuan

parti-parti politik adalah berbeza antara satu sama lain. Tindakan sedemikian juga adalah bercanggah dengan sistem demokrasi berparlimen yang menjadi dasar pemerintah negara ini.

- (b) Jumlah bilangan parti-parti politik yang berdaftar di Malaysia sehingga 23 Februari 1990 ialah 43 buah. Ini termasuk 3 buah "badan gabungan" parti politik. Mana-mana parti tersebut adalah seperti berikut:

SEMENANJUNG MALAYSIA (20 buah parti)

1. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (United Malays National Organisation)
2. Malaysian Chinese Association (MCA)
3. Malaysian Indian Congress (MIC)
4. Parti Islam Se Malaysia (PAS)
5. Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM)
6. Democratic Action Party Malaysia (DAP)
7. Parti Gerakan Rakyat Malaysia
8. Congress Indian Muslim Malaysia (KIMMA)
9. Malaysian Ceylonese Congress
10. Parti Demokratik India Malaysia (Democratic Malaysian Indian Party (D.M.I.P.))
11. People's Progressive Party of Malaysia
12. Pertubuhan Pekerja-pekerja Malaysia
13. Barisan Jemaah Islamiah Se Malaysia (BERJAYA)
14. Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM)
15. Parti Punjabi Malaysia (Malaysian Punjabi Party)
16. Parti Perpaduan Anak Malaysia (Malaysian Unity Movement) (MUM)
17. Kongres Penyatuan masyarakat (Community Coalition Congress) (CCC)
18. Parti Merdeka Malaysia
19. Semangat 46
20. Parti Ikatan Masyarakat Islam Malaysia

SARAWAK (8 buah)

21. Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak
22. Parti Rakyat Bersatu Sarawak (The Sarawak United People's Party) (SUPP)
23. Parti Negara Rakyat Sarawak (NEGARA)
24. Sarawak Demokratik Bersatu (BERSATU)
25. Parti Kebangsaan Sarawak (Sarawak National Party) (SNAP)
26. Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS)
27. Parti Buruh Bersatu Sarawak
28. Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS)

SABAH (12 buah parti)

29. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (United Sabah National Party) (USNO)
30. Parti China Bersatu Sabah (Sabah Chinese Consolidated Party) (SCCP)
31. Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (United Pasok Nunukragang National Organisation) Sabah
32. Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA)
33. Parti Bersatu Sabah (PBS)
34. Parti Momogun Kebangsaan Sabah (MOMOGUN)
35. Parti Cina Sabah (PCS)
36. Parti Bersatu Rakyat Bumiputra Sabah (BERSEPADU)
37. Parti Rakyat Sabah (Sabah People's party)
38. Parti Liberal Demokratik (LDP)
39. Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR)
40. Parti Tindakan Bersatu (The United Action Party)

BADAN GABUNGAN PARTI POLITIK (3 buah pertubuhan)

41. Barisan Nasional of Malaysia
42. Malaysian Alliance Party
43. Sarawak Alliance Party

Sebanyak 12 permohonan pendaftaran parti politik masih dalam pertimbangan Pendaftar Pertubuhan. Parti-parti tersebut ialah:

1. Parti Bersatu Malaysia (Malaysian Solidarity Party)
2. The Indian Party of Malaysia "46" (IPM "46")
3. Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan)

4. Barisan Kemajuan India Se Malaysia (All Malaysian Indian Progressive Front)
5. Semangat 46 Angkatan Melayu Nasional Unity (Semangat 46 atau S/46)
6. Parti Kaum India Bersatu Malaysia (United Malaysian Indian Party of Malaysia)
7. Parti Perpaduan Masyarakat (PPM)
8. Angkatan Perpaduan Ummah Malaysia (ANGKATAN)
9. Parti Demokratik Kebangsaan Sabah (PDKS)
10. Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (BERSEKUTU)
11. Parti Angkatan Demokratik Liberal Sabah (ADIL)
12. Bersama Mangsa-Mangsa Barisan Nasional, Sabah, Malaysia (BERSATU)

**AMUK DI BALAI POLIS—
SIASATAN KEMATIAN**

40. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan polis mengenai kematian 2 orang tebusan yang ditawan oleh seorang pengamuk di Balai Polis Bt. 14 Hulu Langat pada awal Februari 1990. Adakah beliau bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas untuk menyiasat tragedi tersebut, khususnya memandangkan adanya keraguan di kalangan orang ramai bahawa kedua-dua orang tebusan itu mati akibat tembakan polis.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa jumlah orang tebusan yang meninggal dunia dalam kejadian amuk di Balai Polis Bt. 14 Hulu Langat pada 8-2-1990 cuma seorang sahaja dan tidak dua orang seperti yang didakwa. Sementara seorang lagi yang meninggal dunia ialah orang awam yang dijumpai mati dalam kereta Proton Saganya ketika dalam perjalanan pulang dari menghadiri jamuan rasmi dipercayai terkena tembakan peluru sesat semasa kejadian amuk tersebut.

Pihak polis masih meneruskan siasatan lanjut dan Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat tragedi tersebut.

PENJARA—KESELAMATAN DAN KAWALAN

41. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jaminan-jaminan bahawa:

- (a) penjara-penjara di negara ini adalah cukup keselamatan dan kawalan bagi mengelakkan banduan lepas lari;
- (b) orang awam adalah tidak terancam oleh penjenayah merbahaya yang kerap bolos dari penjara; dan
- (c) tidak berlakunya penyelewengan pegawai-pegawai penjara yang semakin serius.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Pada keseluruhannya keselamatan penjara adalah terjamin dan tindakan telah diambil bagi memastikan supaya banduan tidak melarikan diri seperti berikut:
 - (i) latihan terhadap kaki-tangan dalam aspek kawalan dan pengurusan serta peka akan masalah banduan-banduan dan mempertingkatkan disiplin di kalangan mereka itu.
 - (ii) tindakan disiplin yang lebih keras terhadap pegawai-pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
 - (iii) bangunan-bangunan penjara yang didapati mengalami kerosakan telah dibaiki dan diubahsuai.

(iv) banduan-banduan dipindahkan ke penjara-penjara lain untuk mengelakkan kesesakan dalam penjara tertentu.

- (b) Jika terdapat kes kelarian banduan dari penjara, media elektronik dan cetak sentiasa diberitahu supaya orang awam mengetahui dan berhati-hati. Pihak polis dan pegawai-pegawai penjara akan menjalankan operasi mencari dan menjamin keselamatan orang awam agar tidak terganggu.
- (c) Di samping latihan yang tersebut di para (a) (i) di atas, kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas dan yang menyeleweng.

PEGAWAI TUDM MELETAKKAN JAWATAN

42. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa di akhir-akhir ini ramai pegawai yang berpengalaman dari Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) meletak jawatan secara sukarela. Berapa lamakah latihan yang diperlukan bagi melahirkan Pegawai TUDM yang berpengalaman.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa akhir-akhir ini ramai Pegawai TUDM yang berpengalaman telah meletakkan jawatan secara sukarela. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai TUDM sepertimana juga pegawai-pegawai Tentera Darat dan Laut, adalah memegang Tauliah Tetap atau Tauliah Jangka Pendek. Tauliah Tetap akan berkhidmat sehingga umur bersara

paksa (compulsory retirement age) atau di atas permohonan mereka sendiri, mereka juga boleh dibenarkan bersara pilihan (optional retirement age).

Bagi pegawai yang memegang Tauliah Jangka Pendek pula, mereka akan berkhidmat dengan Angkatan Tentera mengikut tempoh tauliah yang dianugerahkan. Tempoh tauliah jangka Pendek buat permulaan adalah 13 tahun bagi Juruterbang dan Kejuruteraan TUDM dan 7 tahun bagi Cawangan-cawangan lain. Mereka boleh untuk menyambung Tauliah jangka Pendek berperingkat-peringkat selama 2 tahun bagi satu peringkat.

Bilangan Pegawai TUDM bertauliah tetap yang berhenti secara sukarela sepanjang tahun 1989 adalah seperti berikut:

(i) Bersara pada umur pilihan (secara sukarela)	- 5 orang
(ii) Bersara pada umur paksa	- 5 orang
(iii) Dibersarakan atas keperluan perkhidmatan	- 3 orang
Jumlah:	- 13 orang

Manakala bilangan pegawai-pegawai Tauliah jangka Pendek yang tamat perkhidmatan pada tahun 1989 adalah seramai 46 orang.

Ada berkemungkinan mereka yang meletak jawatan secara sukarela adalah kerana untuk mendapatkan kerja yang lebih menarik di Sektor-sektor lain atau lain-lain sebab di luar pengetahuan TUDM.

Untuk mengukur pengalaman seseorang pegawai itu adalah tidak tepat untuk kita menggunakan prinsip berapa lama latihan yang dibuatnya. Latihan yang dibuat hanya dapat memberi mereka ilmu pengetahuan untuk menyediakan dan memahirkan dirinya di dalam tugas atau jawatan-jawatan atau tugas-tugas yang diperuntukkan kepada mereka. Perkara

ini adalah subjektif dan hanya dapat dikira berdasarkan kepada tiap-tiap kes pegawai tertentu. Satu common denominator tidak boleh digunakan bagi semua pegawai.

GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

43. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Buruh menyatakan apakah Kerajaan akan tunduk di atas desakan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) dan juga Persatuan Pengeluaran-pengeluaran Pertanian Tanah Melayu (MAPA) yang mendesak Kerajaan agar pekerja-pekerja ladang diberi gaji bulanan.

Tuan Kalakau Untol: Soal mendesak Kerajaan dalam perkara ini tidak timbul, kerana perkara ini adalah dalam hak kedua-dua pihak, majikan (iaitu MAPA) dan pekerja (melalui NUPW) untuk membincang dan bersetuju di antara mereka sendiri. Perbincangan itu sedang berjalan pada masa ini.

KOBENA DALAM PROJEK PERNIAGAAN

44. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai kerugian besar dalam KOBENA yang dikatakan sebanyak \$93 juta. Adakah penyelewengan-penyelewengan berlaku dalam penguurusan KOBENA ini yang menyebabkan kerugian begitu banyak. Bagaimanakah kerugian boleh berlaku sedangkan KOBENA adalah di bawah pengawasan Y.B. Menteri Belia dan Sukan sendiri.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Kerugian besar yang dialami oleh KOBENA adalah dipercayai berpunca

dari penglibatan KOBENA dalam projek perniagaan yang tidak berdaya maju dan tidak mendatangkan pulangan keuntungan seperti yang diharapkan. Kerugian yang dialami oleh KOBENA dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang diceburinya adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu kemelesetan ekonomi yang melanda negara ketika itu dan pengurusan organisasi KOBENA yang kurang berkesan. Keadaan ekonomi yang lembab terutamanya dalam awal tahun 1980an telah menimbulkan kesan yang negatif ke atas prestasi perniagaan yang diceburi oleh KOBENA. Prestasi yang negatif ini bukan sahaja dialami dan dirasai oleh KOBENA tetapi juga oleh syarikat-syarikat atau pertubuhan-pertubuhan perniagaan yang lain.

Selain dari faktor keadaan ekonomi, faktor keberkesanan pengurusan organisasi juga merupakan sebab KOBENA mengalami kerugian. Pentadbiran organisasi KOBENA pada masa itu didapati kurang berkesan. Prinsip-prinsip utama yang melibatkan aspek-aspek penting seperti pengurusan, perancangan, pengawalan dan pelaksanaan bagi menentukan keberkesanan penglibatan KOBENA dalam sesuatu projek perniagaan itu tidak diberi perhitungan dan pertimbangan yang rapi. Prinsip-prinsip pengurusan dan pentadbiran seperti yang disebutkan di atas tidak di define, di analyse dan di identify dengan terperinci berasaskan keupayaan, kebolehan, kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang ada pada KOBENA sebelum membuat keputusan untuk menceburi sesuatu projek berkenaan.

Pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan siasatan berhubung dengan kerugian yang dialami oleh KOBENA. Jika penyiasatan itu menunjukkan terdapat penyelewengan, Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

DADAH—STRATEGI PENCEGAHAN

45. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan tentang:

- (a) apakah strategi (langkah) yang digunakan untuk mencegah penyalahgunaan dadah;
- (b) kenapakah masih ramai (90%) daripada jumlah penagih yang dipulihkan di Pusat Pemulihan Dadah kembali menghisap dadah Apakah pihak Kementerian sedar perkara ini. Apakah langkah untuk mengatasinya; dan
- (c) sila senaraikan jumlah penagih dadah secara perbandingan dari tahunan 1985-1989 dan negeri manakah yang paling ramai penagih dadah.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Strategi pencegahan dadah di Malaysia adalah berpandukan kepada pendekatan melalui (i) pengurangan permintaan dan (ii) pengurangan bekalan dadah.

Pengurusan Permintaan melibatkan pendidikan pencegahan di sekolah-sekolah, aktiviti-aktiviti di kalangan masyarakat supaya sedar bahayanya serta mengadakan program rawatan dan pemulihan penagih dadah yang berkomprensif.

Pengurusan Bekalan adalah dicapai melalui penguatkuasaan undang-undang dadah yang tegas untuk mencegah pemasukan dan pendedaran dadah.

- (b) Bilangan penagih yang menagih semula selepas dipulih di Pusat-pusat Pemulihan Dadah ialah 40.05%, dikira pukulrata bagi 6 tahun yang kebelakangan ini, iaitu tahun 1983 ke 1988, dan bukannya 90%.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan peratusan bilangan penagih yang menagih semula selepas keluar daripada pusat-pusat pemulihan dadah ialah dengan mengetatkan lagi program jagaan lanjutan serta menambahkan kemudahan pusat-pusat jagaan lanjutan. Di samping itu tindakan penguatkuasaan undang-undang untuk mencegah bekalan dan pengedaran dadah akan terus dipergiatkan.

- (c) Bilangan penagih dadah yang didaftar dalam tahun 1985 ke 1989 ialah seperti berikut:

1985	—	9,591 orang
1986	—	7,329 orang
1987	—	7,569 orang
1988	—	9,710 orang
1989	—	5,468 orang
		(hingga September)

Negeri yang paling ramai penagih mengikut tahun ialah:

1985	—	Perak
1986	—	Perak
1987	—	Johor
1988	—	Wilayah Persekutuan
1989	—	Wilayah Persekutuan

BANDUAN LARI DARI PENJARA

46. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes banduan lari dari penjara untuk tahun 1988 dan 1989 dengan memberi butir-butir bilangan banduan dan penjara yang terlibat;
- (b) berapa ramai mereka yang melarikan diri ditangkap semula dan berapa ramai yang masih bebas;
- (c) adakah kerajaan telah mengenalpasti pelbagai masalah yang dihadapi oleh penjara-penjara kita, apakah dia dan apakah tindakan yang telah diambil;

- (d) adakah beliau sedar bahawa masalah banduan remand dan penjara sesak sangat serius dan apakah yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Juga, berikan butir-butir bilangan banduan remand seluruh negara sehingga akhir Januari 1990.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Bilangan kes banduan lari dari penjara tahun 1988 ialah 13 orang.

<i>Institusi</i>	<i>Dalam Penjara</i>	<i>Luar Penjara</i>
Kuala Lumpur	—	3
Johor Bahru	—	4
Kajang	—	1
Marang	—	1
Sabah	3	1
	—	—
Jumlah	3	10

Bilangan kes banduan lari dari penjara tahun 1989 ialah 26 orang.

<i>Institusi</i>	<i>Dalam Penjara</i>	<i>Luar Penjara</i>
Kuala Lumpur	—	3
Penor	—	1
Miri	2	—
Kajang	4	—
Kuching	—	1
Johor Bahru	8	2
Simpang Rengam	5	—
	—	—
Jumlah	19	7

- (b) Jumlah banduan yang ditangkap semula serta yang masih bebas ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Ditangkap semula</i>	<i>Masih bebas</i>
1988	8	5
1989	11	15
	—	—
Jumlah	19	20

- (c) Pihak kerajaan memang telah mengenalpasti masalah-masalah

yang dihadapi oleh Jabatan Penjara seperti berikut:

- (i) kesesakan di dalam penjara;
- (ii) kekurangan bangunan-bangunan yang sesuai dalam penempatan banduan-banduan mengikut hukuman;
- (iii) keadaan fizikal penjara yang telah lama dan tidak sesuai;
- (iv) masalah disiplin di kalangan pegawai-pegawai penjara.

Tindakan telah dan sedang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini ialah:

- (i) memindahkan banduan-banduan ke penjara-penjara lain supaya mengelakkan kesesakan di dalam penjara;
 - (ii) bangunan-bangunan yang telah lama dan mengalami kerosakan telah diubahsuai supaya menjamin keselamatan penjara daripada mudahnya banduan melarikan diri;
 - (iii) mengenakan tindakan tata-tertib yang tegas kepada pegawai-pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas;
 - (iv) mengadakan kursus dalam perkhidmatan supaya dapat mempertingkatkan disiplin di kalangan pegawai penjara.
- (d) Kerajaan sedar bahawa kesesakan penjara dan banduan remand yang berjumlah 4,874 orang pada 31-1-1990 merupakan masalah serius dan beberapa langkah telah dan akan terus diambil untuk mengatasi masalah ini. Antaranya terma-

suklah memindahkan banduan-banduan ke penjara-penjara yang kurang sesak dan menjadikan Penjara Pudu sebagai Penjara Remand memandangkan pada masa ini terdapat lebih daripada 50% banduan remand di sana. Apabila banduan-banduan remand itu dijatuhkan hukuman; mereka akan dipindahkan ke penjara-penjara lain yang kurang sesak.

RAKYAT MALAYSIA JADI WARGANEGARA ASING

47. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang menjadi warganegara asing sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dan bilangan antara 1981 hingga sekarang;
- (b) nyatakan sebab-sebab yang mendorong mereka menukar warganegara dan ke negara manakah mereka berhijrah;
- (c) sebahagian dari mereka baru ini diberitakan telah memohon untuk menjadi warganegara semula. Nyatakan bilangannya dan apakah faktor yang memungkinkan mereka mengubah pendirian;
- (d) sila berikan sebab mengapa permintaan rojok mereka itu patut atau tidak patut dipertimbangkan;
- (e) adakah Kerajaan mempunyai maklumat bahawa lebih ramai lagi rakyat negara ini berhajat untuk berhijrah ke negara lain dan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasinya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Seramai 51,945 orang rakyat Malaysia telah menjadi

warganegara asing sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, termasuklah seramai 35,561 yang mendapat kerakyatan asing di antara 1981 hingga akhir tahun 1989.

- (b) Mereka memperolehi kewarganegaraan asing atas pilihan dan sebab-sebab tersendiri yang mereka tidak memberitahu kepada Kerajaan. Antara negara pilihan mereka ialah Singapura, Britain, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Perancis, Jerman Barat dan sebagainya.
- (c) Antara tahun 1984 hingga akhir tahun 1989 sebanyak 118 permohonan telah diterima oleh Kementerian Dalam Negeri dari mereka yang mahu menjadi warganegara Malaysia semula. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah ketidaksesuaian di negara asing dan merasakan negara ini jauh lebih baik dari yang disangkakannya selama ini.
- (d) Soal menimbangankan kes mereka itu terletak di atas budibicara Kerajaan. Setiap kes itu dikaji atas meritnya sendiri. Lagi pun mereka yang terlibat adalah warganegara asing.
- (e) Kerajaan tidak mengetahui hasrat seseorang itu hendak berhijrah kerana mereka adalah bebas berbuat demikian tanpa perlu memberitahu Kerajaan terlebih dahulu. Kerajaan tidak menghalang ataupun menggalakkan rakyatnya berhijrah.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLETAKAN SENJATA

48. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan komunis yang meletak senjata dan jumlah senjata

serta jenis senjata yang diserahkan kepada Kerajaan oleh Ahli-ahli Parti Komunis Malaya selepas menandatangani surat persetujuan meletak senjata Haadyai, Thailand baru-baru ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Berikutan termeterainya perjanjian penamatan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 lalu, seramai 1,091 bekas anggota-anggota PKM telah pun keluar dari pengkalan mereka di hutan. Setakat ini, lebih daripada 1,120 laras senjatapi, 80,370 butir peluru, 390 butir bom tangan, 1,650 bahan letupan (landmines) dan 3,860 alat letupan (detonators) telah dimusnahkan oleh pihak PKM di perkarangan empat buah Perkampungan Aman (Friendship Villages) di Wilayah Yala dan Narathiwat, Selatan Thailand dan disaksikan oleh pihak-pihak berkuasa Thailand dan Malaysia.

POLIS WANITA—KAJIAN PAKAIAN SERAGAM

49. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pakaian seragam (uniform) Polis Wanita kita kelihatan agak "seksy", tidak praktikal dan tidak memaparkan pakaian kerja. Jika ya,

- (a) bilakah perubahan akan dibuat; dan
- (b) bagaimanakah bentuk/fesyen pakaian yang dicadangkan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan sedang mengambil langkah mengkaji pakaian seragam (uniform) Polis Wanita dengan mengambil kira dari segi keselesaan, kesesuaian, praktikal dan sesuai sebagai pakaian kerja polis dan keputusannya akan diumumkan kelak apabila kerajaan berpuashati dengan ciri-ciri yang dikehendaki itu.

**PARTI KOMUNIS MALAYA—
PERLETAKAN SENJATA**

50. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dimanakah bekas-bekas anggota Parti Komunis Malaya yang telah meletakkan senjata baru-baru ini akan ditempatkan. Adakah benar mereka ini akan dibekalkan dengan beberapa ratus laras senjata api apabila mereka ditempatkan dikawasan yang ditetapkan itu. Kalau benar apakah rationalnya ini dibekalkan dengan senjata api tersebut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Bekas anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah meletakkan senjatapi berikutan Perjanjian penamatan perjuangan bersenjata PKM pada 2 Disember 1989 lalu adalah ditempatkan di empat buah Perkampungan Aman yang terletak di Wilayah Yala dan Narathiwat, Selatan Thailand. Adalah tidak benar mereka ini akan dibekalkan dengan senjatapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keselamatan ke atas kawasan-kawasan Perkampungan Aman tersebut adalah di bawah pengawasan pihak berkuasa Thai.

**SKYHAWK DAN HELIKOPTER
NURI—PENGUNAAN
ALAT-GANTI PALSU**

51. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertahanan menyatakan suatu Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja ke dalam tuduhan barang-barang gantian palsu digunakan untuk kapalterbang Skyhawk dan helikopter-helikopter Tentera Udara DiRaja, dan sama ada barang-barang gantian yang kurang bermutu ini mempunyai hubungan dengan hempasan kapalterbang Skyhawk dan helikopter Nuri.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telahpun

diberi pada 28 Februari 1990 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang lebih kurang sama dengan soalan ini. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

**AKTA KESELAMATAN
SENJATA—MEMANSUHKAN**

52. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibuatkan undang-undang dengan matlamat tunggal untuk menghadapi perjuangan Parti Komunis Malaya memandangkan Parti Komunis Malaya telahpun menamatkan perjuangan bersenjatanya dengan meterainya Perjanjian Perdamaian Hadyai dan juga disebabkan terdapat undang-undang yang cukup seperti Akta Hasutan untuk menghadapi perkara-perkara seperti perkauman, jika tidak beri sebab-sebab.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Termeterainya Perjanjian yang menamatkan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 lalu tidaklah bermakna negara ini bebas sepenuhnya dari segala rupa ancaman yang boleh mengganggu gugat dan menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Sebagai satu undang-undang yang digubal dan diwujudkan di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan skop Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 adalah luas bagi mencegah atau membendung ancaman yang boleh membangkitkan bahaya-bahaya yang disenaraikan di perenggan (a) hingga (f) Fasal 1 Perkara 149 tersebut. Adalah tidak tepat anggapan bahawa AKDN diwujudkan hanya untuk matlamat tunggal bagi menghadapi perjuangan bersenjata PKM semata-mata.

Corak masyarakat majmuk yang wujud dalam negara kita ini sentiasa

mudah terdedah kepada berbagai-bagai jenis dan bentuk ancaman keselamatan kepada kestabilan negara, selain dari ancaman yang berpunca dari kegiatan komunisma itu sendiri. Kita semua sedia maklum bagaimana perbuatan dan tindakan-tindakan yang memeralatkan isu-isu perkauman, sentimen keagamaan dan kebudayaan, dan lain-lain bentuk kegiatan boleh menda-tangkan mudarat kepada keselamatan negara, menjejaskan pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) selain dari mengganggu kehidupan ekonomi negara.

Oleh kerana itu, persetujuan pihak PKM untuk menamatkan perjuangan bersenjata mereka tidak seharusnya menjadi sebab bagi memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

KEBAKARAN MASJID DI PAHANG—SIASATAN POLIS

53. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Polis sudahpun selesai menyasiat kes kebakaran beberapa buah masjid di Pahang tempoh hari. Kalau sudah, butirkan. Kalau belum, mengapa.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Pihak Polis telah menjalakan siasatan diatas kejadian-kejadian membakar beberapa buah masjid di Negeri Pahang Darul Makmur dalam bulan Ogos 1987 lalu. Hasil dari siasatan teliti dan rapi yang dibuat, pihak Polis telah dapat mengesan dan menangkap seorang lelaki Melayu pada 20 Mei 1989. Dalam soal siasat yang dijalankan, orang yang ditangkap mengaku bertanggungjawab di atas kejadian-kejadian tersebut atas alasan bahawa masjid-masjid di negeri itu wajib dibakar kerana pembinaannya kononnya tidak mengikut kehendak lunas-

lunas Islam. Beliau juga dikesan terlibat dalam kegiatan-kegiatan pelampau yang memudaratkan keselamatan negara. Oleh kerana itu, beliau telah dikenakan perintah tahanan selama 2 tahun di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

SKYHAWK DAN HELIKOPTER NURI—PENGUNAAN ALATGANTI PALSU

54. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mengemukakan laporan nahas kapal-terbang Skyhawk dan kedua-dua nahas helikopter Nuri bagi membuktikan kegagalan enjin tidak bersangkutan-paut dengan skandal yang baru-baru ini terbongkar mengenai penyele-wengan di Bahagian Kawasan Bahan Udara dan Bekalan Tentera Udara DiRaja Malaysia;
- (b) apakah keberangkalan nat dan kancing (nuts and bolts) yang bermutu rendah atau palsu digunakan untuk mengancing bahagian-bahagian genting kapal-terbang Skyhawk dan helikopter Nuri secara tidak langsung menyebabkan ba-hagian-bahagian tersebut tidak dapat beroperasi dengan baik. Jika hal ini tidak mungkin berlaku, maka apakah faktor utama sekali bagi kejadian-kejadian nahas udara tersebut di mana pernah dilapor tentang kehilangan perhubungan radio sebelum nahas terjadi dan sebagainya;
- (c) dilaporkan bahawa kesangsian timbul apabila barang-barang gantian kerap kali didapati ber-cacat (faulty) di kebelakangan dua tahun ini. Apakah barang-barang gantian yang dijumpai cacat. Berapa kerapkah serta

nilai mata wang barangan ganti yang didapati cacat. Bagi setiap jenis barang gantian berkenaan, apakah jumlah besar pembelian dalam masa setahun, bermutu pada tahun 1980 hingga 1989, dan daripada jumlah besar ini, peratus serta nilai pembaziran akibat cacat atau bermutu rendah dalam tahun-tahun berkenaan;

- (d) pada puratanya, apakah lingkungan kecacatan minima dalam sesuatu kelompok pembelian barangan ganti yang diterima oleh TUDM sebagai biasa, adakah standard ini sama bagi semua jenis barang gantian. Jika tidak, sila huraikan "margin of error" yang dianggap boleh diterima oleh pihak TUDM bagi setiap jenis barang gantian;
- (e) dalam siasatan yang dijalankan ke atas seorang jeneral dan lima orang tentera yang lain, adakah ke semua enam orang ini bertugas di bahagian yang sama atau berlainan. Adakah siasatan lanjutan juga dikendalikan ke atas bahagian yang lain, misalannya bahagian Perkhidmatan Pemeriksaan Udara (Aeronautical Inspection Service) bagi mengesyorkan seratus peratusnya kecurangan mahupun kelalaian tidak berlaku di peringkat tersebut, lebih-lebih lagi selepas berlakunya nahas udara. Jika tidak, mengapa.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi pada 28 Februari 1990 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang lebihkurang sama dengan soalan ini. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

NELSON MANDELA— PEMBEBASAN

55. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan secara rasmi dan tidak rasmi yang telah, sedang dan akan diambil untuk membebaskan Nelson Mandela dan pemimpin-pemimpin nasionalis kulit hitam dari penjara regim apartheid Afrika Selatan dan langkah-langkah yang positif untuk memulih hak asasi mereka mengikut Human Right Charter Antarabangsa di Afrika Selatan.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Yang Berhormat, Encik Nelson Mandela telah pun dibebaskan oleh regim Afrika Selatan pada 11 Februari yang lalu. Sebelum itu, pada bulan Oktober tahun lepas regim Pretoria juga telah membebaskan 7 orang pemimpin nasionalis kulit hitam termasuk Encik Walter Sisulu.

Peranan Malaysia dalam memperjuangkan nasib rakyat kulit hitam di Afrika Selatan dan menentang sistem apartheid tidak dapat dinafikan. Malaysia telah memainkan peranan yang penting di dalam penyingkiran regim Afrika Selatan dari menjadi ahli Komanwel dalam tahun 1965. Melalui persidangan-persidangan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel dan Negara-negara Berkecuali, kita sentiasa mengecam dasar apartheid dan mendesak regim Pretoria memulangkan hak asasi kepada rakyat kulit hitam serta mewujudkan pemerintahan majoriti di Afrika Selatan.

Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa juga bersepakat mengenakan pelbagai sekatan termasuk sekatan perdagangan dan ekonomi terhadap regim Pretoria. Regim Pretoria juga didesak supaya menghapuskan keseluruhan undang-undang apartheid seperti Akta Pendaftaran Penduduk 1954, Akta Tanah

1913, Akta Pendidikan, "The Group Areas Act 1960" dan "The Colour Bar Act".

Selepas persidangan CHOGM di Kuala Lumpur pada tahun lepas, Malaysia telah menulis kepada Kerajaan negara-negara tertentu dan bank-bank terkemuka dunia supaya mengenakan sekatan yang lebih ketat terhadap regim tersebut.

Bagi memastikan pemerintahan majoriti dan memulihkan hak asasi rakyat kulit hitam Afrika Selatan, kita akan terus memainkan peranan dalam menegakkan hak mereka serta mengemukakan tekanan dan sekatan terhadap regim Pretoria. Perkembangan di Afrika Selatan tidak harus mengabui masyarakat antarabangsa untuk melonggarkan sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap regim tersebut. Malaysia berpendapat masyarakat antarabangsa patut terus menekan dan melaksanakan sekatan terhadap regim Pretoria sehingga proses pemerintahan majoriti wujud di Afrika Selatan.

KEMALANGAN PESAWAT UDARA TUDM

56. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kekerapan berlakunya nahas helikopter Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM);
- (b) jumlah kemalangan pesawat udara TUDM yang telah dialami sehingga kini dan berapakah jumlah anggota tentera yang terlibat; dan
- (c) apakah langkah-langkah dan tindakan segera yang diambil oleh Kementerian bagi membaiki moral, prestasi dan keselamatan-keselamatan pesawat-pesawat TUDM.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kemalangan ataupun nahas berlaku disebabkan kegagalan di segi faktor kemanusiaan dan kerosakan atau ketidak sesuaian keadaan sekeliling (environment). Pada amnya, sebab-sebab kekerapan (frequency) bagi sesuatu nahas tidak dapat diketahui atau diramalkan. Bagaimanapun mengikut rekod TUDM sebab-sebab kemalangan ialah faktor kemanusiaan sebanyak 40% dan faktor kegagalan pemeriksaan dan rawatan alat dan komponen ialah 60%.

Data sehingga 1989

- (1) Jumlah kemalangan - 257 kemalangan pesawat
- (2) Jumlah anggota - 119 nyawa tentera yang terlibat

JADUAL PENERBANGAN DAN PERKHIDMATAN

57. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah akhir-akhir ini ada sungutan mengenai jadual penerbangan dan perkhidmatan yang dikatakan tidak memuaskan dan apakah langkah yang sedang dan akan diambil.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Perkara atas sungutan mengenai jadual penerbangan, perkhidmatan yang dikatakan tidak memuaskan dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil telah diberi jawapan semasa menjawab soalan dari Y.B. Tuan Ahmad Omar pada 27 Februari, 1990. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan yang telah diberikan.

KAWASAN TEMBAKAN TENTERA DARAT DI KOTA BELUD

58. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pertahanan menyatakan

mengapakah kawasan sasaran (target area) di kawasan askar Kota Belud, Sabah tidak dipagar untuk menyekatnya daripada di masuki oleh sesiapa saja terutama sekali golongan kanak-kanak yang masih belum tahu apa dia kawasan larangan terutama tentang bahayanya yang mana selama ini hanya bertandakan papantanda saja—seperti apa yang telah terjadi pada 6 Januari 1990 di mana 2 orang kanak-kanak adik beradik bernama Suhaidie Alim berumur 14 tahun dan Sinson Alim 12 tahun berjalan-jalan melewati kawasan sasaran yang tidak berpagar itu (tidak berapa jauh daripada kampung halaman mereka) lalu ternampak 2 butir peluru hidup (tapi mereka tidak tahu sama sekali sama ada peluru itu hidup)—dan mengambilnya serta cuba membuka peluru itu (out of curiosity) lalu meletup dan mengakibatkan satu daripada kaki Suhaidie Alim terpaksa dipotong dan adiknya mendapat luka parah di bahagian perut.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kementerian Pertahanan memang tidak memagar kawasan berkenaan kerana langkah-langkah keselamatan mengikut peruntukan undang-undang terhadap penggunaan kawasan tersebut. Kos pemagarannya adalah tinggi kerana keluasan kawasan ini ialah 20,680 ekar. Kawasan-kawasan tembakan Tentera Darat di Semenanjung juga tidak berpagar.

Walaupun kawasan tersebut tidak berpagar namun langkah-langkah keselamatan telah diambil dengan berpandukan kepada Seksyen 12 Akta Manuver 1983 dengan memasang papan-papan tanda amaran di sekitar kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan tembakan Tentera Darat di Kota Belud telah diwartakan secara rasmi di bawah Akta Manuver Tentera 1983. Mengikut Seksyen 12 Akta tersebut sesiapa yang memasuki sesuatu kawasan tembakan

tanpa kebenaran adalah satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara mengikut peruntukan yang telah ditetapkan. Oleh itu, saya menyeru kepada orang ramai supaya mengelakkan diri dari memasuki mana-mana kawasan Manuver Tentera supaya kejadian yang berlaku di Kota Belud tidak berulang lagi.

BAHAN BACAAN/INFORMASI DIRAMPAS KERAJAAN

59. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah patutnya mencegah bahan-bahan bacaan dan bentuk-bentuk informasi lain memasuki Malaysia:

- (a) jumlah dan jenis bahan bacaan dan informasi dirampas oleh Kerajaan sejak 5 tahun yang lalu; dan
- (b) adakah bahan-bahan bacaan Malaysia dan berita awam tempatan ditahan oleh Kerajaan untuk diedarkan di negeri yang lain, jika ada, sebutkan jenis bilangan sehingga setakat ini, dan mengapa ianya perlu dirampas.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Jumlah bahan bacaan dan informasi yang dirampas oleh Kerajaan mengikut tajuknya sejak 5 tahun yang lalu adalah 27,191 tajuk. Penerbitan-penerbitan tersebut ditahan kerana ianya bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.
- (b) Kerajaan tidak pernah menahan bahan-bahan bacaan Malaysia dan berita awam tempatan untuk diedar di negeri lain.

TAHANAN KEDIAMAN TERHAD

60. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang tahanan terhad ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 (Revised 1989) dan pertuduhan untuk sekatan-sekatan yang telah dikenakan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah dimaklumkan bahawa setakat ini seramai 136 orang sedang disekat di bawah Enakmen Kediaman Terhad 1933 (Revised 1989) disebabkan melakukan kegiatan jenayah seperti perjudian haram, tipu, maksiat, curi, pengedaran samsu haram, penyeludupan dan meminjamkan wang secara haram.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh”. (6hb Mac, 1990).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Kementerian Kerjaraya menyambung.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, Ahli Yang Berhormat dari Simunjan ada menyentuh bahawa jalan-jalan yang sedia dipohon diturapkan termasuk jalan Serian—Simunjan, Serian—Gedung dan jalan-jalan kerja kampung-kampung pendalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya akan memberi pertimbangan dan akan meneliti jalan-jalan berkenaan yang boleh memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk pendalaman. Kementerian Kerjaraya sememangnya mengadakan peruntukan tertentu untuk jalan-jalan pembangunan khususnya jalan-jalan untuk menyambung kepada jalan-jalan besar utama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan bekalan air di negeri Sabah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, sukalah dimaklumkan bahawa projek bekalan air luar bandar negeri Sabah sebanyak 10 skim bernilai \$150 juta akan dilaksanakan termasuk satu skim di kawasan Kota Belud. Skim ini yang bernilai \$6.58 juta telah dimulakan pembinaannya pada 1 Oktober 1989 dan dijangka siap pada akhir September 1990. Kemajuan pelaksanaan projek ini adalah lebih kurang 50%. Apabila skim ini siap, ianya akan dapat membekalkan keperluan air bersih kepada 52,000 penduduk sehingga tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air di negeri Sarawak, terutama di kawasan luar bandar telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan \$166 juta bagi melaksanakan 19 skim bekalan air untuk seluruh negeri Sarawak di bawah Rancangan Bekalan Air Luar Bandar Antah Biwater. Berdasarkan kepada data tahun 1985, sejumlah 51% penduduk luar bandar mendapat kemudahan bekalan air atau sejumlah 594,529 penduduk. Dengan terlaksananya Skim Bekalan Air Antah Biwater, seramai 291,000 penduduk lagi akan menikmati kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang dapat saya jawab bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai Kementerian Kerjaraya. Sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya. Saya juga minta maaf jika tidak dapat menyentuh secara langsung perkara-perkara yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Kerjaraya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr. K. S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja, mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di antara perkara-perkara yang mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kesan pelaburan asing atas pelaburan tempatan, hubungan ekonomi ASEAN, masalah pendaftar syarikat dan fail-fail tertentu dan harga barang-barang buatan tempatan yang lebih mahal kalau dibandingkan dengan harga barang-barang yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyuarakan kebimbangannya tentang kesan pelaburan asing ke atas pelaburan tempatan. Sukalah saya meyakinkan Yang Berhormat bahawa kemasukan pelaburan asing yang diperlukan untuk pembangunan perindustrian negara tidak akan menjejaskan kepentingan pelaburan rakyat tempatan. Ini adalah kerana kebanyakan daripada projek-projek milikan asing adalah berorientasikan eksport dan oleh yang demikian soal persaingan di pasaran dalam negeri tidak timbul. Di pasaran antarabangsa pula, pelabur-pelabur tempatan tidak seharusnya merasa gentar, selagi keluaran mereka boleh bersaing dari segi kos dan mutu, eksport mereka pasti tidak menjadi masalah.

Atas cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan menempatkan kilang-kilang di pinggir desa bagi mengurangkan penghijrahan belia-belia, terutamanya bumiputera ke bandar-bandar, ingin saya jelaskan sekali lagi bahawa keputusan menempatkan sesuatu kilang itu adalah di tangan para pelabur itu sendiri, dan keputusan mereka itu sentiasa dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kehadiran infrastruktur yang mencukupi di sesuatu lokasi, bahan-bahan mentah dan tenaga mahir yang diperlukan. Walau bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa dengan konsentrasasi dan kesesakan yang terdapat di beberapa kawasan perindustrian yang popular seperti Lembah Kelang, umpamanya, pelabur telah mula menimbangkan lokasi-lokasi yang lain di merata

negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan terpaksa mengambil kesempatan ini untuk menarik penempatan projek-projek ini ke negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk memajukan aktiviti-aktiviti ekonomi ASEAN, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada kerjasama ekonomi ASEAN. Kerjasama ekonomi ASEAN ini meliputi kerjasama perdagangan dan juga kerjasama perindustrian yang bertujuan untuk memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial rantau ASEAN. Kerjasama perdagangan ASEAN adalah berlandaskan kepada Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement) yang diwujudkan bagi membantu, menggalak serta memajukan perdagangan antara ASEAN. Melalui Skim ASEAN-PTA ini, dengan layanan istimewa perdagangan melalui potongan tarif akan diberikan oleh negara-negara ahli ke atas jenis barangan yang dikeluarkan atau dibuat di ASEAN. Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN di Manila pada bulan Disember, 1987 (Third ASEAN Summit) telah memutuskan supaya ASEAN perlu meningkatkan lagi kerjasama perdagangan antara ASEAN atau Intra-ASEAN dan juga mencapai harmonisasi untuk barangan dalam senarai pengecualian (exclusion list). ASEAN perlu juga melaksanakan keputusan untuk mengurangkan sekatan-sekatan bukan tarif (standstill and rollback on non-tariff barriers). Kesemua usaha ini adalah ke arah meningkat dan memesatkan lagi perdagangan antara ASEAN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 1989, sebanyak 14,801 jenis barangan buatan ASEAN telah dimasukkan di dalam senarai ASEAN-PTA dan menikmati

keistimewaan tarif daripada minima 25% hingga maksima 50% potongan tarif. Usaha-usaha sentiasa diambil oleh negara-negara ahli bagi menambahkan lagi bilangan barangan di dalam ASEAN-PTA dengan mengurangkan (phasing) senarai pengecualian (exclusion list). Dengan cara ini barangan buatan ASEAN akan mempunyai daya bersaing di pasaran ASEAN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 1989, eksport Malaysia di bawah ASEAN-PTA telah meningkat sebanyak 33% mencapai jumlah \$243.21 juta berbanding dengan jumlah eksport sebanyak \$183.09 juta pada tahun 1988. Bagi projek ASEAN Industrial Joint-Ventures (AIJV), Kerajaan sedar bahawa daripada 15 projek yang diluluskan sebanyak 8 projek adalah ditempatkan di Malaysia. Hakikat ini membuktikan bahawa pelabur Malaysia serta lain-lain pelabur ASEAN dan bukan-ASEAN meyakini terhadap daya bersaing, kestabilan iklim pelaburan dan keupayaan tenaga kerja Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek AIJV adalah dilaksanakan oleh sektor swasta dan pencapaian AIJV setakat ini adalah memuaskan. Keluaran AIJV adalah menikmati layanan istimewa di bawah ASEAN-PTA dengan potongan tarif sebanyak 90%. Skim AIJV serta lain-lain sekim kerjasama perindustrian ASEAN yang sedia ada adalah untuk mewujudkan kerjasama perindustrian serantau yang lebih rapi. Seterusnya, dalam usaha meningkatkan penglibatan industri kecil dan sederhana dalam pembangunan perindustrian, satu skim bantuan kewangan dengan kerjasama negara Jepun iaitu ASEAN-Japan Development Fund (AJDF) telah diwujudkan. Adalah harapan ASEAN bantuan kewangan ini akan dapat memesatkan lagi pembangunan perindustrian serta kerjasama serantau.

Kerajaan negara-negara ASEAN sentiasa mengawasi perkembangan di Eropah Timur dan juga peralihan Eropah Barat kepada "Single European Market". ASEAN sentiasa menggalakkan pelabur-pelabur swasta supaya menempatkan pelaburan mereka di Eropah agar dapat mencapai daya bersaing serta mengambil peluang hasil daripada proses penubuhan "Single European Market". Walau bagaimanapun, proses integrasi dan konsolidasi Eropah akan memakan masa yang panjang. Dalam hubungan yang sama, ASEAN sentiasa mengembeling tenaga dan mengambil pendirian yang sama berhubung dengan isu-isu yang berkepentingan kepada ASEAN seperti peluang-peluang pasaran (market access and safeguards) serta menggalakkan lebih banyak lagi pengaliran pelaburan asing ke rantau ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu dalam ucapan beliau telah mendakwa bahawa pihak Pendaftar Syarikat telah menyorokkan beberapa fail tertentu mengenai syarikat-syarikat Fleet Group Sdn. Bhd., Hatibudi Sdn. Bhd. dan United Engineers (Malaysia) Bhd. Untuk maklumannya, fail-fail berkenaan boleh didapati untuk penyemakan oleh sesiapa sahaja. Kemungkinan semasa Ahli Yang Berhormat memohon untuk mendapat fail, fail-fail yang berkenaan sedang diperiksa oleh orang lain ataupun sedang digunakan untuk tindakan pengemaskinian. Pejabat Pendaftar Syarikat tidak pernah menyorokkan fail-fail tersebut seperti didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah menyentuh mengenai harga barang-barang buatan tempatan yang lebih mahal kalau dibandingkan dengan harga barang-barang yang sama yang di import, dan meminta Kerajaan mengawasi harga barang-barang

keluaran tempatan supaya lebih munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga sesuatu barangan di pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Kenaikan harga bahan-bahan mentah, kos pengangkutan, bahan-bahan pembungkus dan perubahan kadar pertukaran mata wang asing adalah juga merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi harga sesuatu barangan di pasaran.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan di pasaran. Bagi barang-barang lain sama ada barang-barang yang di import atau barang-barang buatan tempatan, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Walaupun demikian, Kerajaan telah mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengawasan yang berkesan untuk menentukan harga barangan ini dipasarkan sentiasa berada di satu tahap yang tidak membebankan pengguna.

Dalam perkara ini, saya harap Yang Berhormat dari Lembah Pantai dapat memberi contoh-contoh yang spesifik untuk membolehkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menjalankan siasatan lanjut supaya pengguna-pengguna tidak dieksploitasikan.

Sekian sahajalah kali ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Kementerian Pertanian.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan berkenaan beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan projek IADP Samarahan seperti projek infrastruktur di Tanjong Apung kawasan Beliang dan mengenai harga komoditi koko, kelapa dan pisang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek infrastruktur Tanjong Apung, IADP Samarahan, dimaklumkan bahawa di dalam pelaksanaan infrastruktur di kawasan tersebut, beberapa kawasan nipah telah dibersihkan untuk membina parit dan ban. Pampasan ke atas pokok-pokok nipah tidak dapat dibayar kerana mengikut Akta Kanun Tanah Sarawak di mana peruntukan undang-undang tidak mengizinkan bayaran pampasan ke atas pokok-pokok nipah. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan kawasan nipah yang terlibat untuk membina parit dan ban hanyalah seluas 81 hektar sahaja dan kawasan yang dapat ditebus guna dengan adanya parit dan ban yang dibina oleh projek ini adalah seluas 2,240 hektar di mana kawasan tersebut akan dapat disusahakan dengan berbagai jenis aktiviti pertanian. Di samping itu projek ini akan memberi faedah kepada 421 keluarga di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai infrastruktur kawasan Beliang pula, projek ini dimulakan pada 15hb September, 1989 untuk membina kawalan banjir dan mempertingkatkan sistem perparitan. Terdapat seramai 2,000 orang penduduk di kawasan ini yang akan menikmati faedah dari projek ini. Pecahan penduduk mengikut kaum ialah seperti berikut:

Kaum Melayu	- 68%
Kaum Iban	- 15%

Jadi jumlah pecahan bumiputera ialah 83%, kaum Cina hanya 17%.

Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bahawa projek infrastruktur Beliang ini hanyalah menguntungkan golongan bukan bumiputera sahaja adalah tidak tepat, kerana 83% dari penduduk-penduduk kawasan berkenaan adalah dari golongan bumiputera. Mereka itu akan menikmati faedah dari projek ini.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh mengenai harga komoditi koko, kelapa dan pisang.

Tuan Yang di-Pertua, harga-harga komoditi koko dan kelapa mengalami kejatuhan sejak akhir-akhir ini tetapi harga komoditi pisang adalah meningkat. Harga-harga koko dan kelapa adalah sejak kebelakangan ini dipengaruhi oleh pasaran antarabangsa. Turun naik harga komoditi tersebut adalah dipengaruhi oleh bekalan dari negara-negara pengeluar dan permintaan dari negara-negara pembeli. Keadaan ini tidak dapat dikawal oleh Kerajaan kerana Malaysia hanyalah merupakan salah satu daripada pengeksport koko dan kelapa kering di dunia. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani-petani koko dan kelapa berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan seperti berikut:-

- (1) Mempelbagaikan tanaman selain daripada koko dan kelapa.
- (2) Meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan mutunya di samping mengurangkan kos pengeluaran.
- (3) Memperbaiki amalan pasaran termasuk cara-cara pemprosesan, pembungkusan dan penggeredan hasil-hasil pertanian.
- (4) Program menggalakkan petani-petani dalam pemasaran secara langsung seperti melalui Pasar Tani.

- (5) Mewujudkan ruang-ruang pasaran tambahan serta alternative, dengan izin, bagi keluaran hasil-hasil pertanian dengan hasrat persaingan harga yang sihat dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut juga telah membangkitkan soal pelaksanaan Dasar Pertanian Negara yang pada pandangannya berjalan pada kadar yang lembab.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat bahawa pelaksanaan rancangan di bawah Kementerian Pertanian ini sangat lembab, Kementerian Pertanian sedang dan akan terus berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan segala projek yang dirancangan. Pihak Kementerian berpuas hati dengan pelaksanaan projek-projek yang dirancangan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat mengenai projek IADP, infrastruktur IADP itu menguntungkan yang bukan bumiputera, adakah Yang Berhormat sedar bahawa maksud saya ialah apabila kawasan Apung Nipah itu dimusnahkan, ia, dengan izin, denied orang di sana yang pernah bekerja itu untuk mendapat kerja dan akhirnya

menjadi kuli kepada taukeh-taukeh Tionghua yang disekelilingnya itu, kerana mereka mempunyai banyak kawasan ladang besar, jadi oleh kerana tidak ada kerja di kawasan Apung itu mereka pindah menjadi kuli di kawasan taukeh-taukeh yang bukan bumiputera, itu yang dimaksudkan. Adakah Yang Berhormat sedar?

Yang keduanya, dari segi kontraknya, kadang kala apabila infrastruktur itu dilaksanakan, kontrak ini selalunya bukan kepada bumiputera. Jadi kontraknya didapati oleh bukan bumiputera kerana mereka ini yang cergas untuk menjalankan kerja-kerja kontrak yang kecil seperti melaksanakan infrastruktur dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar akan maksud saya itu dan hakikat bahawa dari segi itu ianya menguntungkan yang bukan bumiputera. Bukan dari segi penduduk, memang saya tahu, penduduk di situ memang ramai bumiputera—85%. Tetapi dari segi, dengan izin, the side effect, keuntungan itu.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tadi itu pada pandangan saya, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan kerana dalam pembangunan negeri kita sememangnya kita akan menjalan dan melaksanakan rancangan kita. Dalam pelaksanaan rancangan kita sudah semestinya sebahagian penduduk-penduduk akan dipengaruhi ataupun diaffected oleh projek-projek tersebut. Tetapi kita hendaklah pandang projek ini dan keuntungan ini dari keseluruhan sama ada ianya memberi manfaat kepada rakyat keseluruhan ataupun tidak. Itu yang mustahak. Pada pandangan saya projek-projek infrastruktur IADP itu telah memberi keuntungan kepada penduduk-penduduk di kawasan seluas 2,240 hektar di mana kebanyakan penduduk-penduduknya adalah terdiri daripada kaum bumiputera.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan kontrak-kontrak pula kalau kita beri kontrak-kontrak kepada pemborong ataupun kontraktor yang tidak cergas atau tidak mahir dalam bidang ini, terlewat pula projek itu, Ahli-ahli Yang Berhormat akan bangkitkan perkara ini di Dewan ini juga. Projek ini telah tergendala ataupun projek itu telah lambat, oleh kerana itu rakyat telah tidak puashati ataupun suffer, dengan izin, oleh kelambatan pelaksanaan projek-projek yang tersebut. Itulah kesusahan Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek mereka.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jaminan daripada Yang Berhormat supaya dengan adanya projek ini dilancarkan masa depan rakyat itu akan menjadi lebih cerah dan supaya harga bahan-bahan utama yang dikeluarkan nanti macam pisang, kelapa, koko kerana dengan adanya projek ini pelaksanaan dan kecerahan masa depannya bukan bergantung kepada projek itu sahaja, tetapi bergantung kepada sama ada projek ini akan dapat menghasilkan bahan-bahan pertanian yang diusahakan oleh mereka itu seperti koko, kelapa, pisang, mungkin rumput untuk lembu dan sapi. Jadi, kalau harga bahan-bahan ini tidak baik nanti, saya rasa ini juga akan mengakibatkan kegagalan bagi projek itu. Jadi, kita mohon jaminan daripada Yang Berhormat supaya projek ini benar-benar menguntungkan rakyat di masa akan datang.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, projek IADP ini adalah bertujuan untuk meningkatkan perparitan di kawasan tersebut. Dengan meningkatkan taraf perparitan di kawasan tersebut sudah tentunya penduduk-penduduk di kawasan tersebut akan mendapat faedah dari

perparitan yang lebih bagus daripada masa dahulu. Oleh kerana meningkatkan taraf perparitan itu, sudah tentu pengeluaran hasil dari aktiviti petani akan meningkat. Tetapi saya tidak dapat memberi satu jaminan kerana harga pasaran hasil-hasil petani ini dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor yang tidak dapat dikawalkan kadang-kadang. Kadang-kadang ini terpulanglah kepada Tuhan yang menentukan sesuatu, jadi kita tidak boleh memberi satu jaminan yang tegas atau tepat pada masa sekarang. Tetapi apa usaha yang kita dapat buat ialah meningkatkan saliran dan perparitan bagi kawasan itu supaya keluaran hasil petani di kawasan-kawasan tersebut akan ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Saya minta maaf sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, pihak Kementerian akan mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan kritikan serta cadangan untuk kita memperbaiki dan memperkemas lagi segala aktiviti dan perjalanan Kementerian Pendidikan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Pagoh dan Kuala Langat berhubung dengan pandangan beliau terhadap taraf pencapaian pelajaran yang tinggi di negara ini yang dapat mengukuhkan imej negara di peringkat antarabangsa serta juga menjadi faktor yang mempengaruhi penerimaan dasar luar kita oleh masyarakat antarabangsa. Pengiktirafan antarabangsa di atas taraf pendidikan ini telah dibuktikan dengan perlantikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai Pengerusi UNESCO.

Mengenai isu kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Betong, Kementerian Pendidikan memang telah, sedang dan juga akan berusaha untuk menambah dan melengkapkan kemudahan-kemudahan asas di semua jenis sekolah di seluruh negara. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah 518 bilik darjah untuk sekolah rendah dan 1,145 bilik darjah untuk sekolah menengah telah dirancang untuk dibina di Sarawak. Sehingga akhir 1989 sejumlah 513 atau 99% bilik darjah untuk sekolah rendah telah siap dibina dan dijangkakan semua bilik darjah untuk sekolah rendah ini akan siap dibina menjelang akhir 1990 ini. Untuk sekolah menengah pula, sejumlah 675 bilik darjah telah disiap dibina hingga akhir tahun 1989. Jadi, menjelang berakhirnya Rancangan Malaysia Kelima ini dijangkakan sejumlah 747 atau 65% bilik darjah untuk sekolah menengah akan dapat disediakan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas terutama pembinaan bilik-bilik darjah bukan sahaja di Sarawak malah pun di seluruh negara, terutamanya kawasan-kawasan luar bandar.

Mengenai isu perlantikan Dekan-dekan bukan bumiputera di Universiti Malaya seperti yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat dari Marang, sebagaimana jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Naib Canselor mempunyai kuasa melantik Dekan, Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan atau Pengerusi Bahagian. Naib Canselor juga boleh, jika difikirkan perlu, membatalkan apa-apa perlantikan Dekan, Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan dan Pengerusi Bahagian pada bila-bila masa dalam tempoh perlantikan mereka ini. Ini adalah mengikut peruntukan seksyen 18 Perlembagaan Universiti Malaya. Selain daripada itu, perlantikan tersebut juga adalah dibuat atas pertimbangan Akademik, termasuk keupayaan mengajar dan membuat penyelidikan.

Sebenarnya Dekan-dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Kejuruteraan dan Perubatan tidak ditukarkan tetapi dilantik penggantinya kerana Dekan-dekan berkenaan sedang bercuti sabatikal. Berkenaan Fakulti Undang-undang pula, Dekan Fakulti Undang-undang pun telah meletak jawatan dan seorang profesor bukan bumiputera telah dilantik kerana seorang profesor bumiputera telah menolak tawaran perlantikan tersebut atas sebab-sebab kesihatan. Manakala dalam hal kenaikan pangkat Pensyarah, apa sebenarnya berlaku semasa pentadbiran Naib Canselor sekarang ialah mengikut keputusan Majlis pada 9hb Jun, 1989, 44 orang Pensyarah telah dinaikkan pangkat ke Profesor Madya, iaitu 24 orang bumiputera dan 20 bukan bumiputera.

Menyentuh tentang perlantikan Tutor Tetap pula, 16 Tutor Tetap yang telah dilantik sebagai Pensyarah itu kesemuanya bukan bumiputera oleh kerana semua tutor bumiputera yang menjawat jawatan tersebut telahpun dilantik sebagai Pensyarah sebelum ini.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Dr Leo Michael Toyad: Yang Berhormat dari Kuching telahpun membangkitkan soal kontrak bekalan ayam di sekoah-sekolah di Sarawak. Perkara ini . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah ke Professor Madya dan Professor penuh. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah cara-cara yang digunakan oleh Universiti Malaya untuk menaikkan pangkat kepada professor penuh? Adakah syarat publish or perish ataupun seperti public lecture dan lain-lain lagi, kerana daripada jawapan Naib Canselor Universiti Malaya, seolah-olah ada perbezaan di antara prosedur di antara universiti-universiti iaitu Universiti Malaya berlain, universiti lain berlain. Sebab itulah terkeluar satu perkataan professor "kangkong". Jadi, saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut mengenai dengan cara-cara kenaikan pangkat. Adakah ia berlainan dengan universiti-universiti lain di negara kita ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita mengikut perlembagaan-perlembagaan yang disediakan untuk universiti-universiti tertentu dan bahawa kita tidak mengadakan sistem-sistem yang berbeza di antara universiti oleh kerana kita mengadakan mesyuarat-mesyuarat di antara universiti dan Vice-Chancellor di seluruh negara ini menerusi Council dan Senate.

Untuk meneruskan jawapan saya tadi, Yang Berhormat dari Kuching telah menyoalkan perkara pembekal ayam di Sarawak dan perkara ini

telahpun diselesaikan oleh Kementerian Pendidikan dengan perundingan dan penyiasaan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor, saya ingin menjelaskan bahawa tidak semua SRJK(T) mendapat status bantuan penuh dan oleh yang demikian, kedudukan status sekolah sama ada sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan penuh atau bantuan modal memang diambilkira tatkala Kerajaan memutuskan untuk memberi peruntukan. Hal ini dihubungkan juga dengan kedudukan tapak sekolah sama ada milik Kerajaan, estet swasta ataupun orang perseorangan. Namun demikian, peruntukan bantuan modal bagi SRJK(T) memang ditambah dan dikeluarkan mengikut keupayaan Kementerian serta masalah yang dianggap paling mendasak yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam seperti juga dalam Rancangan Malaysia yang lalu, Kerajaan akan terus memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam menyediakan kemudahan di sekolah bukan sahaja di SRJK(T) tetapi kepada semua jenis sekolah terutama di luar bandar.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya mengenai kelemahan akademik pelajar-pelajar di luar bandar disebabkan kekurangan kemudahan, suka dinyatakan di sini bahawa Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menambahkan kemudahan kepada sekolah-sekolah, terutamanya di luar bandar. Pembinaan asrama desa akan diteruskan dan di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima peruntukan tambahan sebanyak \$2.7 juta telah diluluskan pada tahun 1990 untuk tujuan ini. Sebanyak 137 buah asrama dicadangkan untuk dibina di mana 37 buah asrama adalah untuk sekolah menengah. Di samping itu, usaha-usaha memperlengkapkan kemudahan asas

seperti bekalan air dan elektrik dan terus dilaksanakan dan diantara tahun 1986 dan 1989 sejumlah \$126.35 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini. Pembinaan bilik darjah secara gotong-royong juga telah dan akan terus dilaksanakan dalam tempoh 1986 dan 1989. Sejumlah \$56.1 juta telah dibelanjakan untuk membina 4,452 bilik darjah tambahan sekolah-sekolah di luar bandar. Selain daripada itu, melalui program Bank Dunia Kelapan, \$4.1 juta telah diperuntukkan untuk membeli buku bagi perpustakaan terutamanya untuk sekolah-sekolah di luar bandar. Langkah ini diambil dalam usaha untuk mempertingkatkan kelengkapan di sekolah. Untuk tahun 1990, Kementerian Pendidikan merancang untuk mengambil seramai 7,684 orang pelatih untuk mengikuti kursus asas perguruan di maktab-maktab perguruan sebagai usaha untuk menambahkan lagi bilangan guru terlatih.

Yang Berhormat yang sama juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji pengiktirafan kepada kelulusan akademik universiti. Sebenarnya, setiap pengiktirafan terhadap satu-satu kelulusan akademik di universiti-universiti adalah berdasarkan kajian yang mendalam di samping meneliti kesesuaiannya dengan kehendak dan keperluan negara. Pengiktirafan sijil univirsiti dilaksanakan oleh sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia sendiri dan dianggotai oleh wakil-wakil dari universiti tempatan dan juga dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerjaya, Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat dalam jangka sebanyak empat kali setahun. Siswazah-siswazah yang baru lulus dari universiti memerlukan latihan profesional sebelum mendapat pekerjaan tetap. Walau bagaimanapun,

memandangkan ekonomi negara yang mulai pulih sekarang, peluang pekerjaan di sektor swasta dan awam akan bertambah dan dijangkakan masalah pengangguran ini akan dapat kita kurangkan.

Mengenai kuota pengambilan pelajar di institut pengajian tinggi pula, sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem kuota kerana ia merupakan salah satu daripada strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita yang telah dipersetujui bersama oleh Kabinet dan sekali gus memaparkan penetapan peraturan kemasukan pelajar-pelajar ke institut pengajian tinggi mengikut kaum.

Yang Berhormat dari Ampang Jaya juga menyuarakan isu kejutan budaya yang diakibatkan oleh perbezaan hidup di bandar dan luar bandar. Beliau telah menyarankan supaya perkhidmatan kaunseling di sekolah-sekolah ditambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap sekolah menengah di negara ini mempunyai sekurang-kurangnya seorang bimbingan dan kaunseling yang terlatih. Di samping itu, Kementerian ini telah sehingga ini kita telah terdapat 3,013 orang guru kaunseling terlatih. Jadi, di samping itu juga Kementerian ini telah dan sedang menjalankan latihan-latihan dalam perkhidmatan bagi bidang kaunseling di beberapa buah universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan juga di Institut Perguruan Sultan Idris. Usaha ini diambil untuk meningkatkan kemahiran guru-guru dalam membimbing dan memberi nasihat kepada pelajar-pelajar kita. Walaupun pada masa ini perkhidmatan kaunseling adalah tertumpu di sekolah menengah sahaja, tetapi perkhidmatan ini akan kita perkuatkan di sekolah rendah di masa hadapan secara beransur-ansur. Selain daripada itu, ibu-bapa juga patutlah memainkan peranan penting dalam membimbing anak-anak mereka,

khasnya dalam menghadapi masalah kejutan budaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah dan sedang menjalankan berbagai usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan, tertuamanya di kawasan luar bandar. Keadaan serba kekurangan ini di luar bandar, terutamanya dari segi peluang pendidikan seperti yang telah ditimbulkan itu memang kita sedari. Kementerian sedang berusaha untuk menambah peluang bagi kanak-kanak kita di luar bandar melalui berbagai program seperti penempatan kanak-kanak luar bandar di sekolah-sekolah terkemuka di bandar utama di Malaysia. Untuk kita memperbanyakkan lagi asrama untuk pelajar-pelajar luar bandar, memperlengkapkan sekolah dengan berbagai kemudahan sokongan seperti pusat sumber sekolah dan daerah, membina bilik darjah tambahan dan memperlengkapkan sekolah dengan kemudahan asas yang diperlukan. Sekolah-sekolah luar bandar juga digalakkan mengadakan kelas-kelas tambahan dan bimbingan dengan penglibatan dan kerjasama Persatuan Ibubapa dan Guru untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan di sekolah tersebut.

Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyarankan supaya pendedahan murid-murid kepada alam keusahawanan haruslah dibuat di peringkat awal lagi untuk kita menarik minat murid-murid kepada perniagaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan matapelajaran kemahiran manipulatif ini di sekolah rendah yang mana percubaannya telah dibuat di 74 buah sekolah di seluruh negara adalah merupakan satu rancangan Kementerian khas untuk mendedahkan murid-murid kita kepada unsur teknologi dan industri.

Kemahiran hidup melibatkan pelajar-pelajar dalam aktiviti buat sendiri yang mudah berkait dengan

binaan, pemasangan, penyenggaraannya, baikpulih dan unsur-unsur pengurusan diri. Aspek pengiraan kos juga digabung-jalin dalam pembinaan projek itu.

Selain daripada itu, dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah rendah, sudut-sudut niaga diadakan untuk memberi peluang kepada murid-murid mempraktikkan selok-belok perniagaan itu.

Selain daripada itu, sekolah-sekolahpun telah mengadakan kegiatan-kegiatan untuk menggalakkan pelajar-pelajar mereka dalam bidang usahaniaga dan lain-lainnya, termasuk juga penubuhan koperasi-koperasi sekolah yang dikelolakan oleh murid-murid sendiri dengan nasihat dan bantuan guru yang dapat juga menarik murid-murid kita kepada alam keusahawanan ini.

Jadi, dalam melaksanakan usaha-usaha tersebut, guru-guru adalah merupakan golongan yang pertama yang akan diberi kursus orientasi dan pendedahan. Jadi, ini akan diikuti dengan rancangan jangka panjang untuk melatih guru-guru kita di maktab secara latihan sepenuh masa. Jadi, dengan itu juga guru-guru kita akan didedahkan kepada alam keusahawanan.

Yang Berhormat dari Kapit memohon agar Kementerian Pendidikan membinakan sebuah sekolah berasrama penuh di kawasannya. Sebenarnya, pada masa ini setiap negeri di Malaysia telahpun mempunyai dua buah sekolah berasrama penuh bagi menampung keperluan pelajar-pelajar dalam negeri berkenaan. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Sarawak juga telahpun mempunyai dua buah sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sains Miri dan Sekolah Menengah Sains di Kuching. Di samping itu, negeri Sarawak juga mempunyai 84 buah sekolah berasrama

iaitu 67% dari jumlah sekolah di Sarawak. Di daerah Kapit sendiri terdapat 6 buah sekolah dan semuanya ini mempunyai kemudahan asrama.

Jadi, mengenai isu penggunaan dewan sekolah di Kampar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, ingin saya jelaskan di sini bahawa permohonan untuk menggunakan SRJK (C) Chung Hwa Kampar itu telah ditolak mengikut Peraturan Sekolah (General Schools Regulations), 1951, Seksyen 54, manakala penggunaan dewan di Sekolah Menengah Pui Yen Kampar telah dibenarkan adalah dengan kebijaksanaan Lembaga Pentadbir Sekolah Pui Yen Kampar. Jadi, permohonan-permohonan ini adalah dibuat untuk penggunaan tetapi dibuat oleh seorang doktor persendirian dari Kampar bagi mengadakan majlis meraikan Pingat Persekutuan pada 4hb Mac, 1990. Beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan telah turut diundang untuk meraikan majlis tersebut. Di antaranya ialah Menteri Pengangkutan, Menteri Buruh, Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Kewangan.

Mengenai isu buku teks yang dibangkitkan oleh Ahli dari Sibu dan Bukit Mas . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan.

Tuan P. Patto: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau menyatakan bahawa permohonan yang diminta oleh DAP Kampar untuk menggunakan Dewan sekolah Chung Hwa ditolak tetapi dewan sekolah Cina Pui Yen di Kampar dibenarkan diguna oleh MCA kerana permohonannya itu dibuat oleh perseorangan atau individu dan

tambahan pula adalah diluluskan oleh Lembaga. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Pejabat Pendidikan Daerah Kinta, pegawai yang bertanggungjawab di situ ada memberitahu bahawa sudah ada satu arahan terbaru daripada Kementerian Pendidikan mengatakan bahawa dewan-dewan sekolah di seluruh negara tidak boleh digunakan oleh mana-mana parti politik. Kalau ini benar, apakah pihak MCA boleh menggunakan dewan sekolah Pui Yen, manakala DAP tidak boleh?

Soalan yang kedua, apakah benar di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di Kampar khususnya di mana tidak terdapat sebarang dewan yang bukan dewan sekolah untuk digunakan oleh mana-mana pihak, maka Kementerian Pendidikan membuat satu keputusan bahawa di mana tidak terdapat dewan-dewan yang lain selain daripada dewan sekolah-sekolah, maka dewan itu boleh digunakan bagi maksud-maksud tertentu oleh mana-mana pihak yang memohon. Tidakkah itu benar ataupun sekarang sudah ada arahan baru bahawa dewan sekolah-sekolah tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak, mahupun parti politik? Kalau itu benar, bagaimana dengan keadaan di luar bandar di mana kita seringkali membaca Menteri-menteri ataupun pemimpin-pemimpin UMNO Baru menggunakan dewan-dewan sekolah menengah di luar bandar bagi maksud berpolitik khususnya mesyuarat agung bahagian, cawangan UMNO Baru dan sebagainya?

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak sedar berkenaan dengan arahan yang telah ditimbulkan oleh beliau dan saya akan siasatnya dengan teliti.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Bukit Mas bertanya mengenai penetapan harga buku teks yang telah diluluskan untuk penggunaan sekolah . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Ipoh minta penjelasan lagi, hendak beri jalan?

Dr Leo Michael Toyad: Baiklah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, berkenaan dengan perkara itu, satu permohonan sudahpun dibuat oleh pihak DAP, cawangan Kampar, kepada Pengurusan Sekolah Pui Yen, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa dewan itu boleh kami menggunakan bagi maksud yang kami nyatakan dalam permohonan itu iaitu satu jamuan makan malam. Boleh?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan, bukan penjelasan atas apa yang saya jelaskan tadi. Oleh kerana saya di sini menjawabkan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan di sini saya ingin mengatakan kalau ada permohonan, kita boleh timbangkan.

Mengenai isu buku teks yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Bukit Mas, sebenarnya penetapan harga buku teks yang diluluskan untuk kegunaan sekolah dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa Penetapan Harga Buku Teks Kementerian Pendidikan. Penetapan harga buku-buku ini dibuat atas buku-buku teks baru dan bukan atas buku-buku teks yang sedang digunakan di sekolah yang mana harganya tetap sama seperti semasa terbitan pertama. Walau bagaimanapun, harga buku teks baru yang diterbitkan untuk KBSM ini, memang harganya mahal sedikit kerana kos pengeluaran, percetakan dan pengedaran adalah begitu tinggi berbanding dari tahun-tahun yang lepas.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah tetap memastikan semua pelajar dari keluarga yang

miskin atau berpendapatan sederhana diberikan buku teks bagi mengurangkan beban mereka. Buat masa ini 90% dari jumlah pelajar di sekolah telah menerima bantuan buku teks dan pengagihannya dibuat berdasarkan kepada kelayakan kedudukan dan latarbelakang pelajar-pelajar berkenaan.

Kementerian Pendidikan memang mengutamakan pemberian buku teks kepada pelajar-pelajar terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan hulu sungai di Sarawak seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas. Masalah yang Kementerian sedang hadapi sebenarnya ialah pengangkutan buku-buku teks ini ke kawasan pedalaman.

Menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan bahawa pemberian peruntukan pembangunan sekolah-sekolah adalah berdasarkan jenis sekolah, keadaan sekolah dan kedudukan peruntukan kewangan untuk pembangunan sekolah di seluruh negara.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, \$209.8 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Dari jumlah itu \$148.8 juta adalah untuk sekolah menengah dan \$61 juta adalah untuk sekolah rendah. Bagi tahun 1990 \$37.3 juta diperuntukkan untuk pembangunan sekolah menengah dan \$13.4 juta untuk pembangunan sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan yang saya dapat berikan untuk perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Titah Diraja yang menyentuhkan Kementerian Pendidikan. Perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh dan tidak dapat jelaskan dalam usaha saya tadi adalah dalam perhatian Kementerian

Pendidikan. Saya sudah dengan sekali lagi mengucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri.

4.30 ptg.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Betong yang telah melafazkan pujian dan sanjungan di atas kejayaan kita menganjurkan CHOGM tempoh hari. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini dahulu, kejayaan yang ditempah melalui CHOGM bukan hanya mengharum dan meningkatkan nama dan imej negara di luar negeri, ianya juga mencerminkan keupayaan dan kesanggupan kita sebagai sebuah negara untuk sama menggembelingkan tenaga di bawah pimpinan dan teraju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kejayaan ini merupakan kejayaan bersama rakyat seluruh negara dan ianya akan menjadi perangsang dan pendorong untuk Kerajaan menganjurkan dan menjadi tuan rumah kepada persidangan-persidangan antarabangsa yang akan datang iaitu selaras dengan hasrat Kerajaan untuk giat lebih aktif dan

bermakna di dalam arena antarabangsa amnya dan di dalam bidang diplomasi multi-lateral, dengan izin, khususnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia sekali lagi dipilih sebagai tuan rumah untuk mesyuarat antarabangsa yang besar, iaitu Sidang Kemuncak Kumpulan Limabelas yang akan diadakan pada bulan Jun ini. Sidang kemuncak ini akan dihadiri oleh Ketua-ketua Negara membangun iaitu Malaysia, Indonesia, India, Yugoslavia, Egypt, Senegal, Nigeria, Algeria, Zimbabwe, Mexico, Jamaica, Venezuela, Brazil, Argentina dan Peru dan bertujuan untuk mengenalpasti dan membincangkan isu-isu mengenai kerjasama antara negara-negara membangun, khususnya dalam bidang ekonomi. Ini merupakan satu kepercayaan dan penghormatan ke atas kewibawaan dan keupayaan Malaysia menganjurkan mesyuarat antarabangsa yang besar.

Di samping itu, Kementerian Luar Negeri juga menyambut baik dan mengambil maklum akan sokongan yang diberi ke atas gagasan ZOPFAN dalam rangka mewujudkan keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara sejajar dengan kepentingan politik dan keselamatan negara. ZOPFAN juga adalah satu elemen penting dalam konsep regionalism yang merupakan salah satu teras dasar luar negeri kita. Dalam pada itu, Kementerian Luar Negeri juga menyambut baik sokongan yang diberi ke atas penglibatan Kerajaan secara aktif di dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang juga merupakan teras penting dasar luar negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kaum Penan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri telah mengambil tindakan melalui saluran politik untuk meluahkan rasa tidak

puas hati Kerajaan di atas kenyataan yang dibuat oleh Putera Charles kepada Pejabat Luar British di London dan Suruhanjaya Tinggi mereka di Kuala Lumpur. Pemuda UMNO juga telah menghantar nota bantahan kepada pihak Suruhanjaya Tinggi British dan ianya juga telah menghantar wakilnya untuk membuat pertemuan dengan Setiausaha Peribadi Putera Charles di London. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk memberi maklumat kepada negara-negara luar tentang kedudukan sebenar isu ini.

Untuk tujuan ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah memberi satu deklamasi khas kepada ketua-ketua delegasi yang menghadiri mesyuarat ASEAN-EEC di Kuching baru-baru ini. Di samping itu, Kerajaan juga telah menggunakan media-massa mengenai keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri untuk memberitahu negara-negara luar, terutamanya agensi-agensi media-massa asing mengenai perkara ini. Kementerian Luar Negeri akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk memberi keterangan yang sebenar mengenai perkara ini dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Lusaka, Zambia yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, lawatan tersebut adalah jemputan Kerajaan Zambia. Ini merupakan penghormatan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Malaysia untuk bergabung dengan Encik Nelson Mandela seorang pejuang Apartheid di Afrika Selatan, sejajar dengan pendirian kita yang tidak bertolak ansur menentang dasar apartheid. Ia juga merupakan pengiktirafan oleh masyarakat antarabangsa terhadap dasar dan pendirian Malaysia menentang apartheid di forum-forum antarabangsa seperti Bangsa-Bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara

Berkecuali, CHOGM dan lain-lainnya. Dengan ini, maka adalah wajar bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hadir di perhimpunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN, ingin saya maklumkan bahawa pelbagai projek usahasama ekonomi telah dilaksanakan bersama-sama oleh negara-negara ASEAN. Di bidang perdagangan, lebih banyak barangan dagangan di antara negara-negara ASEAN telah dimasukkan di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa (Preferential Trading Arrangement) yang mendapat keutamaan potongan tarif, iaitu margin of preferentials yang lebih baik. Sehingga hari ini sebanyak 14,801 barangan telah dimasukkan dalam peraturan itu. Negara-negara ASEAN juga bekerjasama menghadapi pelbagai masalah perdagangan dengan negara-negara luar dan di peringkat antarabangsa. ASEAN di dalam hal ini bersetuju menghantar delegasi di peringkat Menteri ke Kesatuan Ekonomi Eropah sebagai usaha mengatasi kempen anti-kayu tropika yang berlaku di kalangan Kesatuan Eropah.

Mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, Skim Usahasama Perindustrian ASEAN atau, dengan izin, ASEAN Industrial Joint Ventures (AIJV) sentiasa mendapat perhatian berat oleh negara-negara ASEAN. Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN pada bulan Disember, 1987 telah membuat beberapa perubahan baru kepada skim ini untuk menjadikannya satu skim bersama yang lebih flexible, mudah dilaksana dan lebih menarik kepada pelabur, mahupun daripada negara-negara ASEAN atau daripada negara-negara luar. ASEAN juga membawa perkara ini kepada rakan dialognya agar pihak swasta daripada negara-negara dialog tersebut dapat menyertai skim berkenaan. Perkara ini telah dibawa ke perhatian Kesatuan Eropah,

juga dalam dialog di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dengan Menteri-Menteri Luar Kesatuan Eropah Yang Kelapan di Kuching baru-baru ini. Sehingga ini sebanyak 15 projek usahasama perindustrian ASEAN telah diluluskan. Empat daripadanya sedang dalam operasi di Malaysia, satu di Singapura dan satu di Thailand. Projek-projek yang lain masih dalam peringkat perancangan. Terdapat beberapa lagi projek AIJV yang masih dalam pertimbangan Jawatankuasa ASEAN. Oleh hal yang demikian, adalah tidak benar AIJV dilupakan. Ianya mendapat perhatian wajar daripada semua anggota ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan di atas, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian Luar Negeri semasa mengambil bahagian dalam Ucapan Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kewangan.

4.49 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan laporan di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat dari Pagoh meminta supaya peruntukan yang lebih diberi kepada Kementerian Pertahanan kerana keselamatan negara hendaklah dipingkatkan melebihi perkara-perkara lain. Sementara Yang Berhormat dari Jelevu pula mempertikaikan pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan

bernilai \$4.6 ribu juta dari Britain yang menurut beliau tidak menepati kehendak rakyat dan dianggap membazir.

Memandangkan Suruhanjaya Pilihanraya memerlukan peruntukan sebanyak \$70 juta bagi membeli pelbagai peralatan bagi mengemaskinikan daftar-daftar pemilih, beliau menyarankan pembelian alat kelengkapan pertahanan tersebut seperti dua buah pesawat Tornado ditangguhkan bagi membolehkan saving peruntukan ini diberikan kepada SPR.

Kerajaan sememangnya memberikan perhatian berat kepada sektor pertahanan memandangkan sumbangannya kepada keselamatan negara. Walau bagaimanapun, kepentingan sektor keselamatan perlu dilihat juga bersama-sama dengan kepentingan sektor-sektor lain seperti sektor ekonomi, infrastruktur dan sebagainya yang turut menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara. Di samping itu, keupayaan kewangan Kerajaan juga perlu diberi perhatian semasa menimbangkan peruntukan kepada sektor-sektor tersebut. Bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera, Kerajaan turut memberi perhatian kepada pembelian dan penggantian peralatan senjata dan seterusnya memberi latihan-latihan yang sewajarnya kepada anggota-anggota tentera kita.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelevu, saya amat dukacita dengan pandangan beliau bahawa pembelian kelengkapan pertahanan adalah membazir. Pertahanan negara adalah penting kerana tanpa peralatan pertahanan yang sofistikated dan berkesan, keselamatan negara akan terancam.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan masalah syarikat-syarikat insurans dan tindakan Bank

Negara untuk mengatasi atau memulihkannya. Yang Berhormat ingin tahu nama-nama syarikat insurans ini dan tempoh Bank Negara untuk memulihkannya kembali.

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu, ingin saya menjelaskan bahawa buat masa ini tiada syarikat-syarikat insurans yang diambil alih oleh Bank Negara. Apa yang sedang dilaksanakan oleh Bank Negara pada masa ini adalah untuk melaksanakan satu program yang komprehensif bagi membolehkan industri insurans di negara ini bergerak dengan lebih maju dan kukuh.

Bank Negara telahpun mengenal-pasti masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans dan sedang mengambil langkah tertentu untuk mengatasinya. Ini termasuklah masalah pengurusan yang lemah, masalah kawalan ke atas ejen-ejen, masalah tidak kecukupan modal dan masalah profesionalisme. Bank Negara juga sedang mengkaji semula Akta Insuran yang sedia ada bagi memastikan ianya selaras dengan perkembangan dalam industri insurans. Dengan program-program pembaikan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Bank Negara, Kementerian Kewangan yakin bahawa industri insurans di negara kita dapat beroperasi dengan lebih kukuh dan meyakinkan di masa hadapan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, sedikit sahaja.

Saya tertarik dengan jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan tidak mengambilalih satupun syarikat insurans di negara kita. Tetapi bagaimanakah dengan

Syarikat Supreme QBE? Bukankah Syarikat Insurans tersebut diambilalih oleh Kerajaan dan memandangkan bahawa sungguhpun ianya diambilalih oleh Bank Negara, tiada satu senpun dibayar oleh mereka yang membeli polisi daripada syarikat tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada pembeli polisi daripada syarikat insurans ini boleh mengharap bahawa mereka boleh mendapat bayaran yang sewajarnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jawapan yang panjang lebar dan sepenuhnya berkenaan dengan isu QBE ini pada mesyuarat yang lalu yang mana menjawab soalan Yang Berhormat juga dan saya berharap Yang Berhormat dapat merujuk semula kepada jawapan saya dalam soalan tersebut. Semuanya telah diterangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan Dasar Penswastaaan Kerajaan di mana beliau telah mencadangkan supaya diadakan perbincangan umum dan menyeluruh dan kebimbangannya dasar ini menimbulkan masalah yang tidak diinginkan seperti monopoli dan ketidakseimbangan perkhidmatan yang diperlukan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastaaan sesuatu projek atau perkhidmatan adalah untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik, cekap dan mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Penswastaaan sesuatu projek itu telah difikirkan dengan mendalam dan teliti sebelum dilaksanakan. Buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan perbincangan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tersebut kerana banyak perbincangan telahpun diadakan mengenainya.

Menyentuh tentang monopoli, Ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana syarikat-syarikat yang diswastakan adalah senantiasa di bawah perhatian rapi oleh Kerajaan. Dengan demikian, syarikat yang diswastakan tidak boleh bertindak tanpa mengambil kira kepentingan rakyat, negara dan Kerajaan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah membangkitkan skandal kewangan yang melibatkan bank, koperasi dan institusi kewangan yang menurutnya adalah disebabkan kekurangan disiplin kewangan dan pengurusan yang baik. Kerajaan memang mengambil berat di atas berlakunya penyelewengan di dalam badan-badan korporat dan yakin bahawa Akta Baru Bank dan Institusi Kewangan atau BAFIA yang telah diluluskan oleh Parlimen akan mengetatkan lagi peraturan dan perjalanan institusi-institusi kewangan di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu juga telah membangkitkan isu perlantikan Timbalan Menteri . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara penswastakan, iaitu saya ingin mendapat tahu sama ada pelan induk (master plan) mengenai penswastakan ini telahpun disediakan dan sama ada pelan itu telah dibincangkan oleh Jemaah Menteri atau Kabinet dan tentang kedudukan, iaitu bilangan syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan ataupun milik Kerajaan yang dicadangkan untuk diswastakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu angka yang berkenaan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menjawab soalan ini kerana urusetia penswastakan terletak di Jabatan Perdana Menteri, bukan di Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelevu telah membangkitkan isu perlantikan Timbalan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC). Di sini ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa CIC bukanlah sebuah institusi pelaburan dan kewangan seperti yang didakwa, tetapi merupakan satu Jawatankuasa Pengawasan atau, dengan izin, Watchdog Committee yang dilantik oleh Kerajaan di bawah seksyen 5 dan 6 Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 bagi memastikan pembangunan pasaran modal yang teratur melalui pengawalan terbitan syer-syer baru oleh syarikat-syarikat awam berhad dan penyena-raian syer-syer tersebut di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Selaku Jawatankuasa Pengawas, CIC tidak terbabit dalam sebarang aktiviti yang berbentuk perniagaan atau pelaburan sama ada secara langsung atau pun tidak.

Oleh yang demikian, dengan perlantikan beliau sebagai Pengerusi CIC, soal sama ada beliau dibenarkan aktif dalam perniagaan ataupun tidak, tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar membangkitkan isu tindak balas Bursa Saham Singapura atau BSS mengelolakan dagangan tidak rasmi melibatkan 133 kaunter Malaysia berikutan langkah Kerajaan Malaysia memisahkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) daripada BSS. Di sini saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengambil sebarang tindakan terhadap pihak berkenaan di Singapura berhubung dengan

penubuhan CLOB International. Walau bagaimanapun, langkah sedang dan akan diambil oleh BSKL bagi meningkatkan keupayaannya dan syarikat-syarikat broker saham tempatan supaya mereka dapat menampung jumlah dagangan yang kian bertambah dan mampu bersaing dengan Bursa Saham serta syarikat broker saham antarabangsa. Kerajaan percaya bahawa sekiranya syarikat-syarikat broker saham tempatan berupaya menyediakan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan setaraf dengan apa yang terdapat di negara-negara maju, BSKL akan menjadi lebih menarik.

Kenaikan jumlah dagangan yang mendadak di BSKL semenjak pemisahannya dengan BSS dan di sebalik kemunculan CLOB International menunjukkan bahawa ramai pelabur lebih berminat berurusan di dalam saham-saham syarikat Malaysia di Bursa Saham negara kita.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi BSKL, tetapi bolehkah usaha Kerajaan berjaya kalau masalah-masalah yang boleh dikatakan basic, tidak boleh diselesaikan, seperti share certificates yang tidak dapat dikeluarkan oleh pembeli-pembeli saham dan ini merupakan satu masalah yang besar. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini sedangkan pada dua bulan lalu Pengerusi BSKL telah menyatakan bahawa ini tidak merupakan satu masalah tetapi baru-baru ini telah menyatakan bahawa dia telah meminta supaya seorang perunding dilantik untuk mengkaji masalah ini. Saya hendak tahu bilakah masalah ini akan diselesaikan dan bilakah laporan

daripada perunding ini akan dibuat? Terima kasih.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika Kerajaan Barisan Nasional masih memerintah, kita akan dapat selesaikan masalah ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada teguran . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tidak payahlah, sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak jawab! Jawablah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya fikir saya tidak perlu memberi jawapan yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Share Certificates tidak dapat dikeluarkan, dan tidak ada jawapan. Ini great joke.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, dia tidak beri jalan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh yang demikian, kita tidak perlu merasa terlalu bimbang dengan kemunculan CLOB International.

Saya suka merujuk kepada teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Wakil dari Betong berhubung dengan kontrak dan bekalan makanan kepada sekolah-sekolah di Sarawak yang baru-baru ini dikuatkuasakan. Ingin saya menjelaskan bahawa harga \$6.69 sekilo ayam yang disebutkan itu adalah lebih

murah daripada harga kontrak yang telah ditandatangani sebelum daripada ini iaitu \$7.177 sekilo.

Saya ingin menjelaskan bahawa adalah tidak benar bahawa bekalan ayam-ayam akan dibawa daripada luar Sarawak. Ini adalah kerana syarikat yang diberikan kontrak ini mempunyai ladang ternakan ayamnya sendiri. Ini juga merupakan satu sebab kenapa Kerajaan bersetuju mengadakan kontrak bekalan dengan syarikat yang berkenaan. Selain daripada itu, Kerajaan juga bersetuju untuk mendapatkan bekalan ayam daripada penternak-penternak kecil. Ini merupakan satu usaha Kerajaan untuk melibatkan penternak-penternak ayam ini di dalam kontrak Kerajaan. Persoalan telah juga dibangkitkan . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bangun, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tadi sempat saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dalam kontrak yang dibuat, bekalan daging ayam itu adalah ditetapkan pada paras \$6.90 sekilo. Adakah harga ini setaraf dengan harga pasaran biasa ataupun melebihi harga pasaran biasa? Kalau melebihi, kenapa dia melebihi harga pasaran biasa oleh kerana di Semenanjung harga \$6.90 sekilo itu terlalu tinggi berbanding dengan harga pasaran biasa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Yang Berhormat itu kurang dengar sedikit. Harganya \$6.69 bukan \$6.90. Jadi, macam mana soalan itu?

Tuan P. Patto: Adakah harga itu harga pasaran biasa di Sarawak bagi sekilo?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, harga

itu adalah \$6.69 telah dibetulkan semula dan perundingan harga yang dijalankan mengambil kira semua faktor-faktor termasuk harga pasaran, bekalan dan juga keupayaan pembekal untuk membekalkan kepada kontrak ini dan suka saya jelaskan ianya dijalankan mengikut peraturan biasa Kerajaan dan tidak melibatkan apa-apa penyelewengan. Saya ingin menjelaskan bahawa adalah tidak benar bahawa bekalan ayam-ayam akan dibawa dari luar Sarawak. Ini adalah kerana syarikat yang diberikan kontrak ini mempunyai ladang ternakan ayamnya sendiri. Ini juga merupakan—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ulang tadi kerana diganggu.

Selain daripada itu, Kerajaan juga bersetuju untuk mendapat bekalan ayam daripada penternak-penternak kecil. Ini merupakan satu usaha Kerajaan untuk melibatkan penternak-penternak ayam ini di dalam kontrak Kerajaan.

Persoalan juga telah dibangkitkan tentang kewibawaan dan integrity pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam kontrak-kontrak Kerajaan di Sarawak. Di sini ingin saya menegaskan bahawa pegawai-pegawai ini telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan baik. Tidak ada penyelewengan atau sikap pilih kasih yang telah dilakukan oleh mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ini disyaki membuat kesalahan yang serius, pihak saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan isu mengenai kelulusan lesen arak di Hulu Langat. Berhubung dengan kelulusan ini, kuasa untuk meluluskan permohonan telah diwakilkan kepada Menteri-menteri Besar di bawah Seksyen 31, Akta Eksais 1976 di mana Menteri Besar telah melantik Pegawai Daerah selaku

Pengerusi kepada Lembaga-lembaga Pelesen tersebut. Di dalam mempertimbangkan pemberian lesen arak ini, Lembaga-lembaga Pelesen perlulah mematuhi peraturan-peraturan Eksais Lembaga Pelesen 1977 seperti berikut:

- (a) Seksyen 31—Kekerapan Mesyuarat:

Tiap-tiap Lembaga Pelesen hendaklah mengadakan mesyuarat empat kali setahun bagi menimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen bagi suku tahun yang berikutnya.

- (b) Seksyen 91 dan 92,—Kuorum dan Undi:

Tiga orang Ahli Lembaga, seorang daripadanya Pengerusi, atau jika ia tidak dapat hadir, Naib Pengerusi hendaklah menjadi kuorum dalam semua mesyuarat Lembaga.

Berhubung dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perlesenan Hulu Langat untuk menolak permohonan-permohonan berkenaan adalah didapati bahawa ketika keputusan berkenaan dibuat keahlian Lembaga berkenaan tidak mencukupi. Oleh itu, keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perlesenan yang berkenaan adalah tidak sah dari segi peruntukan yang telah ditetapkan.

Mengikut Seksyen 35(7) Akta Eksais 1976, pemohon yang tidak berpuashati terhadap keputusan Lembaga Pelesen boleh, dalam masa 30 hari selepas diberitahu keputusan, membuat rayuan kepada Menteri Kewangan dan keputusan Menteri adalah muktamad. 50 permohonan yang diluluskan baru-baru ini adalah merupakan pelesen-pelesen yang memohon untuk membarui lesen setiap tahun. Setelah disemak semula permohonan tersebut dan memandangkan keputusan yang dibuat adalah tidak sah, Kementerian Kewangan telah mempertimbangkan semula

permohonan-permohonan berkenaan oleh kerana pemohon-pemohon telah membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan. Dalam mempertimbangkan permohonan tersebut, rujukan telah dibuat kepada Jabatan-jabatan Kastam dan juga pihak Polis dan kedua-dua jabatan berkenaan tidak mempunyai halangan agar lesen-lesen yang berkenaan diluluskan. Oleh itu, Kementerian Kewangan meluluskan rayuan permohonan berdasarkan Seksyen 35(7) Akta Eksais, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah perkara-perkara yang dapat saya jawab yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kewangan. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, ingin saya jelaskan bahawa perkara-perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Belia dan Sukan.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai Kementerian Belia dan Sukan.

Menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat dari Pagoh supaya pihak Kerajaan dan sektor swasta memberi sumbangan berbentuk material kepada keluarga Dato' Haji Sidek, sukalah saya menerangkan bahawa kelima-lima anak lelaki Dato' Haji Sidek memang telah diliputi di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan yang dikelola oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara. Skim yang mula dilaksanakan pada bulan Januari, 1983 itu bertujuan untuk membantu atlit-atlit menjalani latihan

ke arah mencapai prestasi cemerlang dalam sukan antarabangsa melalui bantuan kewangan bagi memenuhi perbelanjaan latihan alat-alat sukan, tambang dan sebagainya. Atlit-atlit yang dipilih diberi elaun mengikut kategori seperti berikut:

Peringkat dunia dan Asia - \$250 sebulan selama dua tahun; dan

Peringkat Asia Tenggara dan Serantau - \$200 sebulan selama setahun.

Kumpulan yang berpotensi - \$150 sebulan selama satu tahun.

Buat masa ini Haji Misbun, Razif, Jalani dan Rashid menerima elaun \$250 sebulan, sementara Abdul Rahman menerima \$150 sebulan melalui Skim Perangsang Ahli Sukan. Selain daripada itu, atlit-atlit yang berjaya merangkul pingat di pertandingan antarabangsa juga menikmati Skim Hadiah Kemenangan Sukan.

Mengenai kemudahan sukan di peringkat negeri dan daerah yang disentuh oleh Yang Berhormat, ingin saya memberikan penjelasan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi keutamaan serta merancang pembangunan kemudahan sukan di seluruh negara. Rancangan Pembangunan Kemudahan ini telah bermula sejak Rancangan Malaysia Ketiga lagi di bawah Program Pembangunan Kemudahan Sukan di Bandar-bandar Kecil. Di bawah Program ini pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri akan mengemukakan permohonan projek beserta dengan keterangan dan anggaran kos kepada Kementerian Belia dan Sukan setelah tapak projek ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Tempatan. Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama agensi-agensinya pusat akan menimbangkan bantuan bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan. Di bawah program ini kemudahan-kemudahan sukan dan riadah yang telah disediakan

di seluruh negara termasuklah padang bolasepak, gelanggang tenis, sepak takraw, bola keranjang, bola tampar, gelanggang serbaguna, mini kompleks sukan, gymnasium rakyat dan sebagainya.

Yang Berhormat dari Pagoh juga telah menyentuh tentang peningkatan mutu sukan negara yang begitu ketara sekali dan meminta supaya ditentukan dengan jelas perancangan sukan negara untuk lima tahun akan datang. Peningkatan mutu sukan kebelakangan ini adalah hasil dari perancangan yang rapi serta pelaksanaan Program Jangka Pendek dan Jangka Panjang yang digubal oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Rancangan-rancangan Jangka Panjang dan Jangka Pendek Kerajaan untuk meningkatkan mutu dan pencapaian ahli-ahli sukan ialah mengadakan Program Latihan Persediaan ke arah Sukan Sea ke 16 di Manila, program latihan dua tahun ini dilancarkan pada bulan Januari, 1990 Program ini meliputi persediaan atlit-atlit dari aspek latihan iaitu latihan pusat, pusat cemerlang, latihan luar negeri dan sebagainya, pendedahan pertandingan tempatan dan pertandingan luar negeri, mengadakan jurulatih-jurulatih asing dan sebagainya serta peralatan dan kemudahan sukan.

Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Gemilang 1990 pada 2hb Disember, 1986. Tujuan projek ini ialah supaya atlit-atlit yang dipilih untuk menyertai temasya sukan Asia 1990 di Beijing mendapat bimbingan dan latihan persediaan yang mencukupi dan rapi, dan membantu Persatuan Sukan Kebangsaan untuk mengadakan seorang Setiausaha Eksekutif sepenuh masa yang akan menguruskan hal-hal pentadbiran, menganjurkan kursus-kursus pengurusan sukan untuk pentadbir-pentadbir persatuan, membantu athlit menjalani latihan dan menyertai pertandingan, menubuh

Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan yang bertanggungjawab, menyediakan kurikulum dan melatih jurulatih-jurulatih, menghantar jurulatih-jurulatih yang berkelayakan menjalani kursus-kursus di luar negeri untuk mempertingkatkan mutu kejurulatihan masing-masing. Dan akhirnya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menganjurkan Program Bakat Sekolah yang bertujuan untuk melatih murid-murid yang menunjukkan potensi dalam sukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Betong telah membangkitkan peristiwa pengunduran diri Pasukan Bolasepak Sarawak dari Persatuan Bolasepak Malaysia. Kerajaan kita memang memberi keutamaan dan perhatian yang penuh ke arah integrasi nasional. Sungguhpun demikian ada kalanya kita sebagai insan biasa tidak dapat mengawal perasaan dan jika ini melibatkan banyak pihak, maka tidak dapat tidak akan timbul perasaan tidak puas hati. Tuan Yang di-Pertua, 'Bagai gigi dengan lidah kadangkala pun tergigit juga'. Syukur bahawa sedikit salah faham yang telah berlaku di dalam bidang sukan bolasepak tempoh hari dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

Saya mengambil kesempatan pada hari ini bagi pihak Yang Berhormat Dato Menteri Belia dan Sukan, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertolakansur sehinggakan masalah ini dapat diselesaikan. Dan saya juga merakamkan junjung kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang selaku Pengerusi Jawatankuasa Semi Pro Bolasepak yang telah berangkat mengunjungi Sarawak membantu untuk menyelesaikan perkara tersebut. Segenap lapisan masyarakat Malaysia berasa bangga di atas kejayaan yang telah dicapai dan berdoa semoga

peristiwa itu tidak akan berulang lagi, dan bagi pihak Yang Berhormat Dato Menteri, saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah juga sudi menjadi host dalam Sukan Malaysia pada tahun ini. Ini membuktikan bahawa kita dapat memberikan kerjasama dan menyumbangkan ke arah peningkatan prestasi sukan dalam negara kita dan dapat berintraksi di antara satu sama lain dalam satu keluarga yang besar.

Dan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang, suka saya jelaskan bahawa Program Kemudahan Sukan Bandar-bandar Kecil adalah di bawah perancangan dan kelolaan Pihak-berkuasa Daerah, Majlis Daerah negeri berkenaan. Kementerian Belia dan Sukan akan menimbangkan semua permohonan yang dikemukakan oleh Pihak berkuasa Daerah atau Negeri termasuk bagi kawasan-kawasan Rancangan Kemajuan Tanah seperti FELDA.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini, FELDA sebagai sebuah agensi pembangunan adalah bertanggungjawab menyediakan perancangan dan kemudahan bagi projek pembangunan sosial seperti pendidikan dan kemudahan sukan kepada masyarakat FELDA.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai Kementerian Belia dan Sukan dan saya yakin teguran-teguran ini akan dapat membantu Kementerian ini mempertingkatkan lagi perannya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin memberi sedikit penjelasan dan penerangan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang tempoh perbincangan Titah Diraja yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saudara Yang Berhormat Ahli dari Maran membangkitkan tiga perkara. Pertama, beliau membangkitkan soal Pengerusi, Lembaga Tender di Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dan beliau mencadangkan supaya Pengerusi, Lembaga Kemajuan Wilayah menjadi Pengerusi, Lembaga Tender dan wakil Kementerian tidak patut menjadi Pengerusi, Lembaga Tender.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di Dewan ini bahawa keputusan mengekalkan Ketua Setiausaha Kementerian sebagai Pengerusi Lembaga Tender pada masa ini adalah untuk mengesan prestasi kewangan di agensi-agensi di bawah Kementerian dengan lebih berkesan dan ianya sesuai dengan tanggungjawab beliau sebagai Pegawai Pengawal kepada peruntukan di semua agensi di bawah Kementerian ini . . .

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Maran bangun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, sila.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Terima kasih. Penjelasan. Selama ini sebenarnya Pengerusi, Lembaga Kemajuan Wilayah adalah

menjadi Pengerusi, Lembaga Tender. Saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian, apakah Pengerusi-pengerusi dahulu telah menjalankan penyelewengan, ataupun menyebabkan satu incredibility, iaitu LKW ini tidak maju? Setakat saya tahu, apa yang diserahkan sekarang, apa yang dibuat oleh pihak Kementerian lagi lambat daripada yang dibuat oleh Pengerusi yang dahulu. Minta penjelasan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab tadi mengatakan—biar saya habiskan ayat yang belum habis lagi, lepas itu saya akan jawab soalan beliau.

Yang saya hendak maksudkan ialah ianya sesuai dengan tanggungjawab beliau sebagai Pegawai Pengawal kepada peruntukan di semua agensi di bawah Kementerian ini. Jadi, dua soalan yang ditimbulkan oleh Saudara Yang Berhormat dari Maran, iaitu mengapa dibezakan dahulu dengan sekarang. Adakah yang dahulu menyeleweng dan sekarang tidak menyeleweng maksudnya dan yang keduanya, adakah LKW sekarang dengan kegiatan tendernya lebih maju dan lebih baik daripada yang dahulu.

Jadi yang hendak saya tekankan ialah tiap-tiap sesuatu yang kita maksudkan sebagai menempa kemajuan hendaklah berubah, jadi apabila di buat keputusan untuk membuat perubahan di dalam penukaran Pengerusi, Lembaga Tender itu, kita hendak tahu sama ada perubahan baru itu akan membawa kemajuan berbanding dengan masa yang lepas. Bagaimanapun, untuk masa yang akan datang, keputusan yang ada sekarang ini tidak semestinya dikekalkan kerana benda yang berubah itu harus juga diperlukan kerana ianya harus sesuai dengan perubahan keadaan dan juga masa, tetapi pada masa ini kerana perubahan itu baru, kita terpaksa kesakan dahulu sebelum kita membuat perubahan pada masa akan datang.

Jadi, Saudara Yang Berhormat menyatakan sama ada cara baru ini lebih baik daripada yang dahulu—sama ada lebih cepat daripada dahulu. Soal cepat itu adalah satu faktor, tetapi soal yang satu lagi yang saya sebutkan tadi ialah pengesanan yang dilakukan oleh Ketua Setiausaha sebagai Pengerusi, Lembaga Tender sesuai dengan tugas beliau sebagai Pegawai Pengawal kepada peruntukan di semua agensi di bawah Kementerian ini.

Jadi, kalau boleh saya sambung lagi soalan tadi, iaitu saya hendak katakan bahawa bagaimanapun, Kementerian adalah peka terhadap perkembangan-perkembangan dan keputusan hari ini mungkin berubah pada masa akan datang. Kemajuan hanya ada bila ada perubahan mengikut keperluan-keperluan pada masa dan keadaan.

Yang kedua, Saudara Yang Berhormat dari Maran juga telah membangkitkan soal kemudahan kepada pekerja-pekerja ladang FELDA dalam sistem baru. Yang Berhormat berkenaan mencadangkan supaya pekerja-pekerja ladang FELDA dalam sistem baru diberi milik tapak rumah yang diduduki.

Saya berpindah kepada soalan ketiga yang beliau timbulkan iaitu beliau bertanya mengenai status borang lama yang telah digunakan untuk memohon menjadi peneroka FELDA, iaitu sama ada permohonan hendak dibuat sekali lagi dan sama ada mereka itu akan dipertimbangkan untuk menjadi peneroka FELDA walaupun mereka telah menggunakan borang lama.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah sistem pengurusan rancangan FELDA yang baru, syarikat yang ditubuhkan oleh FELDA akan menyediakan tempat kediaman kepada pekerja, tetapi tidak diberi hakmilik. Bagaimanapun, jika dikehendaki oleh pekerja, syarikat akan membina rumah kos rendah untuk dijual kepada mereka sebagaimana

yang dibuat oleh beberapa syarikat perladangan sekarang ini di negara ini.

Ingin saya maklumkan di Dewan ini bahawa mulai 1 Januari 1990, di bawah sistem pengurusan rancangan FELDA yang baru, FELDA tidak akan mengambil peneroka lagi, tetapi sebaliknya mengambil pekerja pula. Pemohon dalam senarai menunggu untuk menjadi peneroka dahulu melalui borang lama dibatalkan dan mereka perlu memohon kembali dengan menggunakan borang baru kerana terdapat pengubahsuaian terhadap syarat-syarat penempatan dan peraturan bekerja.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sila, sila.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik ke soalan asal. Adakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengambil balik semua Pengerusi-pengerusi LKW?

Yang kedua, saya difahamkan semua LKW kebanyakan Pengerusi Tendernya adalah diambil balik oleh KSU, tetapi mengapa ada di antara agensi yang lain di bawah Kementerian yang berkenaan, misalnya FELDA, Pengerusi Tendernya tidak diambil oleh KSU ataupun Kementerian? Minta penjelasan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi tidak berapa terang—adakah Pengerusi-pengerusi akan diambil balik oleh Menteri—apa maksudnya, boleh terangkan?

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Menteri itu yang menjadi Pengerusi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Oh, Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu 'twist of the tale', dengan izin. Yang ada sekarang ini memanglah setengah-setengah Lembaga Kemajuan seperti KEJORA, KETENGAH dan juga ada beberapa agensi lagi Pengerusinya terdiri daripada Menteri-menteri Besar, tetapi buat masa ini Pengerusi-pengerusi itu belum lagi dicadangkan untuk diambilalih oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Buat masa ini belum ada apa-apa.

Soalan kedua, beliau membandingkan kenapa pula Pengerusi Lembaga Tender tidak diambilalih oleh KSU seperti di FELDA, umpamanya. Ini saya rasa merupakan suatu keputusan yang dikenakan terhadap Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah pada waktu ini. FELDA tidak dianggap sebagai agensi pembangunan Wilayah, tetapi bagaimanapun, kalau begitu ideanya tentu sekali Kementerian ini akan timbangkan, kalau hendak diselaraskan sebegitu gaya. Jadi, itu sahaja penjelasan saya.

Yang Berhormat Ahli dari Hulu Selangor telah mencadangkan mengenai pembekalan infrastruktur ataupun prasarana di kawasan-kawasan luar bandar, khasnya berhampiran estet-estet, supaya dimajukan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta juga Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat tersebut. Sukalah saya jelaskan di dalam Dewan ini bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa sahaja memberi perhatian dan pertimbangan di dalam keputusannya membangunkan infrastruktur di kawasan luar bandar. Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah mengenalpasti dan merancang keperluan-keperluan infrastruktur dalam kawasan masing-masing dan ini

pula banyaknya termasuk juga estet-estet yang berhampiran.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Kluang telah menimbulkan perkara-perkara iaitu:

- (i) kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik dan jalanraya bertar;
- (ii) beliau menimbulkan masalah pengangguran anak-anak peneroka;
- (iii) kekurangan kemudahan hiburan yang menyebabkan golongan belia berhijrah ke bandar-bandar;
- (iv) beliau mencadangkan Kerajaan memberi insentif cukai kepada mereka yang sanggup dan bersedia menubuhkan industri dalam Skim FELDA; dan
- (v) beliau menimbulkan masalah penyalahgunaan dadah di kalangan peneroka dan anak-anak peneroka dalam Rancangan ataupun Skim FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan bahawa sehingga Februari, 1990 sebanyak 290 buah rancangan FELDA atau 90.3% dari jumlah rancangan yang diterokai telah disediakan dengan bekalan air paip, sementara 191 buah rancangan atau 59% telah menikmati bekalan elektrik. Kerajaan telah juga menurap tar kepada jalan-jalan masuk ke 293 buah rancangan dan jalan-jalan kampung di 146 buah rancangan. Bagi projek-projek yang dalam pembinaan dan perancangan, bekalan air di 31 buah rancangan masih lagi di dalam pembinaan, sementara bekalan elektrik di 36 buah rancangan masih di dalam peringkat pembinaan, 42 dalam penyiasatan dan 52 dalam perancangan. Bagi projek menurap tar, jalan-jalan masuk ke 11 buah rancangan masih dalam pembinaan, sementara 47 lagi dalam perancangan. Selain dari itu jalan kampung

di 175 buah rancangan sedang giat dibina dan 28 buah rancangan dalam penyiasaan.

Dalam usaha mengatasi masalah pengangguran di kalangan anak-anak peneroka FELDA, pihak FELDA telah menjalankan kursus-kursus kemahiran dan kursus-kursus pembangunan keluarga untuk anak-anak peneroka. Pada tahun 1989 FELDA berjaya melatih 1,104 orang anak-anak peneroka dalam berbagai-bagai bidang. Selain dari itu, FELDA juga memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan serta menyediakan ruang-ruang perniagaan. FELDA juga menyediakan ruang-ruang perniagaan dan memberi khidmat nasihat di dalam pengurusan perniagaan.

Sebagai usaha menyekat penghijrahan belia FELDA ke bandar-bandar, FELDA menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan menggalakkan penglibatan belia-belia dalam Persatuan-persatuan Belia di peringkat rancangan. Selain dari itu, FELDA akan terus mengkaji cara-cara untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia di Rancangan-rancangan FELDA.

Mengenai cadangan pemberian insentif kepada mereka yang sanggup menubuhkan industri di dalam Skim FELDA, setakat ini pihak Kerajaan belum ada cadangan untuk pemberian insentif seperti itu. Bagaimanapun, perkara ini akan diberi perhatian sekiranya ia menguntungkan peneroka-peneroka dan keluarga peneroka di Rancangan FELDA.

Berkenaan dengan dadah, perkara ini memang telah lama diberi perhatian yang serius oleh FELDA. Pada suku tahun keempat 1989, 482 orang peneroka dan tanggungan peneroka telah disahkan terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mereka yang terlibat ini sekarang ini berada dalam

perhatian polis atau, dengan izin, police observation. Untuk usaha-usaha pencegahan kursus-kursus dan ceramah-ceramah sentiasa diadakan di peringkat rancangan dan wilayah oleh FELDA dengan kerjasama lain-lain Kementerian serta Jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan dan penerangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara di sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja yang menyentuh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.

5.24 ptg.

Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa teguran yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini sepanjang perbahasan yang diadakan ke atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyentuh tentang keperluan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutama di kawasan-kawasan terpencil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Kerajaan telah memberikan banyak tumpuan kepada usaha memperbaiki sistem perkhidmatan kesihatan. Dalam hubungan ini banyak tambahan telah dibuat kepada infrastruktur kemudahan-kemudahan

kesihatan di negara ini dan menjadikannya salah satu yang terbaik dan termaju di rantau ini. Kini terdapat 70 Pejabat Kesihatan, 475 Pusat Kesihatan, 1,932 buah Klinik Desa/Klinik Bidan serta 57 Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di seluruh negara. Kemudahan-kemudahan kesihatan ini memberikan perkhidmatan kepada 93% penduduk. Bagi 7% penduduk yang terpencil, perkhidmatan diberikan oleh Pasukan Kesihatan Bergerak dan Klinik-klinik Bergerak. Dengan adanya perkhidmatan kesihatan yang baik ini, taraf kesihatan rakyat Malaysia semakin meningkat. Ini dapat dilihat dari penurunan kadar kematian bayi iaitu 76 kematian bagi setiap seribu kelahiran pada tahun 1957 kepada 14.36 pada tahun 1987. Kadar kematian ibu pula turun dari 3.2 kematian bagi setiap seribu kelahiran pada tahun 1957 kepada 0.28 pada tahun 1987.

Kementerian Kesihatan akan terus memberikan keutamaan kepada perkhidmatan kesihatan luar bandar. Kemudahan-kemudahan yang baru akan terus dibina, sementara kemudahan-kemudahan yang sedia ada akan dinaikkan tarafnya supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, terdapat seorang pegawai perubatan di setiap Pusat Kesihatan Besar dan di beberapa Pusat Kesihatan Kecil di samping seorang Pembantu Perubatan yang bertugas memeriksa dan merawat pesakit-pesakit. Bagi kes-kes atau pesakit yang memerlukan rawatan lanjut atau rawatan kepakaran, mereka akan dirujuk ke hospital-hospital yang berdekatan di mana terdapat pakar-pakar berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan membangkitkan tentang pelaksanaan Hospital Daerah Simunjan serta bandar-bandar kecil dan kampung-

kampung kecil yang lain di sekitarnya yang memerlukan pusat-pusat perubatan yang lebih baik. Pembinaan Hospital Daerah Simunjan dijadualkan mula pembinaan pada bulan Jun, 1990 dan dijangka siap pada bulan Jun, 1992. Dengan pembinaan Hospital tersebut, penduduk-penduduk di kawasan berhampiran akan mendapat perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rajang meminta supaya ubat ercesuryl didaftarkan untuk kepentingan kanak-kanak yang mengalami penyakit cirit-birit. Berhubung dengan pendaftaran ubat ini, permohonan telah dipertimbangkan oleh pihak berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan dan telah ditolak atas sebab-sebab kekurangan maklumat berhubung dengan kekesan dan keselamatan ubat yang berkenaan. Pemohon dinasihatkan berhubung dengan pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan untuk memberikan maklumat-maklumat lanjut yang diperlukan supaya dapat dipertimbangkan semula. Walau bagaimanapun, ada ubat-ubat di pasaran yang boleh digunakan untuk keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Larut telah menyentuh tentang peristiwa di Hospital Langkawi yang mana bilik bedah tidak dapat digunakan bila diperlukan dan meminta supaya keberkesanan kakitangan diberi keutamaan. Menyentuh tentang perkara ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut yang memberi cadangan yang bernas. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan kursus/latihan bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di hospital-hospital termasuk Pulau Langkawi. Tujuan kursus-kursus tersebut adalah untuk

memastikan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah sentiasa baik, berkesan dan berperi kemanusiaan. Peristiwa seperti yang berlaku di Hospital Langkawi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut adalah satu perkara yang luar biasa dan Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan supaya perkara seperti tersebut tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dapat teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat meminta supaya diadakan sebuah ambulan di setiap klinik desa. Di samping itu beliau juga meminta supaya kempen kebersihan dilakukan sepanjang masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memberi keutamaan yang paling tinggi terhadap perkhidmatan kesihatan luar bandar. Selain daripada membina klinik desa dan pusat-pusat kesihatan di luar bandar, Kementerian juga menetapkan sebuah ambulan di setiap Pusat Kesihatan. Di klinik desa ambulan tidak ditempatkan oleh sebab ambulan di Pusat Kesihatan boleh digunakan jika perlu.

Mengenai kempen kebersihan, Kementerian memang ada rancangan untuk memperbaiki keadaan sekeliling di kampung-kampung menerusi rancangan kebersihan alam sekeliling. Rancangan ini adalah dijalankan secara terus menerus, kadangkala ianya diperkuatkan lagi dengan mengadakan kempen di tempat-tempat yang tertentu. Kempen ini diadakan oleh Kementerian Kesihatan bersendirian ataupun dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain, dengan tujuan untuk memperkukuhkan kesedaran mengenai kebersihan dari segi kesihatan. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Timbalan Menteri Kementerian Penerangan menjawab.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang mana telah menyentuh sebanyak-sedikit berkenaan peranan Kementerian Penerangan.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mengenai iklan tentang Negeri Sabah, semua iklan yang disiarkan oleh RTM adalah diperlukan mengikut peraturan-peraturan pengiklanan Kementerian Penerangan 1983 yang ditetapkan seperti berikut:-

“Tiada sebarang iklan dibenarkan menggunakan ahli-ahli professional atau sesiapa sahaja yang dianggap oleh Kementerian Penerangan mempunyai kedudukan untuk mempengaruhi orang awam seperti guru-guru sekolah, profesor-profesor, pensyarah-pensyarah universiti, doktor-doktor, doktor pergigian, pakar bedah, ahli-ahli kimia perubatan, pakar bedah haiwan, ahli-ahli jururawat, hakim-hakim, guru-guru agama termasuk alim ulama, Senator-senator, Ahli-ahli Parlimen, orang-orang kenamaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat”.

Iklan memperkenalkan Negeri Sabah tersebut telah dipulangkan kepada agensi yang mengeluarkannya selepas beberapa siaran untuk dikemaskinikan supaya ianya tidak melanggar peraturan tersebut. Selepas agensi tersebut membetulkan iklan tersebut ianya

disiarkan semula, baik oleh RTM mahu pun oleh TV3. Berhubung dengan siaran . . .

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*)

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap, silakan Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Chen Man Hin: Saya dengar berkenaan iklan di dalam TV tidak boleh menggunakan orang yang professional atau kenamaan. Di sini saya nampak banyak iklan menggunakan orang kenamaan seperti bintang-bintang filem, penyanyi-penyanyi. Adakah mereka ini termasuk dalam orang kenamaan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, bintang-bintang filem ataupun penyanyi tidaklah termasuk dalam kategori yang saya sebutkan tadi. Apa yang saya sebutkan tadi saya fikir semua telah dengar, kecuali saya diperlukan mengulangnya lagi. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Dr Chen Man Hin: Tidak tepat ataupun palsu kalau menggunakan seorang kenamaan seperti bintang-bintang filem atau penyanyi, ini pengaruhi rakyat ataupun consumers.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban berkenaan dengan penyanyi-penyanyi dalam kategori ini. Yang saya cakap di sini berkenaan dengan pengiklanan Negeri Sabah yang mana orang-orang tertentu tidak boleh menurut Peraturan-Pengiklanan Kementerian Penerangan menjadi actor ataupun pelakon di dalam iklan tersebut. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Saya beri jalan.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup puas hati dengan penjelasan yang diberikan dalam konteks ini. Bagaimanapun saya ingin mendapat tahu sebagaimana yang saya terangkan dalam ucapan saya bahawa iklan itu pada mulanya telah pun diluluskan dan saya telah pun menyatakan rujukan-rujukan sijil penapisan Lembaga Filem Negara yang menyatakan bahawa filem-filem itu telah pun diluluskan yang berunsur land dan nature. Kenapa kalau terdapat kriteria-kriteria yang tertentu ataupun peraturan di dalam perkara ini tidak diketahui pada mulanya, kenapa ia diluluskan pada mulanya dan kemudian dibatalkan balik. Adakah benar bahawa sesudah Mesyuarat Kongres USNO baharulah iklan ini telah ditarik kembali kerana itu adalah berdasarkan kepada satu resolusi supaya iklan itu ditarik balik. Dan saya mempunyai kepercayaan kerana kalau tidak dari mula ianya tidak diluluskan dan kelulusan itu tidak pun ditarik balik. Ini yang menjadi tanda tanya. Minta penjelasan.

Tuan Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada dua persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud berkenaan iklan Negeri Sabah. Yang pertama, mengapa iklan tersebut telah diluluskan dan dimainkan di televisyen sebagai satu komersial, ini saya percaya bahawa ianya merupakan satu perkara yang pihak Kementerian sendiri overlook setelah ianya dimainkan baharulah ianya didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan dan kemudian ditarik balik supaya dibetulkan hingga sekarang

baharulah dimainkan balik. Yang kedua, bahawa penarikan balik iklan ini . . .

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud, biar dia habis dahulu menjawab.

Tuan Maidom P. Pansai: Terima kasih. Adakah itu bermaksud bahawa hanya terdapat gambar Ketua Menteri di situ yang menyebabkan bahawa iklan itu tidak boleh diluluskan dan saya fikir tindakan telah pun diambil kerana brief appearance Ketua Menteri di dalam iklan itu telah pun dibatalkan dan kenapa pula sebahagian daripada iklan-iklan itu tidak diteruskan sesudah kemunculan Ketua Menteri Sabah itu telah pun dibatalkan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kemunculan Ketua Menteri atau siapa tidak ada kena-mengena sama ada soal pembatalan ataupun penarikan balik iklan ini. Seperti yang saya katakan tadi penarikan itu melibatkan orang-orang yang berpengaruh, jika Ketua Menteri kebetulan sebagai seorang Ahli Parlimen, ia tertakluk dalam perkara yang disebutkan dalam syarat, bukan kerana dia Ketua Menteri. Selain daripada itu juga bahawa penarikan iklan tersebut ada beberapa perkara lain yang telah dibetulkan, bukan semata-mata ada Ketua Menteri di situ. Selain daripada itu juga bahawa kita telah menayangkan semula selepas pembetulan-pembetulan itu dibuat dengan baiknya bila ianya dikembalikan oleh agen yang membetulkannya.

Boleh saya meneruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tahu apakah pembetulan-pembetulan yang telah dilakukan oleh Kementerian Penerangan terhadap filem yang dimaksudkan ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Satu, pemotongan gambar Ketua Menteri Sabah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Belud tadi. Kedua, dengan memasukkan nama selepas "bumi indera permai" masukkan nama "Malaysia" di situ yang pada mulanya tidak ada. Sebab kenapa kita buat begitu ialah kita mahu memberikan gambaran bahawa Sabah dalam Malaysia. Kita tidak mahu orang ramai menganggap bahawa Sabah di luar Malaysia kerana tidak timbul di sini bahawa Sabah itu negeri atau negara dengan sendirinya. Itulah jawabannya.

Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Maidom P. Pansai: Boleh satu lagi, terakhir?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak puas hati lagi.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Okay, saya beri satu lagi.

Tuan Maidom P. Pansai: Terima kasih, Yang Berhormat. Dengan penjelasan tadi adakah itu menyatakan bahawa kini iklan tersebut kembali ditayangkan dan akan kita dapat saksi nanti kerana selama ini belum lagi dapat dilihat bahawa ianya telah kembali ditayangkan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Seharusnya sudah ditayangkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri pun tidak melihat televisyen begitu kerap kerana kalau pembetulan telah dibuat dan dikembalikan balik kepada RTM atau TV3 seharusnya ia sudah ditayangkan. Sama ada kita lihat atau tidak, kawan-kawan saya kata, sudah.

Tuan Maidom P. Pansai: Satu lagi.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Silakan.

Tuan Maidom P. Pansai: Jadi saya ucapkan terima kasih kerana keikhlasan Kementerian berkenaan dan oleh sebab saya belum lagi melihat iklan itu ditayang semula di televisyen sehingga sekarang ini, maka saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan agar memberi jaminan di Dewan yang mulia ini agar ianya akan benar-benar dapat dilihat di dalam erti kata yang sebenar-benarnya di dalam TV nanti.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Belud. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun lupa menjawab satu perkara tadi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Belud iaitu katanya adakah benar bahawa saranan pembatalan ini dibuat selepas Persidangan Agung USNO pada bulan Januari, baru-baru ini. Yang sebenarnya penarikan balik awal daripada itu, iaitu pada bulan Oktober tahun 1989 sebelum Persidangan Agung USNO dan lagi pun tidak kena-mengena dengan Persidangan Agung USNO yang telah diadakan.

Berhubung dengan siaran rancangan Tamil pula yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor, dimaklumkan tiada siaran rancangan Tamil daripada Melaka ataupun Ipoh dari dahulu lagi. Siaran-siaran Tamil yang dibuat daripada Pulau Pinang

dan Johor Bahru telah diberhentikan sejak 31hb Disember, 1988. Kerajaan daripada 1.1.89 telah menyiarkan rancangan-rancangan Tamil hanya daripada Angkasapuri yang dapat diikuti oleh seluruh Semenanjung. Walau bagaimanapun, masa siarannya telah ditambah sebanyak 4½ jam dan pada masa ini secara purata RTM menyiarkan selama 12 jam siaran Tamil sehari. RTM sedang berusaha supaya masa siaran rancangan-rancangan Tamil di Radio ditambah sehingga 18 jam sehari di masa-masa akan datang.

Mengenai rancangan-rancangan Majalah, RTM sentiasa mengkaji dan menilai rancangan-rancangan terbitannya daripada masa ke semasa. Mengikut pandangan Kementerian ini, rancangan-rancangan seperti Tumpuan Minggu dalam bahasa Tamil, Skop dalam bahasa Inggeris, Fokus dalam Bahasa Malaysia dan Lembaran Minggu dalam bahasa Mandarin perlu ditukarkan untuk memupuk hasrat perpaduan yang lebih bermakna. Rancangan-rancangan Majalah yang diterbitkan oleh RTM haruslah lebih menumpukan kepada ciri-ciri memberi faedah kepada semua kaum dan mengurangkan unsur-unsur perkauman. Oleh itu, rancangan-rancangan sedemikian telah diganti dengan rancangan-rancangan yang bercorak kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa nasional untuk menyatupadukan rakyat.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah unsur-unsur dalam rancangan tersebut yang berunsur perkauman seperti Drama

Pelangi atau Lembaran Minggu. Bolehkah berikan unsur-unsur tersebut?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi seperti Lembaran Minggu dan sebagainya bukanlah satu perkara yang merupakan unsur perkauman daripada segi perkara yang ditonjolkan, tetapi daripada segi penggunaan bahasa itu yang mana dengan menggunakan Bahasa Malaysia kita lebih merapatkan lagi unsur-unsur kebangsaan yang kita idam-idamkan.

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya berdasarkan kepada logik yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka saya rasa khuatir sangat sama ada Kementerian beliau juga bercadang memansuhkan siaran Warta Berita dalam bahasa Tamil dan juga bahasa Mandarin sebab itupun melibatkan penggunaan bahasa yang bukan Bahasa Malaysia.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan, kita kena lihatlah daripada segi kepentingan perkara-perkara yang perlu kita sampaikan kepada masyarakat Cina, India, Melayu dan yang lain-lain. Jadi, buat sementara ini tidak ada cadangan untuk memansuhkan Berita-berita dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina, begitu juga bahasa Inggeris.

Boleh saya teruskan?

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kerana jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi seakan-akan bercanggah dengan jawapan yang diberikan apabila beliau menjawab soalan dalam masa Soal-Jawab yang menyatakan bahawa rancangan ini ditukarkan kerana ia tidak menggalakkan pemupukan semangat perpaduan dan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sebab utama kerana penggunaan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia. Saya hendak bertanya adakah ini satu dasar Kerajaan yang telah diluluskan oleh Kabinet kerana kalau ini benar, ini bercanggah dengan Perlembagaan yang menjamin bahawa penggunaan bahasa dibolehkan, Perkara 152 (1) (b). Saya hanya hendak tahu sahaja adakah itu satu dasar yang telah diluluskan oleh Kabinet atau Menteri Penerangan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada pendapat Yang Berhormat dari Kota Melaka bercanggah, tetapi kepada Kerajaan tidak bercanggah kerana dengan memansuhkan satu-satu program yang berunsurkan perkauman itu tidak bererti kita akan memansuhkan bahasa itu seterusnya kerana kita fikirkan daripada segi-segi yang penting kita tidak mansuhkan, seperti Berita yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ampang Jaya sebentar tadi. Jadi, saya tidak nampak perkara mana yang bercanggah dalam hal ini.

Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Dibuat oleh Kabinet atau dibuat oleh Menteri Penerangan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat dari Kota Melaka, duduk!

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tidak payahlah saya jawab Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tanya kalau dia tidak mahu jawab, cakap tidak mahu jawablah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa soalan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah sangat berbau perkauman, tidak usah layanlah, habis masa sahaja.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Madatang bin Morejal: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bandau.

Tuan Madatang bin Morejal: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang majalah-majalah dalam RTM, saya tertarik dengan satu rancangan RTM yang bernama Rampaian Kenyalang yang menceritakan tentang kegiatan-kegiatan Kerajaan Negeri Sarawak dalam tiap-tiap minggu rancangan itu ditayangkan dalam RTM. Jadi, soalan saya, apakah sebab negeri Sarawak diberi perhatian dalam RTM, manakala negeri Sabah tidak pula diberi perhatian seperti juga Kerajaan negeri Sarawak?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Bandau melihat televisyen, Sabah juga ada seperti Sarawak yang dipanggil program dari Sabah yang isi kandungan liputannya sama dengan Sarawak, selama 25 minit hingga 30 minit setiap dua minggu sekali, iaitu bergilir dengan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai drama, langkah Kementerian . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Berikah tidak?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Tidak banyak lagi, sedikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak berani jawab, cakaplah.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tak payahlah.

Mengenai langkah Kementerian Penerangan menswastakan penerbitan drama-drama tempatan termasuk drama Tamil adalah sebagai usaha Kerajaan menggalakkan industri perfileman tempatan di samping memberi peluang

kepada pihak swasta mengeluarkan drama-drama yang bermutu tinggi untuk tontonan ramai. Pihak swasta perlulah mengambil peluang ini dengan menerbitkan rancangan-rancangan yang bermutu selaras dengan garis-garis panduan yang ditetapkan. Penyiaran drama-drama Tamil yang bermutu adalah bergantung kepada bekalan yang diterima. RTM sedia menyiarkan drama-drama Tamil jika ada penerbit swasta yang dapat mengeluarkan drama Tamil yang sesuai bagi ditonton oleh masyarakat Malaysia.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Timbalan Menteri oleh kerana dia menyebut soal drama Tamil. Kalau tidak silap saya, saya ada menyaksikan satu drama ketika Hari Deepavali. Dalam drama Tamil itu saya dapati bahawa suasananya, keadaannya ditunjukkan dalam drama itu 100% sehingga tidak menggambarkan ke-Malaysiaan. Saya menyangka pada awalnya drama itu datang daripada India, bukan daripada Malaysia atau bukan buatan tempatan. Tetapi apabila saya melihat kebetulan suatu kenderaan yang digunakan dalam drama itu dan plate nombornya, barulah saya mengetahui bahawa drama itu sebenarnya drama berunsur tempatan. Tetapi adalah satu perkara malang kalau digambarkan atau didedahkan dengan drama Tamil yang sebegitu rupa dan tidak menggambarkan ke-Malaysiaan. Apakah drama-drama yang seperti ini yang mahu ditonjolkan oleh RTM? Jadi, apakah dasar atau polisi yang ada supaya kalau drama Tamilkah atau drama Cinakah, sekurang-kurangnya dia menggambarkan satu keadaan

masyarakat, the reality masyarakat di Malaysia, sebagaimana drama Melayu—ada India, ada Cina. Apakah tidak mungkin dalam drama Tamil atau drama Cina dimasukkan sedemikian rupa, unsur-unsur itu kerana kita sekarang untuk perpaduan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu, sebenarnya pembuatan drama Tamil tempatan memang tidak banyak kita terima, kerana harganya terlalu mahal dan juga tidak mendapat sambutan daripada iklan. Jadi, apa Yang Berhormat lihat dalam drama Tamil itu barangkali ada perkara-perkara yang tidak menggambarkan masyarakat Malaysia. Tetapi walau macam manapun ianya telah diterima berdasarkan perkara-perkara tertentu yang difikirkan tidak menyalahi peraturan pengiklanan.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Apakah itu perkara-perkara tertentu?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Duduklah dahulu. Apakah itu perkara-perkara tertentu? Apakah kerana ia mengikut selera seorang Menteri atau selera Timbalan Menteri atau selera Setiausaha Parlimen atau selera pegawai-pegawai yang meluluskan drama tersebut? Apakah tidak mengambil kira soal selera rakyat terbanyak atau selera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, misalnya (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak tengok filem Tamil (*Ketawa*).

Tuan Zubir bin Embong: Seharusnya menggambarkan hasrat dan aspirasi rakyat, bukan aspirasi seorang dua dalam Kementerian Penerangan. Saya ingat ini yang harus menjadi dasar besar, bukan dasar hanya dua, tiga, pemikiran seorang dua sahaja.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Jika sekiranya perkara-perkara yang ditimbulkan itu sedikit sebanyak telah memberi satu teguran kepada kami, insya Allah, kami akan mengambil perhatian. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dapat tahu filem Tamil itu tidak membayangkan unsur-unsur Malaysia? Adakah dia fasih dalam bahasa Tamil, (*Ketawa*) berlagak seperti aur ditarik songsang.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyaksikan filem itu menunjukkan saya walaupun filem Tamil, tetapi semangat saya ada, cita-cita saya kerana hendak mmahami masyarakat orang India, sebab itu saya tengok cerita Tamil. Tidak sebagaimana Yang Berhormat dari Kepong, dia hanya melihat cerita Cina sahaja, cerita Melayu tidak mahu tengok, cerita India tidak mahu tengok. Tetapi bila berhadapan dengan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, dia kata dia tengok cerita India (*Ketawa*)—political mileage.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Akhir

sekali, mengenai transmitter TV, sepertimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut, RTM membuat pembelian transmitter TV melalui . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan, boleh beri?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mengenai dengan drama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Penerangan, berapa banyakkah ataupun kalau boleh diberikan dalam bentuk peratus, drama-drama yang bercorak sejarah yang menceritakan tentang sejarah terutamanya dari segi kepahlawanan, dari segi pembelaan kepada tanahair, dari segi yang lain-lain yang berbentuk sejarah. Sebab saya lihat drama-drama yang dipersembahkan di dalam TV Malaysia walaupun ada, tetapi agak berkurangan. Daripada pendedahan yang begitu kurang menyebabkan ramai rakyat Malaysia khususnya yang bukan jati ataupun tempatan tidak faham reality hidup. Bila dia tidak faham reality hidup, dia cakap sembarangan, sembrono sahaja, macam yang terjadi kepada seorang Vice-Chancellor yang tidak mahu memahami reality dan kepentingan hidup. Minta penjelasan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada peratusan-peratusan, berapa peratus soal drama unsur apa, berapa peratus soal drama unsur kebudayaan, unsur sejarah dan sebagainya. Kita di RTM cuma menerima drama yang baik kualitinya berunsurkan Malaysia dan boleh diterima daripada segi penghidupan rakyat Malaysia. Itulah antara perkara-perkara yang kita . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan. Ini berkenaan dengan satu perkara, oleh kerana Timbalan Menteri kata hendak mengakhirkkan jawapannya, satu perkara yang mungkin tidak ada kaitannya dengan drama tetapi ada kaitannya dengan unsur-unsur kemelayan ataupun kemalaysiaan kita iaitu baru-baru ini satu konsert hendak diadakan di mana penyanyi international La Toya, kalau tak silap saya, hendak dijemput iaitu adik Michael Jackson datang ke Malaysia ini dan akhirnya tidak dibenarkan kerana kononnya ataupun jawapan daripada Kementerian berkenaan yang bersangkutan iaitu penyanyi undangan ini adalah bercanggah dengan adat resam dan cara hidup kita di Malaysia ini. Tetapi saya masih lihat lagi, malah hari Ahad lepas, saya masih lihat di kaca TV menonjolkan penyanyi yang berkenaan. Jadi, ada konflik di situ, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara yang tak betul boleh dibetulkan, tetapi soal La Toya Jackson tak dapat datang ke Malaysia, saya fikir bukan soal Kementerian Penerangan yang tidak mahu, Kerajaan Malaysia yang tidak mahu oleh kerana sebab-sebab tertentu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, saya hendak tanya Timbalan Menteri, boleh beri jalan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Satu lagi soalan daripada Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya berterima kasih dan ucapkan syabas kepada pihak Kementerian Penerangan kerana mengadakan kepelbagaian drama tetapi saya juga

tidak bersetuju kalau sekiranya drama-drama yang berunsur sejarah yang mengembalikan kesedaran kepada pertuanan hak, bangsa dan tanahairnya sendiri dilupa ataupun kalau diingat diletakkan tarafnya sama dengan bentuk bidang-bidang yang lain. Kalau ini yang diperlihatkan dan cuba ditonjolkan sepanjang waktu dan zaman ia akan melahirkan manusia-manusia penonton yang tidak ada citarasa cinta kasih sayang kepada negeri ini. Kalau itu yang dibuat saya ingin mencadangkan perbuatan ini diberhentikan, disemak balik dipost-mortem balik, dikaji balik dan saya menuntut supaya drama-drama yang berbentuk sejarah ini dijadikan satu target untuk sepanjang tahun ini ataupun akan datang. Mudah-mudahan orang seperti DAP itu tidak berlaku dalam Dewan ini, kerana tak faham drama, tak faham sejarahlah yang menyebabkan DAP jadi macam ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Tertib Mesyuarat . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya belum habis lagi . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Tertib mesyuarat 36 (6). Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang itu dia sebutkan Naib Canselor juga dahulu, tetapi apabila dia dicabar untuk mengulangi apa yang dikatakan perkataan songsang di dalam Dewan yang mulia ini, dia tak berani untuk mengulangi di luar. Itulah kerana ada galakan daripada Menteri Pendidikan, dia benar-benar hendak ucapkan yang tidak betul, yang songsang, yang tidak wajar laksana "Seludang menolak mayang".

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, 36. 36 apa, Tuan Yang di-Pertua? Banyak (1), (2), (3), (4).

Dr Tan Seng Giaw: 36 (6).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bacalah saya hendak dengar.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak tahu duduklah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa salahnya, Tuan Yang di-Pertua, songsang—songsang apa, kalau kangkung tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Marang, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Dia pernah sebutkan Naib Canselor, dia sebut perkataan songsang juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu cerita lain, Tuan Yang di-Pertua. Saya cerita mengenai dengan RTM.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta seorang bangun sekali.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Timbalan Menteri yang kita kasihi, yang handsome ini, mengenai dengan perkara-perkara yang berlaku dalam RTM, bukan dalam cerita Kepong yang bingung ini (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Timbalan Menteri teruskan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada pertanyaan ataupun keraguan Ahli Yang Berhormat daripada Marang, telah saya katakan tadi bahawa soal drama kita . . .

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Ampang Jaya hendak apa?

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan sedikit sahaja. Ini yang terakhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habiskan dahulu jawapannya, biarlah dia habiskan jawapan kepada Ahli dari Marang.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menjawab. Seperti saya katakan tadi bahawa berkenaan saranan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Marang, kita sentiasa memerlukan drama-drama yang berkualiti. Itu satu perkara pokok. Memang saya akui benar, drama yang berasaskan skrip yang baik boleh kita terima termasuklah skrip-skrip yang menonjolkan kepahlawanan Melayu dan sebagainya. Jadi, perkara pokoknya kalau skrip itu baik dan hasil karya itu baik kita terima sama ada ianya berunsurkan kepahlawanan Melayu, ketuanan Melayu, mahupun cerita cinta dan sebagainya tidak ada bezanya. Dan saya juga bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa perkara-perkara yang berunsurkan kemalaysiaan, yang menekankan adat resam dan kepahlawanan Melayu memang perlu kita tonjolkan. Tetapi walau bagaimanapun, asasnya mesti berpandukan kepada skrip dan cerita yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Ahli dari Ampang Jaya minta penjelasan.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memang

tidak bermaksud hendak ganggu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma berkisar pada soal penggunaan bahasa untuk rancangan-rancangan RTM itu, saya rasa agak keliru sedikit sebab apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa rancangan-rancangan seperti Lembaran Minggu, Skop dan sebagainya di-berhentikan atas sebab penggunaan bahasa yang bukan Bahasa Malaysia sebab kita hendak memupuk satu masyarakat yang bersatu padu. Saya rasa ada bercanggah sedikit dengan hakikat yang sebenarnya, sebab cuba kita lihat pada siaran Radio Malaysia, khususnya rancangan bahasa Mandarin dan juga bahasa Tamil. Itupun sudah dapat pemanjangan tempoh—masa kepada 18 jam sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, apakah logiknya. Saya hendak tahu.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Logiknya kerana selepas kajian didapati bahawa program-program ini kurang mendapat sambutan. Jadi, telah dimasukkan dalam Dimensi, dalam Wawancara dan yang lain-lain lagi untuk mendapatkan penonton yang lebih banyak. Itulah sebabnya, bukan kerana ada soal bias daripada segi bahasa dan sebagainya. Kalau kita bias bererti kita boleh hapuskan setiap program dalam bahasa Cina, bahasa Tamil dan sebagainya, tetapi ini tidak. Itulah jawapan saya yang saya dapat sampaikan. Akhir sekali, mengenai transmitter T.V. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tak payahlah, sudah hendak habis jawapan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Kota Melaka, duduk! Dia tak beri jalan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Sudah jawab semua. Tak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Bohong!

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai transmitter TV sepertimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tidak layak jadi Menteri . . .

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: . . . RTM membuat pembelian transmitter melalui proses tender . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada Yang Berhormat dari sebelah belakang berdiri.

Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Kota Melaka menggunakan perkataan bohong dalam Parlimen. Jadi, saya minta ruling dari Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Kota Melaka ada sebut bohong? Ada?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada satu ketika dia cakap . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Kita tak boleh mengatakan Ahli Parlimen yang lain itu bohong. Saya minta tarik balik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya minta dia tarik balik, Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Lim Guan Eng: Dia tetap bohong.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: . . . Kalau tidak, saya hendak gunakan juga, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu pembohong juga.

Tuan Lim Guan Eng: Ada asas atau tidak?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, sekarang dia kata perkataan bohong dan dia juga kata tidak layak jadi Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kuala Terengganu duduk sekejap, minta duduk. Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya minta tarik balik perkataan bohong.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana menghormati Tuan Pengerusi, saya tarik balik, tetapi tetap bohong. Saya tarik balik.

Beberapa Ahli: Apa ini! Apa ini!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik perkataan bohong tetapi dia kurang ajar.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6).

Tuan Zubir bin Embong: Saya juga minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dulu, saya minta semua Ahli Yang Berhormat duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri kurang ajar juga kerana tingkah lakunya macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta semua berhenti, saya tak mahu dengar lagi ucapan-ucapan yang tidak baik untuk Dewan kita ini dan saya minta Timbalan Menteri meneruskan dan tidak ada gangguan lagi.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Ucapan saya sudah tamat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

6.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam perbahasan atas Titah Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyeru agar seluruh lapisan masyarakat dan sektor swasta mengambil segala peluang yang ada hasil dari kejayaan

negara membina imej dan suasana yang baik pada masa ini di dalam meningkatkan lagi industri pelancongan negara. Beliau juga mengingatkan kita supaya merancang persiapan-persiapan dengan teliti kerana ketidakcekapan kita merancang persiapan-persiapan yang perlu ini akan menjejaskan kejayaan Tahun Melawat Malaysia. Di samping itu, beliau juga meminta supaya Kerajaan berhati-hati dengan elemen-elemen negatif yang dibawa masuk oleh pelancong-pelancong asing terutama oleh pelancong-pelancong kelas bawahan supaya tidak mempengaruhi masyarakat tempatan.

Dalam hal ini, suka dimaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memang menyanjung tinggi pandangan dari Ahli Yang Berhormat berkenaan. Kementerian telah dan akan terus merancang program-program pelancongan serta berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat dalam industri pelancongan seperti penyediaan tempat-tempat penginapan yang mencukupi, pengangkutan yang sesuai, mengadakan kempen-kempen penerangan dan lain-lain lagi bagi menjamin keselesaan pelancong semasa berada di negara ini dengan harapan mereka akan datang lagi ke negara ini dan tinggal lebih lama di masa akan datang.

Dalam hal ini kerjasama dari semua pihak seperti pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, swasta dan orang perseorangan adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah di dalam usaha menarik pelancong ini akan timbul beberapa perkara yang tidak diingini seperti kemasukan gejala-gejala kurang sihat yang bertentangan dengan budaya masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian dengan agensi. Kerajaan lain akan cuba sedaya upaya bagi menyekat gejala-gejala. ini. Sebab itulah di dalam setiap

promosi pelancongan negara, Kementerian menonjolkan budaya negara yang unik dan keindahan alam semula jadi negara sebagai daya tarikan pelancong di mana diharapkan dengan menunjukkan contoh yang baik ini pelancong-pelancong akan dapat menghayati sosio-budaya masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keraguan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan akan kejayaan Tahun Melawat Malaysia, suka dijelaskan di sini bahawa Kementerian yakin usaha-usaha kita memperkenalkan negara ini kepada bakal-bakal pelancong luar negeri melalui Tahun Melawat Malaysia memang mula menampakkan hasil yang memuaskan dengan bertambahnya bilangan pelancong ke Malaysia pada masa ini.

Kementerian dengan kerjasama rapat daripada pihak swasta, khususnya syarikat pengembaraan dan perhotelan, telah dan akan berusaha agar para pelancong yang datang ke rantau ini akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama mereka. Daripada maklumat-maklumat awal yang kita terima, kadar penginapan hotel-hotel di Malaysia telah meningkat dengan kadar yang tinggi sehingga pada kadar 90% atau lebih. Namun begitu di masa-masa tertentu khususnya musim percutian terdapat juga masalah penginapan di tempat-tempat tertentu.

Mengenai kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa industri pelancongan merupakan satu industri yang amat besar dan luas bidangnya yang mana meliputi berbagai-bagai aspek terutamanya bidang-bidang kemudahan penginapan, pengangkutan, kemudahan awam seperti pos, pertukaran wang asing, tandas, tempat-tempat berehat, kedai-kedai makan, pusat membeli-belah

serta penguatkuasaan undang-undang dan imigresen di mana ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian sendiri.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak swasta bagi menyelaras perkara-perkara yang perlu dilakukan bagi tujuan menggalakkan dan pembangunan industri pelancongan negara.

Menyentuh mengenai penyaluran pelancong-pelancong ke lain-lain tempat selain daripada Kuala Lumpur, Johor Baharu atau Pulau Pinang, memang menjadi hasrat Kementerian untuk memperkenalkan juga lain-lain destinasi pelancongan di seluruh negara terutama tempat-tempat yang baru seperti Pulau Langkawi, Tioman dan negeri-negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Ini jelas dapat dilihat dari penyebaran maklumat-maklumat mengenai tempat-tempat berkenaan di seluruh dunia semasa kempen promosi Kementerian di luar negeri. Terpulanglah kepada pelancong-pelancong itu sendiri memilih tempat-tempat yang mereka gemari untuk melancong.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas melalui pemerhatian beliau bahawa kebanyakan pelancong yang datang adalah bertaraf ekonomi atau 'budget travellers', suka dinyatakan bahawa dakwaan itu adalah kurang tepat. Kita amat bertuah kerana kita telah dapat menonjolkan negara kita kepada berbagai golongan taraf pelancong di mana kita dapat melihat berbagai taraf pelancong telah datang ke negara kita. Pelancong-pelancong yang disebut bertaraf ekonomi juga berbelanja semasa mereka berada di Malaysia dan perbelanjaan mereka juga merupakan sumbangan kepada tukaran wang asing.

Berdasarkan kepada maklum balas daripada pengusaha-pengusaha hotel

dan pengusaha-pengusaha pelancongan, hotel-hotel di negara kita daripada semua taraf atau peringkat telah mencapai kadar penginapan yang tinggi dan meningkat seperti yang saya sebutkan awal tadi sekitar 90%. Ini membuktikan bahawa pelancong-pelancong yang datang tidak terhad kepada pelancong-pelancong ekonomi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemasangan lampu-lampu di Kuala Lumpur khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia, ianya tidaklah terlalu banyak dan tidak harus pula dianggap sebagai membazir kerana lampu-lampu tersebut adalah sebahagian daripada perhiasan bagi memperindahkan Kuala Lumpur bersesuaian dengan sifatnya sebagai "Bandaraya Taman Bercahaya". Mengenai pemasangan lampu sehingga awal pagi hanyalah dibuat bersempena dengan sesuatu perayaan tertentu sahaja manakala pada hari-hari biasa hanya sebahagian sahaja daripada lampu-lampu berkenaan dipasang.

Di samping itu suka saya memperingatkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, di samping kita memasang lampu untuk menghias Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan juga tidak lupa malah akan terus merancang untuk memberi kemudahan ke tempat-tempat yang memerlukan khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat dari Larut meminta supaya Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menulis surat memohon maaf kepada seorang pelancong yang anaknya tidak mendapat rawatan yang memuaskan kerana mendapat kecederaan ketika menunggang basikal di Langkawi, Kementerian berpendapat perkara ini tidaklah perlu diperbesarkan. Ianya berlaku hanya secara kebetulan sahaja. Dan boleh berlaku di mana-mana jua di dunia ini. Oleh yang demikian, surat memohon

maaf tersebut adalah tidak perlu. Adalah memadai kejadian ini dan juga lain-lain perkara seumpamanya ini yang boleh menjejaskan imej negara diberikan perhatian sewajarnya oleh semua pihak yang berkaitan di masa akan datang, agar ianya tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada Kementerian sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Semua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian ini masa kini dan masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Akhir sekali, Kementerian Buruh.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan memberi padangan dan teguran-teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh. Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan dapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan ke atas beberapa isu

utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Larut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasannya, Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak bersetuju dengan tindakan Menteri Buruh merujuk pertikaian di antara NUPW dengan MAPA ke Mahkamah Perusahaan. Beliau meragui keupayaan Mahkamah Perusahaan menyelesaikan pertikaian tersebut dengan adil dan memuaskan serta mengesyorkan Kerajaan menubuhkan sebuah Majlis Gaji bagi menentukan gaji pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, rujukan pertikaian mengenai dengan perjanjian bersama di antara MAPA dan NUPW di Mahkamah Perusahaan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh, adalah sejajar dengan prosedur yang diamalkan di negara ini menurut Seksyen 26 (2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Tindakan ini diambil kerana perundingan secara langsung di antara kedua-dua pihak serta usaha-usaha pendamaian secara langsung di antara kedua-dua pihak dijalankan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan tidak menghasilkan satu penyelesaian. Permogokan yang dilancarkan oleh pihak Kesatuan berikutan kebuntuan perkara ini mungkin akan menjejaskan ekonomi negara ini sekiranya tindakan ini berterusan. Dalam keadaan ini, pertikaian ini telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan sebagai satu langkah yang wajar.

Sebenarnya, sebelum perkara ini mencapai satu kebuntuan, kedua-dua pihak telah mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Buruh di mana kedua-dua pihak telah bersetuju akan berunding sesama sendiri. Akan tetapi pada 31hb Januari tahun ini pekerja-pekerja NUPW telah melancarkan mogok. Pada hari yang sama Pemangku Menteri Buruh telah menemui pihak Kesatuan serta menasihatkan supaya ditamatkan

mogok. Oleh kerana sehingga petang 2hb Februari, 1990, pihak Kesatuan masih tidak memberi keputusan, maka pertikaian ini telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan atas kepentingan negara. Walau bagaimanapun, setelah perkara ini dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk berunding semula. Jabatan Perhubungan Perusahaan sedang berusaha membantu kedua-dua pihak mencapai satu penyelesaian atas perkara ini. Ada kemungkinan besar perkara ini akan diselesaikan secara runding-damai kerana kedua-dua pihak mampu membincang perkara-perkara gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang lain, dan Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Majlis Gaji bagi sektor ladang ini.

Mengenai dengan gaji \$7.90 yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, adalah dimaklumkan bahawa kadar ini adalah gaji pokok harian penoreh getah. Selain daripada gaji pokok ini, penoreh-penoreh getah juga dibayar elaun-elaun berasaskan kepada harga getah dan juga penghasilan mereka. Di samping itu mereka juga akan dibayar untuk getah sekerab yang dikutip.

Berhubung dengan isu Harris Solid State Sdn. Bhd., adalah dimaklumkan bahawa aduan pihak kesatuan mengenai pertukaran pekerja-pekerja ke Harris Advanced Technology sedang disiasat di bawah seksyen 8 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga membangkitkan mengenai penolakan rayuan pekerja-pekerja elektronik untuk menubuhkan kesatuan kebangsaan untuk melindungi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membenarkan penubuhan Kesatuan Sekerja Dalam dan bukan Kesatuan Sekerja Kebangsaan di industri elektronik kerana industri ini amat sensitif kepada

keadaan hubungan perusahaan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri elektronik di Malaysia bukan sahaja merupakan satu penarik pelaburan yang penting bahkan ia juga merupakan penyumbang utama kepada eksport negara. Selain daripada itu industri ini juga menjanjikan sejumlah besar pekerja-pekerja dalam sektor perkilangan iaitu seramai lebih kurang 85,000 pekerja dan kebanyakan daripada mereka adalah golongan muda. Enterprises yang menggajikan mereka adalah cukup besar untuk menubuhkan kesatuan di peringkat enterprise. Memandangkan hakikat ini, adalah dirasakan kepentingan kedua-dua industri dan pekerja perlu dilindungi. Oleh itu Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membenarkan penubuhan Kesatuan Sekerja Dalam di peringkat enterprise bagi industri ini.

Kementerian Buruh yakin dengan penubuhan Kesatuan Sekerja Dalam akan dapat mewujudkan serta mengekalkan perhubungan baik di antara pekerja dan majikan. Satu kesatuan yang khusus bagi satu tempat kerja dijangka akan mewujudkan satu kefahaman yang lebih mendalam mengenai kedudukan syarikat berkenaan dan seterusnya menambahkan keupayaan dalam memperjuangkan kepentingan ahli-ahli.

Merujuk kepada kekurangan kemudahan asas di ladang-ladang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut, Kementerian Buruh sedar bahawa perumahan pekerja serta kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan dan perubatan di ladang-ladang perlu diperbaiki supaya pekerja-pekerja dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Dalam hal ini, Kementerian Buruh telah selesai mengkaji semula Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja 1966 dan Rump Labour Code dengan

tujuan menggubal satu undang-undang baru bagi meningkatkan taraf pembekalan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang. Perlaksanaan ini, walau bagaimanapun, adalah tanggungjawab bersama tuan punya ladang sendiri, Kerajaan Negeri serta lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kerjaraya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Lembaga Letrik Negara dan Kuasa-kuasa Tempatan yang lain. Dengan tindakan mengkaji semula Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja 1966 dan Rump Labour Code itu adalah diharapkan keadaan dan kedudukan serta kebajikan pekerja-pekerja di sektor perladangan akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Buruh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar, hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil

daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)

Bacaan Kali Yang Kedua

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama “suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu” dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan sejumlah \$246,315,679 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989.

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1989 adalah berjumlah \$274,035,679, tetapi sebanyak \$246,315,679 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$27,720,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Di bawah Perbelanjaan Bekalan, tambahan sebanyak \$246,315,679

adalah dikehendaki bagi perbelanjaan berikut:

Sebanyak \$74.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan aktiviti-aktiviti baru iaitu pengajaran matapelajaran kemahiran hidup di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara, perpindahan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor ke Wisma Majlis Perbandaran Shah Alam, pembelian buku-buku hasil karya sasterawan negara bagi sekolah-sekolah dan agensi-agensi Kerajaan, serta bagi aktiviti-aktiviti yang sedia ada iaitu pembelian buku-buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah. Bayaran emolumen dan tunggakan elaun lebih masa, pembelian peralatan mengajar dan membayar bil-bil elektrik, air dan telefon.

Sebanyak \$46 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.21—Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menampung aktiviti-aktiviti promosi, penyediaan kemudahan-kemudahan pelancongan dan acara-acara khusus untuk Tahun Melawat Malaysia 1990.

Sebanyak \$38.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.25—Kementerian Pertahanan untuk membiayai pembelian alat-alat ganti dan penyelenggaraan kapal-kapal TLDM sebanyak \$13.6 juta dan pesawat-pesawat TUDM sebanyak \$25 juta.

Sebanyak \$26.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan untuk menampung kenaikan harga

ubat-ubatan dan bahan-bahan lain kerana pertambahan pesakit luar dan dalam, bayaran bil-bil elektrik, air, telefon, tambahan kos sewaan helikopter bagi Perkhidmatan Doktor Udara, dengan izin, Flying Doctors Services, membiayai program pembangunan rakyat termiskin dan pembelian komputer mikro untuk pejabat-pejabat Pengarah di negeri-negeri dan Hospital-hospital Besar.

Sebanyak \$19.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27—Kementerian Luar Negeri. Daripada jumlah tersebut, \$16.3 juta adalah untuk menampung perbelanjaan bagi emolumen kerana pertambahan jawatan, elaun tetap dan tunggakan kerana kenaikan pangkat; bayaran bagi perwakilan baru ke Buenos Aires dan Harare, kenaikan kadar sewa bangunan-bangunan Canseri dan rumah-rumah kediaman, pembelian alat-alat Philip Interpretation System dan Computer semasa mesyuarat Inter Governmental Follow up and Coordination Committee (IFCC), pembelian sebuah kereta rasmi Ketua Perwakilan Malaysia di Warsaw, sumbangan tetap Kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan antara-bangsa dan untuk perbelanjaan menghantar satu kumpulan pemerhati Komanwel ke Namibia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.